

PANDANGAN MOHAMMAD HASHIM KAMALI
TERHADAP HUDUD DALAM BUKU
PUNISHMENT IN ISLAMIC LAW

NOR ASIMAH BINTI MAT NOH

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

**PANDANGAN MOHAMMAD HASHIM KAMALI
TERHADAP HUDUD DALAM BUKU
*PUNISHMENT IN ISLAMIC LAW***

NOR ASIMAH BINTI MAT NOH

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**PANDANGAN MOHAMMAD HASHIM KAMALI
TERHADAP HUDUD DALAM BUKU
*PUNISHMENT IN ISLAMIC LAW***

NOR ASIMAH BINTI MAT NOH

**DISERTASIINI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: (No. K.P/Pasport:)

No. Matrik:

Nama Ijazah:

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam **hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”)** yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

PANDANGAN MOHAMMAD HASHIM KAMALI TERHADAP HUDUD DALAM BUKU *PUNISHMENT IN ISLAMIC LAW*

ABSTRAK

Kajian ini menyentuh isu hudud di dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan (EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan). Pada tahun 1993, enakmen ini diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Kelantan dengan sebulat suara oleh ahlinya namun enakmen ini tidak dapat dilaksanakan atas beberapa sebab antaranya percanggahan dengan Perlembagaan Negara. Ada kalangan yang menyokong pelaksanaannya dan tidak kurang juga yang membantah dengan memberikan pelbagai alasan seperti hukuman hudud akan membawa kepada ketidakadilan kepada masyarakat dan akan menyebabkan masyarakat Islam akan menjadi mundur serta ekonomi negara turut akan terjejas. Para sarjana turut membuat ulasan mengenai pelaksanaan enakmen ini di Negeri Kelantan. Di antaranya adalah Mohammad Hashim Kamali yang bangun mengkritik enakmen dengan menghasilkan sebuah buku khusus bagi membincangkannya iaitu "*Punishment in Islamic Law: An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan*". Kajian ini dijalankan bagi membincangkan pandangan yang telah dikemukakan oleh Mohammad Hashim Kamali mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini. Kajian ini dilakukan secara kualitatif, memfokuskan kepada karyanya tentang hudud. Hasil kajian mendapati bahawa antara tiga permasalahan utama yang dikemukakan oleh Mohammad Hashim Kamali mengenai enakmen adalah seperti masalah prosedur, masalah berkaitan dengan realiti masyarakat majmuk, dan masalah pendekatan literal dalam menghuraikan pemahaman mengenai hudud. Secara intipatinya, penjelasannya tentang hudud menggunakan pendekatan reformis-liberal. Beliau lebih bersetuju dengan ulasan sarjana modenis dan bukannya pandangan sarjana klasik. hal ini jelas dapat dilihat di dalam ulasannya pada isu murtad, minum arak, zina dan rogol.

Kata kunci: hudud, EJKS (II) 1993, Mohammad Hashim Kamali, Kelantan

PANDANGAN MOHAMMAD HASHIM KAMALI TERHADAP HUDUD DALAM BUKU *PUNISHMENT IN ISLAMIC LAW*

ABSTRACT

This study addresses the issue of hudud in the Syariah Criminal Code (II) Enactment 1993 (EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan). In 1993, this enactment was approved by the Kelantan State Assemblyman unanimously by its members but this enactment could not be implemented for several reasons including contradictions with the National Constitution. There are some who support the implementation and not less than protesting by providing various reasons such as hudud punishment will lead to injustice to the community and will cause the Islamic community to be backward and the country's economy will also be affected. The scholars also give an opinions on the implementation of this enactment. Among them are Mohammad Hashim Kamali who writing a book namely "Punishment in Islamic Law: An Inquiry into the Hudud Bill of Kelantan" to discuss and criticize about this enactment. This study was conducted to discuss the views expressed by Mohammad Hashim Kamali on this enactment. The study was conducted qualitatively, focusing on his views on Hudud Bill. The findings show that among the three main problems proposed by Mohammad Hashim Kamali on this enactment is procedural problems, problems to do with the realities of Malaysian society and politics, and the fact that the Bill fails to offer a meaningful alternative as it raises questions over the wisdom of a literalist approach to the understanding of hudud. In a nutshell, his explanation of hudud applies the reformist-liberal approach. He further agrees with the Modern Master's review rather than the Classic Master's view. This is clearly can be seen in his comments on apostasy, drinking, adultery and rape issues.

Keywords: hudud, EJKS (II) 1993, Mohammad Hashim Kamali, Kelantan

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين. وبعد،

Titipan penghargaan dan rasa syukur kepada Allah Tuhan sekalian alam atas segala rahmat yang dicurahkan kepada insan yang kerdil ini. Berserah kepadanya atas segala takdir yang dikehendakkan kepada isi alam seluruhnya. Ucapan selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta para sahabat dan para solihin.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dapat menyiapkan kertas kerja ilmiah yang bertajuk “Pandangan Mohammad Hashim Kamali Terhadap Hudud Dalam Buku Punishment in Islamic Law”. Segala kekangan dan kepayahan sepanjang menyelesaikan kajian ini, Alhamdulillah dapat diatasi dengan baik.

Jutaan terima kasih kepada Dr Rahimin Affandi bin Abdul Rahim, penyelia yang tidak jemu-jemu membimbang dan memberi tunjuk ajar kepada saya sehingga disertasi ini dapat disempurnakan. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga tidak dilupakan buat Ketua Jabatan Fiqh dan Usul (JFU), Dr. Luqman Hj. Abdullah dan semua pensyarah di JFU, Prof. Madya Dr. Abdul Karim Ali, Prof. Madya Datin Dr. Noor Naemah Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Raihanah Hj. Azahari, Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Dr. Saadan Man, Dr. Rushdi Ramli, Dr. Ridzwan Ahmad, Dr. Ameen Ahmed Abdullah, Dr. Nor Fahimah Mohd Razif, Dr. Bahiyah Ahmad, Dr Shahidra Abdul Khalil, Dr Muhammad Ikhlas Rosele serta semua kakitangan JFU atas bantuan dan tunjuk ajar sepanjang bergelar pelajar sarjana syariah. Begitu juga dengan kaki tangan ijazah tinggi APIUM dan perpustakaan Universiti Malaya serta Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Ucapan terima kasih buat keluarga tercinta, Suami tercinta Mohd Fadhlhan Syahidi Bin Mohd Rashid kerana telah bertungkus lumus bersama-sama untuk menyiapkan disertasi kami, beserta salam sayang untuk anak-anak tersayang Mohd Firas Adli, Syifa' Humaira' dan Izz Muhammad Rafeef kerana bersabar dan memberi kerjasama yang baik semasa umi dan abi menyiapkan disertasi kami.

Jutaan terima kasih juga buat kedua arwah ibubapa tercinta Mat Noh Bin Mat Hussien dan Saudah Binti Ismail, kedua ibubapa mertua tercinta Mohd Rashid Bin Rafie dan Hakimah Hussin kerana semangat dan dorongan yang diberikan kepada kami untuk menyiapkan master kami. Walaupun rasa ralat dan terkilan kerana tidak sempat menyiapkan semasa arwah mama dan ayah masih ada, namun kerana amanat dan semangat yang diberikannya, anakandamu ini berusaha untuk menamatkan pengajian ini. Begitu juga buat ahli keluarga yang lain, adik-beradik yang banyak memberikan sokongan moral semasa menyiapkan master ini. Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menyiapkan disertasi ini. Semoga segala usaha kita mendapat ganjaran yang setimpal di sisi Allah.

Sekian, wasssalam.

Nor Asimah Binti Mat Noh
IGA130038

KANDUNGAN

ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI KEPENDEKAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	10
1.7 Kajian Literatur	11
1.8 Metodologi Kajian	18
1.8.1 Metode Pengumpulan Data	18
1.8.2 Metode Analisis Data	19
BAB 2: POLEMIK PELAKSANAAN EJKS (II) 1993 NEGERI KELANTAN	21
2.1 Pengenalan	21
2.2 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan	21
2.3 Polemik Pelaksanaan EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan	25
2.4 Perkembangan Pelaksanaan Hudud di Kelantan	35
2.5 Kesimpulan	40

BAB 3: PANDANGAN MOHAMMAD HASHIM KAMALI TERHADAP HUKUMAN HUDUD.....	42
3.1 Pengenalan.....	42
3.2 Biodata Mohammad Hashim Kamali	42
3.3 Latar Belakang Buku “ <i>Punishment in Islamic Law; An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan</i> ”.....	44
3.4 Pandangan Mohammad Hashim Kamali Tentang Hukuman Hudud di dalam Buku <i>Punishment in Islamic Law</i>	46
3.4.1 Pandangan tentang <i>Hadd</i> dalam al-Quran, Sunnah dan <i>Fiqh</i>	47
3.4.1.1 <i>Hadd</i> dalam Al-Quran	47
3.4.1.2 Penekanan Al-Quran mengenai Taubat.....	49
3.4.1.3 <i>Hadd</i> dalam Hadis	50
3.4.2 Pandangan mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan	52
3.4.2.1 Pandangan mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan	52
3.4.2.2 Pandangan mengenai Permasalahan Hudud dalam EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan.....	55
3.4.3 Rumusan Pandangan Mohammad Hashim Kamali mengenai Hukuman Hudud dan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan.....	64
3.5 Kesimpulan.....	67

BAB 4: ANALISA PELAKSANAAN EKJS (II) 1993 NEGERI KELANTAN MENURUT MOHAMMAD HASHIM KAMALI DAN PERKEMBANGAN SEMASA.....	69
4.1 Pengenalan	69
4.2 Analisa Hukuman Hudud dan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan mengikut Pandangan Mohammad Hashim Kamali	69

4.2.1 Isu Masalah Prosedur.....	70
4.2.2 Isu Ketidakadilan dan Diskriminasi kepada Kaum Wanita.....	74
4.2.3 Isu Minum Arak (<i>Syurb</i>).....	80
4.2.4 Isu Murtad.....	84
4.3 Perkembangan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan Selepas Mendapat Kritikan dari Pelbagai Pihak	89
4.4 Kesimpulan.....	92
 BAB 5: PENUTUP	 94
5.1 Pengenalan.....	94
5.2 Dapatan Kajian	94
5.3 Cadangan dan Saranan.....	100
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	102
 BIBLIOGRAFI.....	 103
 LAMPIRAN.....	 114

SENARAI KEPENDEKAN

Prof.	Profesor
Dr.	Doktor
Hj	Haji
h.	halaman
no.	Nombor
S.A.W.	Sallahu ‘Alaihi Wasaalam
t.t	Tanpa tarikh
Terj	Terjemahan
vol.	Volume
jil.	Jilid
r.a	Radiallahu ‘anhu
et. Al	Dan Lain-lain
SWT	Subhanallah wa Taala

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan

PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai panduan tersebut adalah seperti berikut¹:

i. Huruf konsonan

<i>Huruf Arab</i>	<i>Nama</i>	<i>Huruf Latin</i>
ء, أ	<i>alif</i>	a , ’
ب	<i>ba’</i>	b
ت	<i>ta’</i>	t
ث	<i>tha’</i>	th
ج	<i>jim</i>	j
ح	<i>ha’</i>	h
خ	<i>kha’</i>	kh
د	<i>dal</i>	d
ذ	<i>dhal</i>	dh
ر	<i>ra’</i>	r
ز	<i>zay</i>	z
س	<i>sin</i>	s
ش	<i>shin</i>	sh
ص	<i>sad</i>	ṣ
ض	<i>dad</i>	ḍ
ط	<i>ta’</i>	ṭ
ظ	<i>za’</i>	ẓ
ع	<i>‘ayn</i>	‘
غ	<i>ghayn</i>	gh
ف	<i>fa’</i>	f
ق	<i>qaf</i>	q
ك	<i>kaf</i>	k
ل	<i>lam</i>	l
م	<i>mim</i>	m
ن	<i>nun</i>	n
و	<i>waw</i>	w
ه	<i>ha’</i>	h

¹ Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu, *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992); *Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).

ي	<i>ya'</i>	y
ة	<i>ta' marbutah</i>	h,t

ii. Huruf vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(<i>fathah</i>) ـ	a
	(<i>dammah</i>) ـ	u
	(<i>kasrah</i>) ـ	i
Panjang	ـ	ā
	ـ	ū
	ـ	ī
Diftong	ـ	aw
	ـ	ay
	ـ	iy/i
	ـ	uwu

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sebelum Tanah Melayu dikuasai dan dijajah oleh penajah barat, Undang-Undang Jenayah Islam telah pun dilaksanakan serta telah menjadi Undang-Undang Dasar Negara. Ini terbukti dengan kewujudan Hukum Kanun Melaka, Undang-Undang Pahang dan Undang-Undang Kedah.² Undang-Undang Kanun Melaka merupakan undang-undang terawal yang mengandungi elemen-elemen Islam, begitu juga dengan Undang-Undang Adat. Undang-Undang Kanun Melaka mempunyai pengaruh yang besar dan berkesan di negeri-negeri Melayu di bawah pemerintahan empayaranya dan di negeri-negeri yang berjiran seperti Johor, Kedah, Pahang, Perak dan Brunei. Negeri-negeri tersebut telah menjadikan Undang-Undang Kanun Melaka sebagai asas kepada undang-undang negeri mereka.³

Setelah Inggeris berjaya untuk campurtangan di semua negeri di Tanah Melayu, mereka telah membawa perubahan yang besar kepada sistem pemerintahan, di mana mereka telah berjaya mencorakkannya mengikut acuan barat, menggunakan undang-undang dan peraturan-peraturan Inggeris.⁴ Mereka telah melakukan perubahan yang sangat ketara di dalam perundangan Tanah Melayu. Sebagai contoh, Piagam 11 (1826), penguatkuasaan Undang-Undang Sivil (1837), dan Undang-Undang Tanah Melayu yang baru pada tahun 1956 telah memberi kuasa yang luas dan banyak kepada British

² Mohd Azam Hamzah dan Md. Akhir Haji Yaacob, *Falsafah Dan Prinsip Perundangan Islam*, (Selangor: Penerbitan University Kebangsaan Malaysia, 1986) 177 dan M.B. Hooker, *Undang-Undang Islam Di Asia Tenggara (Terj)*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka1992) , 10.

³ Ahmad Ibrahim Dan Mahmud Saedon Awang Othman, *Kearah Islamisasi Undang-Undang Di Malaysia*, (Kuala Lumpur; Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia 1988), 33.

⁴ Zakinah Seman, *Hudud: Pemahaman Dan Penerimaan Masyarakat. Tinjauan Di Daerah Tanah Merah, Kelantan*, (Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya1994), 54.

untuk mengubah serta menghapuskan undang-undang di Tanah Melayu dan menggantikannya dengan undang-undang mereka.⁵

Undang-undang Inggeris telah menjadi undang-undang asas yang telah membawa impak yang besar kepada sistem perundangan Islam, terutamanya kepada Undang-Undang Jenayah Islam. Manakala bidang kuasa Undang-Undang Islam adalah sangat terhad di mana ianya dikenakan kepada orang Islam sahaja dan terhad kepada perkara-perkara yang berhubung dengan kekeluargaan dan individu Muslim, serta yang berhubung dengan penyebaran agama Islam dan aktiviti-aktivitinya.⁶ Manakala undang-undang berkaitan dengan pentadbiran hukum-hukum jenayah, *muamalat*, *muahadah* dan seumpamanya diperuntukkan dia atas undang-undang Inggeris.⁷

Apabila wujud pertentangan di dalam keputusan antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil, maka mahkamah Sivil lebih berkuasa dan digunakan.⁸ Disebabkan itu, banyak Undang-Undang Islam telah dibatalkan.⁹ Undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang dikuatkuaskan di negara ini jelas membuktikan bahawa Undang-Undang Islam sedia ada ini merupakan warisan daripada campur tangan penjajah yang sengaja memperkecilkan peranan perundangan Islam yang luas dan menyeluruh yang pada suatu masa dahulu menjadi undang-undang dasar di negara ini. Kesannya, Islam bukan lagi satu dasar pentadbiran negara, akan tetapi secara praktisnya ditanggapi sebagai satu konsep agama.

⁵ Ahmad Ibrahim, *Perundangan Islam di Malaysia: Dasar dan Pelaksanaannya*, (Kuala Lumpur: Islamic Research Institute, 1981), 71-72.

⁶ Hamid Jusoh, The Position of Islamic Law in the Malaysian Constitution With the Special Reference to the Conversion Case in Family Law, 16–8, Ahmad Ibrahim and Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System*, 55–7

⁷ Ahmad Ibrahim, *Kedudukan Hukum Islam Dalam Masyarakat Melayu*, (makalah, Islam Dan Kebudayaan Melayu, (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Malaysia, 1977), 144

⁸ Rauf., *Ikhtisar Sejarah Islam*. (Rustum. A. Sani (trans.), (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.1987), 126.

⁹ Azizan Abdul Razak, *the Laws in Malacca before and After Islam*. In Tamadun Islam di Malaysia. Khoo Kay Mim (Chief Ed.) (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 42.

Situasi yang telah dilaksanakan oleh British ini membawa impak yang sangat besar terhadap perundangan Islam terutamanya terhadap undang-undang jenayah Islam khususnya hukuman hudud. Undang-undang Inggeris telah dibawa masuk sedikit demi sedikit, dan seterusnya menggantikan perundangan Islam yang telah dilaksanakan sebelum ini. Ternyata sehingga hari ini, undang-undang Inggeris tidak dapat menyelesaikan masalah jenayah malah jenayah-jenayah makin bertambah teruk.¹⁰

Hudud merupakan sebahagian daripada undang-undang jenayah Islam yang mana undang-undang jenayah tersebut merupakan sebahagian daripada syariat Allah yang wajib dijunjung, diamalkan serta dipertahankan oleh setiap kaum muslimin serta muslimat di serata dunia.¹¹ Ia bukanlah suatu hukum yang terhasil daripada ciptaan manusia berdasarkan pengalaman serta pengetahuan mereka yang sangat terhad dan sangat terbatas, bahkan bukan juga terhasil daripada rakyat. Ianya adalah ciptaan Allah S.W.T yang Maha Agong, yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.¹²

Syariat ini diturunkan oleh Allah s.w.t melalui perutusan malaikatNya Jibril a.s kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk disebarluaskan ke seluruh alam. Syariat ini dijanjikan oleh Allah S.W.T sebagai syariat yang cukup sempurna dan cukup lengkap. Ini bertepatan dengan sabdaNya di dalam kitab suci Al-Quran yang berbunyi:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعُهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: Kemudian Kami jadikan engkau (wahai Muhammad) menjalankan sesuatu syariat yang cukup lengkap dari hukum-hukum agama, maka ikutlah jalan syariat, dan janganlah engkau mengikuti hawa nafsu orang yang tidak mengetahui perkara yang benar".¹³

(al-Jathiyah:18)

¹⁰ Nor-Ina Kanyo, Tinjauan Dasar Pengurangan Jenayah di Malaysia. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII). PROSIDING PERKEM VIII, JILID 1 (2013) 224 - 234

¹¹ Mohd Said Ishak, *Hudud Dalam Fiqh Islam*, (Johor Darul Ta'zim; Cetak Ratu Sdn.Bhd. 2000) VI.

¹² Ridzwan Bin Ahmad, *Pelaksanaan Hukuman Hudud Di Kelantan: Konflik Di Antara Kerajaan Pusat Dengan Kerajaan Negeri Kelantan, Satu Analisis*, (Fakulti Syariah, Akademi Islam University Malaya, 1996) xv.

¹³ Al-Quran, Surah al-Jathiyah:18

1.2 Pernyataan Masalah

Kedudukan istimewa Islam dalam sistem pentadbiran dan perundangan di Malaysia bermula dari abad ke-14, seiring dengan sejarah kedatangan pedagang asing Muslim ke Tanah Melayu. Kemuncak kepada penerimaan Islam di Tanah Melayu adalah dengan pemeluk Islam Parameswara ataupun Sultan Melaka pada masa itu itu. Seterusnya ia telah menjadi ikutan para rakyat jelata untuk memeluk Islam.¹⁴

Agama Islam bukan sahaja diterima sebagai agama anutan sahaja di Tanah Melayu, tapi diterima dalam semua aspek sama ada dalam perundangan maupun pentadbiran. Hal ini dapat dibuktikan dengan kewujudan Hukum Kanun Melaka, Undang-Undang Perak, Undang-Undang Pahang dan sebagainya.

Namun begitu, kedatangan penjajah terutama penjajah Inggeris ke Tanah Melayu memberi impak yang besar kepada sistem pentadbiran dan perundangan di Tanah Melayu¹⁵. Walaupun dalam surat perjanjian, peranan penjajah Inggeris adalah untuk membantu pemerintah dan Sultan Melayu dalam hal pentadbiran dan perundangan sahaja, namun campur tangan Inggeris dalam hal ehwal Agama Islam dan adat istiadat tidak dapat dilakukan. Ini adalah kerana corak pentadbiran di Tanah Melayu pada masa itu adalah berasaskan hukum syarak dan Undang-Undang Adat. Justeru itu, campur tangan Inggeris dalam pentadbiran merupakan titik tolak penolakan pemakaian hukum Islam. Hukum Islam hanya boleh digunakan di dalam hal ehwal kekeluargaan serta di dalam pentadbiran yang di bawah kuasa Sultan Negeri masing-masing sahaja¹⁶.

¹⁴ Mohd Nasran Mohamad et al., *Perkembangan Dan Cabaran Pelaksanaan Undang-Undang Hudud Di Malaysia*, (Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam 2015, Batam Indonesia 19 Disember 2015), 471

¹⁵ Ruzman Md. Noor, Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarinah dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia, (Jurnal Syariah, Jil. 16, Bil. 2, 2008), 345-366

¹⁶ Mohd Nasran Mohamad et al., *Perkembangan Dan Cabaran Pelaksanaan Undang-Undang Hudud Di Malaysia*, 472

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya, kedudukan Islam di Tanah Melayu dalam bidang perundangan dikekalkan sebagaimana kedudukannya di bawah jajahan British. Pengaruh British terhadap Tanah Melayu adalah begitu kuat dan sukar dihakis.

Apabila Parti Islam Se Malaysia (PAS) memenangi pilihan raya dan mula memerintah kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 1990, PAS mula mengorak langkah untuk merealisasikan hasrat untuk melaksanakan Undang-Undang Jenayah Islam. Satu pasukan khas ditubuhkan untuk merangka enakmen tersebut dan Kerajaan Negeri Kelantan membawa usul Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan ke persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk dibahaskan. Pada 25 November 1993, Rang Undang-Undang ini diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan sokongan sebulat suara dari semua anggota DUN pada masa itu setelah hampir dua tahun Rang Undang-Undang ini digubal.¹⁷ Namun yang demikian, Enakmen Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan (EJKS (II) 1993) ini tidak dapat dilaksanakan atas sebab beberapa faktor antaranya ialah percanggahan dengan Perlembagaan, faktor keadaan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum dan sebagainya.

Penggubalan Rang Undang-Undang ini telah menimbulkan polemik dalam masyarakat. Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri pada ketika itu membantah sekeras-kerasnya pelaksanaan hukuman hudud ini. Beliau menyatakan bahawa masyarakat Islam akan menjadi mundur dan tidak akan maju sekiranya hudud dijalankan kerana masyarakat tidak dapat bekerja kerana ketiadaan tangan dan kaki.

¹⁷ Mohamad Hashim Kamali (2002), *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan Dan Terengganu*, (Selangor, Petaling Jaya, Ilmiah Publishers Sdn. Bhd, 2002) 29.

Katanya lagi masyarakat Islam juga akan ramai yang cacat dan akan mati setelah hudud ini dilaksanakan.¹⁸

Polemik ini turut mengundang Ahli Akademik menyuarakan pendapat mereka. Antaranya adalah Mohammad Hashim Kamali, Mahmood Zuhdi, Abdul Aziz Bari dan sebagainya. Mahmood Zuhdi menyatakan bahawa hukuman hudud boleh dilaksanakan di Malaysia asalkan hukuman itu dilaksanakan dengan adil. Hukuman tersebut harus diperkenalkan secara berperingkat-peringkat dan bukannya diperkenalkan sekaligus. Hukuman tersebut tidak boleh dilakukan dengan tergesa-gesa.¹⁹

Manakala Mohammad Hashim Kamali telah menulis sebuah buku iaitu “*Punishment in Islamic Law; An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan*” bagi mengulas dan mengkritik kelemahan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini. Antara isu yang dipersoalkan adalah tentang kedudukan bukan Islam dan kedudukan kaum wanita. Pandangan yang dikeluarkan oleh beliau ini mendapat banyak perhatian daripada masyarakat dan sebahagian besar pandangannya diterima pakai oleh anggota masyarakat dan para sarjana. Beliau juga mengkritik EJKS yang digubal adalah berlandaskan proses *taqlid* kepada Sarjana Silam semata-mata tanpa melakukan proses *ijtihad* supaya bersesuaian dengan keadaan setempat. Buku penulisan beliau ini telah menjadi rujukan yang terkenal apabila membicarakan mengenai pelaksanaan hukuman hudud.²⁰ Beliau antara ahli akademik yang berani mengkritik dan mengeluarkan buku kajian ilmiah mengenai isu ini. Namun yang demikian, pandangan yang dikeluarkan oleh Mohammad Hashim Kamali ini dikatakan membawa nisbah yang negatif terhadap

¹⁸ Utusan Malaysia, 2 Mei 1992.

¹⁹ Astro Awani, 24 April 2015. <http://www.astroawani.com/berita-politik/cara-ahli-politik-kemuka-hudud-tidak-meyakinkan-prof-mahmood-zuhdi-58542>. Di akses pada 20 Ogos 2018.

²⁰ Antara pengkaji yang memetik hujah Mohammad Hashim Kamali adalah Nursolehah Mat Razali dan Siti Zubaidah Ismail, *Islam Dan Ketidakadilan Hukuman Hudud Terhadap Wanita*, 213, Mark A. Gabriel, “*Reformimg Hudud Ordinances to Reconcile Islamic Criminal Law with International human Rights Law*”, Ph.D. Research, (Department of Public Law, Faculty of Law, University of Cape Town, 2016) 3

sistem perundangan Islam²¹ sehingga menyebabkan masyarakat terkesan dengannya dan turut mendapat pengabsahan daripada kalangan Sarjana Islam sendiri sehingga turut membawa kepada penolakan terhadap perundangan Islam ini.²²

Memandangkan Mohammad Hashim Kamali merupakan ahli perundangan dan ahli akademik yang terkenal, pengkaji tertarik untuk membuat kajian mengenai pandangannya berkenaan hukuman hudud ini. Kajian ini bagi menilai adakah benar pandangan yang dikeluarkan oleh beliau membawa kepada nisbah negatif kepada sistem perundangan Islam di negara ini seperti yang diperkatakan.

Dalam usaha untuk mereformasikan undang-undang Islam di Malaysia, terdapat cara yang berbeza yang digunakan oleh penggubal undang-undang Islam untuk melaksanakannya seperti cara tradisionalis dan cara modenis.²³ Cara tradisionalis lebih mudah dan menggunakan semua karya-karya fiqh tradisional. Manakala cara modenis yang digunakan oleh Ahmad Ibrahim dan Mohammad Hashim Kamali menegaskan selain daripada menggunakan karya-karya fiqh silam, usaha reformasi undang-undang Islam perlu terbuka dengan pendekatan moden seperti mengkritik pandangan Sarjana Silam. Ia termasuklah penggunaan *al-talfiq*²⁴, *selected borrowing* dan memakai pendekatan yang digunakan dalam undang-undang sivil seperti proses pembuktian.²⁵ Menurut Ahmad Ibrahim dan Mahmud Saedon, metode utama bagi membentuk Undang-Undang Keterangan Syariah adalah melalui proses modifikasi undang-undang

²¹ Rahimin Affandi Abd.Rahim et al. (2010), *Konsep Fiqah Malaysia Dalam Perundangan Islam: Satu Pengenalan*, (Kajian Malaysia, vol.28, no.2, 2010) 4.

²² Ibid

²³ Ruzman Md. Noor, Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarinah dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia, (2008) 346

²⁴ Al-talfiq bermaksud mengambil pandangan mazhab lain dalam satu urusan tertentu bersama dengan pandangan mazhab yang sedia diamalkan.

²⁵ Ruzman Md. Noor, Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarinah dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia, 349

Inggeris. Mana-mana peruntukan yang tidak bercanggah dengan Hukum Syarak akan diterima pakai.²⁶

Pandangan Mohammad Hashim Kamali memang wajar dikaji secara mendalam walaupun beliau sering dikaitkan dengan aliran Liberalisme. Atas sebab itu, kajian ini memilih untuk mengkaji pandangan beliau secara kritikal yang membabitkan isu hudud.

1.3 Persoalan Kajian

- 1- Apakah aspirasi pelaksanaan hukuman hudud di Malaysia.
- 2- Apakah pandangan yang dibuat Mohammad Hashim Kamali berkenaan hukuman hudud khususnya mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan di dalam buku beliau “*Punishment in Islamic Law*”.
- 3- Adakah permasalahan yang dibangkitkan oleh Mohammad Hashim Kamali selari dengan pandangan ulama’ serta ahli akademik yang lain serta apakah perkembangan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan selepas Mohammad Hashim Kamali mengeluarkan pandangannya di dalam buku beliau “*Punishment in Islamic Law*”.

1.4 Objektif Kajian

Pengkaji telah menyediakan beberapa objektif sebagai garis panduan bagi menjayakan penyelidikan ini, antaranya:

1. Mengkaji aspirasi pelaksanaan hukuman hudud di Malaysia.

²⁶ Ahmad Ibrahim, Perkembangan Terkini Undang-Undang Islam di Malaysia, dalam Monir Yaacob (ed.), *Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*, (Kuala Lumpur: IKIM, 1995) 4 ; Mahmud Saedon, Undang-Undang Keterangan di Mahkamah Syariah, dalam Monir Yaacob (1995) (ed.), *Undang-Undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*, (Kuala Lumpur: IKIM, 1995) 89.

2. Mengeluarkan pandangan yang dibuat Mohammad Hashim Kamali berkenaan EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan dan hukuman hudud di dalam buku beliau “*Punishment in Islamic Law*”.
3. Menganalisis pelaksanaan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan menurut pandangan Mohammad Hashim Kamali dan perkembangan semasa EJKS (II) Negeri Kelantan selepas Mohammad Hashim Kamali mengeluarkan pandangannya.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah penting untuk mengelakkan masyarakat mempunyai silap faham mengenai EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan. Kajian ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam dan juga golongan bukan Islam terutamanya ketika mana isu-isu berkaitan hukuman hudud yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan Negeri Kelantan sedang hangat diperdebatkan di semua peringkat masyarakat. Hasil daripadanya, telah timbul pelbagai pendapat dan reaksi berkaitan isu tersebut dan telah timbul beberapa kelompok masyarakat yang menyokong, menentang serta tidak mengambil kisah tentang perlaksanaannya.

Oleh kerana terdapat ahli akademik yang menulis mengenai EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan ini iaitu Mohammad Hashim Kamali, maka pengkaji merasa perlu melakukan kajian supaya dapat meneliti pandangan-pandangan yang di buat oleh beliau selari ataupun tidak dengan undang-undang hudud yang terkandung di dalam undang-undang Islam. Penulisan-penulisan daripada golongan akademik tentang sesuatu isu juga memainkan peranan yang penting dalam memahami serta mendalamai isu tersebut.

1.6 Skop dan Limitasi Kajian

Perbincangan mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan adalah sangat meluas. Namun, fokus utama pengkaji adalah membincangkan tentang Hukuman Kanun Jenayah Syariah dengan dibataskan kepada kesalahan hudud sahaja. Pengkaji juga mengkaji mengenai pelaksanaan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan serta perbezaan-perbezaan pendapat masyarakat mengenainya khususnya kepada pandangan-pandangan serta penghujahan yang digunakan oleh Mohammad Hashim Kamali mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini di dalam buku beliau yang bertajuk “*Punishment in Islamic Law*”. Sumber rujukan utama untuk mendapatkan maklumat mengenai pandangan Mohammad Hashim Kamali adalah buku beliau ini dan tambahannya adalah berdasarkan artikel dan jurnal lain yang ditulis oleh beliau.

Dalam kajian ini juga, pengkaji menganalisis penghujahan yang ditulis oleh Mohammad Hashim Kamali yang dikeluarkan setakat tahun 2002 sahaja. Pengkaji membataskan kajian dengan mengambil kira pandangan beliau setakat tahun 2002 kerana beliau mengeluarkan pandangannya ini ketika mana polemik hukuman hudud sedang panas dibahaskan oleh masyarakat bermula pada tahun 1991 apabila Kerajaan Negeri Kelantan menyatakan hasrat untuk melaksanakan hukuman Enakmen Kanun Jenayah Syariah ini. Polemik ini dicetuskan kembali apabila Kerajaan Negeri Terengganu meluluskan Enakmen Jenayah Syariah Terengganu pada tahun 2002.

Pengkaji juga memilih untuk membataskan kajian terhadap pandangan yang dikeluarkan oleh Mohammad Hashim Kamali setakat tahun 2002 bagi melihat dinamisme pandangan beliau adakah akan berubah mengikut perubahan masa. Oleh kerana ada sesetengah pihak yang mendakwa Mohammad Hashim Kamali mengeluarkan pandangan baharu mengenai pelaksanaan hukuman hudud ini di dalam satu jurnal beliau yang bertajuk *The Middle Grounds of Islamic Civilization: The Quranic*

Principle of Wasatiyyah yang dikeluarkan sekitar tahun 2008, maka pengkaji turut menganalisis pandangan beliau di dalam jurnal ini.

Bagi menjayakan kajian ini, pengkaji cuba untuk menemubual tokoh yang berkenaan iaitu Mohammad Hashim Kamali bagi mendapatkan pandangan beliau yang terkini mengenai Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan dan enakmen pindaan 2015 serta bagi mendapatkan beberapa maklumat berkenaan buku penulisan beliau iaitu “*Punishment in Islamic law*”. Beberapa soalan telah disediakan oleh pengkaji bagi mendapatkan jawapan yang telus dan memudahkan proses temubual. Namun pengkaji tidak berjaya untuk menemubual beliau disebabkan kekangan masa dan jadual beliau yang amat padat. Justeru itu, kajian ini hanya bersifat kajian kepustakaan terhadap karya beliau dan rakaman wawancara beliau di atas talian.

1.7 Kajian Literatur

Perbincangan mengenai hukuman hudud telah banyak dibincangkan di dalam kajian-kajian terdahulu. Hukuman hudud merupakan hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T dan ketentuannya dapat dilihat di dalam beberapa ayat di dalam Al-Quran dan dijelaskan serta diperincikan melalui hadith Rasulullah S.A.W serta pendapat para sahabat dan Ulama' muktabar. Hukuman hudud merupakan hukuman yang telah diaturkan oleh Allah dengan kebijaksanaanNya yang luas. Hukuman hudud merupakan hukuman yang relevan untuk setiap zaman dan mampu menyelamatkan manusia daripada keruntuhan akhlak dan kemusnahan sosial akibat daripada kebebasan perlakuan jenayah seks, mencuri, merompak meminum arak dan sebagainya. Hukuman hudud bukanlah sesuatu hukuman yang kejam seperti mana dijelaskan oleh Mohd Said bin Ishak (2000) di dalam bukunya yang bertajuk Hudud dalam Fiqh Islam. Hukuman

ini merupakan hukuman yang adil dan saksama dan sesuai dilaksanakan bila-bila masa sahaja.²⁷

Pelaksanaan hukuman hudud di Malaysia sering mendapat kritikan daripada masyarakat Malaysia. Terdapat pendapat yang mengatakan hukuman hudud tidak boleh dilaksanakan di Malaysia kerana rakyatnya yang berbilang kaum dan berbilang agama. Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Noor Izzuddin Bin Mat Zain (2004)²⁸ yang bertajuk “Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai Hudud: Analisis Kritis” yang dilakukan untuk mengkaji dan menganalisis pandangan dan pemikiran tokoh terhadap pelaksanaan hukuman hudud ini. Kajian ini menceritakan tentang pandangan-pandangan serta pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad berkaitan hukuman hudud. Daripada kesimpulan yang dibuat oleh pengkaji, dapat dilihat bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad masih belum terbuka hatinya untuk melaksanakan hukuman hudud di Negara ini kerana baginya hukuman ini tidak mampu menjamin prinsip maqasid syariah serta kerana wujudnya beberapa masalah seperti masyarakat majmuk dan sebagainya. Di dalam kajian ini juga pengkaji telah menerangkan konsep-konsep hukuman hudud bagi memberi penjelasan yang jelas kepada pembaca.

Perbincangan mengenai hukuman hudud turut meliputi aspek cabaran dan permasalahan hudud di Malaysia. Faizah binti hj Ismail (2008) di dalam bukunya yang bertajuk Hudud; Hukum dan Perlaksanaan²⁹ membincangkan mengenai beberapa aspek hukuman yang perlu dinilai seperti asas-asas hukum hudud yang terdapat di dalam al-Quran dan Sunnah serta penafsiran ulama’ mengenai asas-asas tersebut dan juga perbezaan pendapat mereka mengenai hukuman ini. Buku ini turut membincangkan mengenai pendapat masyarakat yang terdiri daripada tokoh-tokoh politik dan pentadbiran mengenai hukuman hudud yang ingin dilaksanakan di Kelantan.

²⁷ Mohd. Said Ishak, *Hudud dalam Fiqh Islam*, (Terbitan Universiti Teknologi Malaysia, 2000).

²⁸ Noor Izzuddin Mat Zain, *Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai Hudud: Analisis Kritis*, (Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, 2004).

²⁹ Paizah Hj Ismail, *Hudud: Hukum & Pelaksanaan*, (Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd, 2008)

Sayed Sikandar Shah Haneef (2010) pula membincangkan tentang kemungkinan dan ketidakmungkinan untuk melaksanakan hukuman hudud dalam kerangka undang-undang sekarang di dalam penulisan beliau yang bertajuk “*Discourse on Hudud in Malaysia: Addressing the Missing Dimension*”.³⁰ Penulis menyatakan dua pendekatan dalam kemungkinan untuk melaksanakannya iaitu menggubal semula kanun keseksaan dan mengislamisasikannya. Manakala, ketidakmungkinan untuk melaksanakannya pula adalah kerana negara Malaysia menurut definisi dalam Perlembagaan Persekutuan bukanlah negara Islam sepenuhnya dan struktur undang-undang semasa yang membuatkannya mustahil untuk melaksanakan hudud kerana ketiadaan kesepakatan antara ahli Parlimen untuk meminda Perlembagaan. Selain daripada itu, penulis turut menyentuh secara ringkas tentang perselisihan pendapat berkenaan bilangan kesalahan hudud. Penulis juga berpendapat bahawa semua undang-undang perlu diselaraskan dengan prinsip *takzir* walaupun menyentuh jenayah serius seperti hudud.

Perbincangan mengenai isu hudud turut dikupas oleh Siti Zubaidah Ismail (2014)³¹ dalam kajiannya yang berkaitan dengan kedudukan hudud dan kesalahan jenayah syariah secara umum. Beliau mencadangkan dimensi baru bagaimana cara untuk memandang dan memahami isu hudud yang berlaku dan bukannya dibayangi oleh rasa takut berkaitan hudud. Beliau juga menyatakan bahawa secara hakikatnya bukan Perlembagaan yang menghalang pelaksanaan hudud itu tetapi Akta Jenayah Syariah 84. Justeru itu hukuman dalam Akta ini yang seharusnya dipinda hingga keseratus sebatan.

Dr. R. Sivaperegasam P. Rajanthiran (2014) dalam kajiannya yang bertajuk “*The hudud Controversy in Contemporary Malaysia: A Study of Its Proposed Implementation*

³⁰ Sayed Sikandar Shah Haneef, Discourse on Hudud in Malaysia: Addressing the Missing Dimension, (*Journal of Islamic Law and Culture*, vol. 12, no. 2, 2010).

³¹ Siti Zubaidah Ismail, Pemeriksaan Mahkamah Syariah dalam Pengurusan Kes Jenayah Syariah, (*Jurnal Hukum*, vol. 38, 2014).

*in Kelantan and Terengganu”*³² menunjukkan bahawa hujah-hujah mengenai pelaksanaan hudud di Negeri Kelantan dan Terengganu adalah pertikaian politik di antara *United Malays National Organization* (UMNO) dan PAS sehingga saat ini. Walaupun parti PAS berterusan berusaha untuk melaksanakan hukuman hudud namun hukuman tersebut tetap tidak dapat dilaksanakan kerana UMNO mendakwa undang-undang ini adalah tidak konsisten dengan Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang utama di Malaysia. Tambahan lagi Enakmen ini tidak dapat dilaksanakan kerana bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah telah dibatasi oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965, undang-undang Persekutuan.

Kajian yang dibuat oleh Mohd Nasran Mohamad et.al (2015) yang bertajuk “Perkembangan dan Cabaran Perlaksanaan Undang-Undang Hudud di Malaysia”³³ membincangkan mengenai latar belakang Undang-Undang Islam sebelum kemerdekaan serta konflik perundangan yang berlaku dalam pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia. Kajian ini juga memfokuskan mengenai usaha Negeri Kelantan ke arah melaksanakan hukuman hudud di Kelantan. Hasil kajian mendapati Undang-Undang Islam telah diiktiraf sebagai Undang-Undang Tanah Melayu sebelum ianya disisihkan dan dipinggirkan selepas kedatangan penjajah British. Selepas kemerdekaan, Undang-Undang Islam hanya terpakai di peringkat negeri sahaja. Usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk merealisasikan pelaksanaan hukuman hudud berdepan dengan cabaran dan halangan terutama sekali cabaran daripada sistem perundangan negara. Namun demikian, hasil kajian mendapati usul pelaksanaan hukuman hudud di Malaysia masih menerima sokongan daripada masyarakat terutama masyarakat bukan Islam. Kajian yang dilakukan adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis

³² Dr. R. Sivaperegasam P. Rajanthiran, *Hudud Controversy in Contemporary Malaysia: A Study of Its Proposed Implementation in Kelantan and Terengganu*, Proc. of the Third Intl. Conf. On Advances in Economics, Social Science and Human Behaviour Study - ESSHBS 2015, 78-82

³³ Mohd Nasran Mohamad et al., „*Perkembangan Dan Cabaran Pelaksanaan Undang-Undang Hudud Di Malaysia*, (Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam 2015, Batam Indonesia 19 Disember 2015)

kandungan dan hasil kajian juga didapati daripada dapatan hasil temubual dalam kajian yang lalu.

Shahrul Azwan Bin Mohammad Shukri (2015) melakukan kajian mengenai bolehkah pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam dilaksanakan di Malaysia. Di dalam kajian ilmiahnya yang bertajuk “*Islamic Criminal Law: A Study on the Possibility of Its Implementation in Malaysia*³⁴” beliau menyatakan bahawa rakyat Malaysia tidak bersedia untuk Undang-Undang Jenayah Islam dilaksanakan. Tambahan lagi pelbagai isu yang akan timbul sekiranya dilaksanakan seperti pertembungan di antara dua bidangkuasa iaitu bidangkuasa perundangan Persekutuan dan bidangkuasa Perundangan Negeri. Masalah masyarakat yang berbilang kaum turut menjadi halangan kepada pelaksanaan hukuman ini.

Muhd Mustaffa bin Jusoh @ Yusoff et.al (2015) membincangkan sudut perundangan di antara syariah dan sivil dengan memfokuskan kepada kesan jenayah yang memberi pelbagai implikasi dan justifikasi dalam menentukan natijah dan halatuju hukuman. Kajian ini di tulis di dalam jurnal yang bertajuk “Perundangan Jenayah Islam; Cabaran Dan Realiti”.³⁵ Hasil kajian mendapati perundangan syariah mahupun sivil mempunyai kekuatannya yang tersendiri, matlamat yang hampir sama namun sejarah membuktikan bahawa natijahnya adalah berbeza.

Kajian mengenai pandangan badan-badan NGO turut dilakukan. Kajian ini dibuat oleh Nor Solehah Mat Razali dan Siti Zubaidah Ismail (2017) di dalam kajian yang

³⁴ Shahrul Azwan Bin Mohammad Shukri, “*Islamic Criminal Law: A Study On The Possibility Of Its Implementation In Malaysia*”, http://www.academia.edu/12955807/Islamic_Criminal_Law_A_Study_on_the_Possibility_of_its_Implementation_in_Malaysia, diakses pada 16 oktober 2018

³⁵ Mohd Mustaffa Bin Jusoh @ Yusoff, Perundangan Jenayah Islam; Cabaran Dan Realiti, Kuala Lumpur: Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015

bertajuk “Islam dan Keadilan Hukuman Hudud terhadap Wanita”.³⁶ Kajian ini dijalankan untuk menganalisis pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh badan NGO-NGO yang terdiri daripada kaum wanita mengenai pelaksanaan hukuman hudud kepada kaum wanita. Kajian ini untuk menganalisis sejauh mana hukuman hudud dapat memberikan keadilan kepada kaum wanita. Kajian dilakukan menggunakan metode kajian perpustakaan iaitu dengan meneliti pandangan ulama’ berkenaan perlaksanaan hukuman hudud terhadap wanita. Kajian ini juga menggunakan metode analisis data iaitu menganalisis pandangan yang dikeluarkan oleh badan NGO-NGO. Hasil kajian mendapati hukuman hudud merupakan sebaik-baik hukuman sebagaimana yang telah dicatatkan di dalam al-Quran dan Hadith dan ianya sesuai untuk dilaksanakan sepanjang zaman. Pelaksanaan hukuman hudud dapat menjamin kemaslahatan dan kepentingan kepada manusia. Pandangan yang menyatakan bahawa hukuman hudud adalah zalim dan kejam adalah tidak benar kerana hukum hudud mementingkan keadilan dan ianya bersifat mendidik dan bukan menghukum semata-mata, malah ianya adalah untuk memberi pengajaran kepada penjenayah. Dari sudut pelaksanaannya, jelas menunjukkan hukuman hudud tidak menindas kaum wanita bahkan ianya menjamin keselamatan kaum wanita dan mampu untuk menjaga hak-hak wanita dengan lebih adil.

Kajian mengenai tahap penerimaan masyarakat turut dibuat kajian oleh ahli akademik. Namun kajian yang dilakukan ini adalah dilakukan di Sarawak kerana pengkaji ingin mengkaji penerimaan masyarakat yang berbilang kaum dan budaya di Malaysia ke arah pelaksanaan hukuman hudud. Kajian ini dilakukan oleh Azzah Nasiha, Jani Ayub Khan dan Syaripah Ruzaini Syed Aris (2017) dengan tajuk “*Acceptance of*

³⁶ Nursolehah Mat Razali & Siti Zubaidah Ismail, Islam Dan Keadilan Hukuman Hudud Terhadap Wanita, Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017

Multicultural Society on the Hudud Bill Implementation in Malaysia”.³⁷ Kajian ini dilakukan secara kuantitatif dengan 500 borang soal selidik diedarkan di kawasan sasaran pengkaji. Hasil kajian adalah bervariasi dengan faktor kebanyakan peserta adalah orang bukan Islam dan bagi mereka pelaksanaan hukuman hudud adalah sangat sukar untuk mereka terima.

Perbincangan mengenai perlaksanaan hukuman hudud ini telah banyak dibincangkan di dalam kajian terdahulu. Perbincangan dari sudut perlaksanaan, cabaran dan halangan, penerimaan masyarakat, pandangan masyarakat serta ahli akademik dan juga ahli politik telah banyak di buat kajian. Malah ahli-ahli akademik turut membuat kajian dan membincangkan isu ini. Pandangan-pandangan mereka turut menjadi rujukan dan petikan oleh masyarakat untuk dijadikan hujah mereka dalam membicarakan mengenai isu ini. Berdasarkan kepada kajian-kajian yang dilakukan, hasil dapatan kajian ada yang menunjukkan bahawa hukuman hudud bukanlah suatu hukuman yang alim dan kejam, serta tidak berperikemanusiaan. Hukuman hudud merupakan hukuman yang adil dan saksama, yang dapat membantu masyarakat khususnya kaum wanita. Hukuman hudud dapat menimbulkan rasa gerun di dalam hati masyarakat terutama penjenayah disebabkan hukuman berat yang disediakan.

Hasil kajian juga mendapati EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Hudud & Qisas Negeri Terengganu tidak dapat dilaksanakan disebabkan ketidakselaruan dengan Perlembagaan Persekutuan serta tidak mendapat sokongan daripada kerajaan pusat.

Berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu, dapat dilihat bahawa kajian mengenai cabaran dan tahap penerimaan masyarakat terhadap hukuman hudud telah banyak dibincangkan oleh pengkaji terdahulu. Namun yang demikian, kajian mengenai

³⁷ Azzah Nasihah, Jani Ayub Khan, Syaripah Ruzaini Syed Aris, *Acceptance of Multicultural Society on the Hudud Bill Implementation in Malaysia*, (Journal of Media and Information Warfare Vol. 9, 63-100, June 2017)

pendapat tokoh serta para ilmuwan mengenai hukuman hudud ini tidak banyak dibincangkan oleh pengkaji sebelum ini. Oleh yang demikian, pengkaji memilih untuk melakukan kajian mengenai pandangan tokoh ini bagi meneliti pandangan yang di buat oleh tokoh ahli akademik untuk mengetahui kekuatan dan penghujahan yang digunakan sehingga pandangan mereka diterima pakai dan digunakan serta dijadikan ikutan oleh masyarakat. Memandangkan penulisan yang dikeluarkan oleh Mohammad Hashim Kamali menjadi rujukan pengkaji-pengkaji dalam membahaskan hukuman hudud, maka pengkaji tertarik untuk melakukan kajian terhadap buku beliau yang bertajuk “*Punishment in Islamic Law*” bagi mengetahui pandangan beliau berkenaan hukuman hudud dan juga permasalahan berkenaan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini adalah seperti berikut:

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam menjayakan kajian ini, beberapa kaedah telah digunakan iaitu;

- a) Kajian Perpustakaan

Dalam melakukan kajian ini, pengkaji menggunakan metodologi kajian perpustakaan yang melibatkan dua jenis sumber. Sumber premier ini berasaskan dokumen asal sama ada kitab, buku, dan akta-akta yang berkaitan. Di dalam kajian ini, sumber yang utama adalah buku penulisan Mohammad Hashim Kamali iaitu “*Punishment in Islamic Law*”, buku penulisan beliau yang diterjemahkan ke dalam bahasa melayu iaitu “Hukuman Dalam Undang-Undang Islam; Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan & Terengganu” dan juga beberapa jurnal yang ditulis oleh beliau berkaitan dengan hukuman hudud. Pengkaji juga merujuk temubual wawancara beliau yang dimuatnaik di atas talian bagi mendapatkan pandangan beliau mengenai hukuman hudud. Pengkaji

juga merujuk EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan dan juga EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan Pindaan 2015 bagi mendapat penjelasan yang jelas mengenai enakmen ini. Manakala sumber sekunder pula terdiri daripada dokumen-dokumen bertulis yang lain seperti penulisan di dalam jurnal, keratan akhbar, buku akademik, buku ilmiah, kertas persidangan dan laporan kes yang berkaitan dengan kajian.

1.8.2 Metode Analisis Data

Setelah selesai melaksanakan pengumpulan data dan fakta melalui kaedah-kaedah di atas, maklumat-maklumat yang terkumpul dianalisis melalui metode-metode di bawah bagi mendapatkan hasil kajian.

a) Metode Induktif

Metode ini merupakan salah satu cara bagi menganalisis pola berfikir untuk mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus kepada umum untuk mencapai dalil-dalil yang bersifat umum.³⁸ Data yang biasa digunakan untuk menghuraikan latar belakang kajian, kerangka teori dan data yang diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan dan dokumen. Pengkaji menggunakan metode ini di dalam bab 1 dan juga bab 2 bagi menerangkan teori dan kefahaman tentang Enakmen Kanun Jenayah Islam khususnya hukuman hudud.

b) Metode Deduktif

Metode ini merupakan satu metode untuk menganalisis data berdasarkan pola berfikir bagi mencari bukti dari hal-hal yang bersifat umum bagi mencapai dalil-dalil yang bersifat khusus.³⁹ Data yang digunakan kebiasaannya membuktikan sesuatu kebenaran. Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis pandangan yang dikemukakan

³⁸ Imam Barnadib (Prof). M.A, P.H.D, *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*. (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP. 1982) 52-53

³⁹ Ibid.

oleh Mohammad Hashim Kamali di dalam data premier dan juga pandangan-pandangannya di dalam data sekunder. Pengkaji turut menganalisis isu-isu yang dibangkitkan oleh Mohammad Hashim Kamali dengan membuat perbandingan dengan pandangan yang dikeluarkan oleh para ulama' dan situasi keadaan semasa. Metod ini digunakan di dalam bab 4 dan juga bab 3.

c) Metode perbandingan

Metode ini digunakan oleh pengkaji dalam membuat perbandingan di antara pandangan yang dikeluarkan oleh Mohammad Hashim Kamali dan pandangan yang dikeluarkan oleh ulama' silam dan juga ulama' kontemporari berkenaan isu-isu yang dibangkitkan. Pengkaji juga menggunakan metode ini untuk mengenal pasti adakah terdapat percanggahan di antara pandangan terkini yang dikeluarkan oleh Mohammad Hashim Kamali dengan pandangan yang dikeluarkan oleh beliau di dalam buku penulisannya yang bertajuk "*Punishment in Islamic law*". Pengkaji menggunakan metode ini dengan merujuk kepada pandangan yang dikeluarkan oleh beliau setakat tahun 2011 kerana memandangkan pengkaji tidak berhasil untuk menemubual beliau bagi mendapatkan pandangan beliau yang terkini. Dalam usaha mengenal pasti adakah terdapat perubahan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam pindaan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan, pengkaji menggunakan metode perbandingan ini bagi membandingkan di antara EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan dengan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan Pindaan 2015. Metode ini digunakan oleh pengkaji khususnya di dalam bab 3 dan juga bab 4.

BAB 2: POLEMIK PELAKSANAAN EKJS (II) 1993 NEGERI KELANTAN

2.1 Pengenalan

Bab 2 ini membincangkan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan berserta polemik yang berlaku sepanjang proses untuk melaksanakan enakmen ini di negara ini. Pengkaji juga akan menerangkan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi merealisasikan enakmen ini dijalankan.

2.2 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan

Pelaksanaan undang-undang Islam termasuklah hukuman hudud telah menjadi impian pejuang Islam di Malaysia. Ini adalah kerana dasar dan matlamat perjuangan Parti Islam Se Malaysia (PAS) adalah meletakkan Islam sebagai asas perjuangan dan ingin menjadikan negeri di bawah pimpinan mereka menuju ke arah memartabatkan agama Islam. Apabila PAS memenangi pilihan raya dan mula memerintah Negeri Kelantan pada tahun 1990, satu pasukan khas telah ditubuhkan untuk merealisasikan hasrat ini yang terdiri daripada pemimpin politik, ahli akademik dan juga pakar perundangan. Maka terhasillah Draf Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan.⁴⁰

Isu pelaksanaan undang-undang hudud di Malaysia ini bermula pada awal tahun 1991 apabila Kerajaan Negeri Kelantan berhasrat untuk menggubal EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan bagi negeri tersebut.⁴¹ Kemudian enakmen ini telah diluluskan pada 25 November 1993 oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan sokongan sebulat suara

⁴⁰ Muhammad Fathi Yusof & Ahmad Nazri Mansur, Perlaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Kelantan dan Brunei, in: (Editor, Azhar Yahya) Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah: Teori dan Realiti, (KUIZM Publication. 2014) 133-150

⁴¹ Paizah Hj Ismail, *Hudud: Hukum & Pelaksanaan*, (Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd. 2008) 337

dari semua anggota DUN pada waktu itu tanpa terdapat sebarang bantahan dan bangkangan.⁴²

EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini telah digubal oleh satu Jawatankuasa Penggubal Kanun Jenayah Syariah yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden PAS pada masa itu iaitu Tuan Haji Abdul Hadi Awang. Jawatankuasa ini juga dianggotai oleh beberapa pakar undang-undang syariah dan sivil yang terkemuka bagi menggubal Kanun Jenayah Syariah tersebut. Antara yang terlibat secara langsung dalam menggubal kanun ini adalah Allahyarham Tan Sri Prof Ahmad Mohamed Ibrahim, Allahyarham Prof Dr Mahmud Saedon Awang Othman, Tun Salleh Abbas, Dato' Wan Mutalib Wan Embong serta tokoh-tokoh agama Kelantan seperti Dato' Aria Diraja Haji Abdul Halim Abdul Rahman, Timbalan Menteri Besar ketika itu.⁴³

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan ini mengandungi tujuh bahagian yang mana dimulai dengan bahagian permulaan, bahagian satu hingga ke bahagian tujuh.⁴⁴ Secara ringkasnya, bahagian permulaan mempunyai tiga fasal iaitu fasal satu mengenai tajuk ringkas, fasal dua mengenai tarikh mula berkuatkuasa dan tafsiran dan fasal tiga mengenai pembahagian kesalahan-kesalahan di bawah enakmen ini kepada kesalahan-kesalahan hudud, *qisas* dan takzir.

Bahagian satu pula secara ringkasnya mengenai kesalahan-kesalahan hudud berserta hukuman bagi setiap satu kesalahan tersebut. Bahagian ini mempunyai dua belas fasal yang memperkatakan tentang jenis-jenis kesalahan hudud iaitu *sariqah* (mencuri), *hirabah* (merompak), zina, *qazaf* (membuat tuduhan bahawa seseorang itu melakukan zina yang mana tuduhan itu tidak dapat dibuktikan dengan empat orang

⁴² Mohd Nasran Mohamad et al., Perkembangan Dan Cabaran Pelaksanaan Undang-Undang Hudud Di Malaysia, (Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam 2015, Batam Indonesia 19 Disember 2015), 476.

⁴³ Ibid.

⁴⁴ Huraian-huraian penuh sila rujuk kepada lampiran di belakang

saksi), *syurb* (meminum arak atau minuman yang memabukkan), dan *irtidad atau riddah* (keluar daripada agama Islam).

Bahagian dua pula adalah mengenai *qisas* dan mempunyai sebelas fasal iaitu merangkumi aplikasi *qisas* dan *diyat* bagi kes yang menyebabkan kematian manusia dan kecederaan badan, kesalahan-kesalahan yang menyebabkan kematian, kesalahan *qatl-al-'amd* dan hukuman baginya, peruntukan mengenai pengampunan bagi hukuman *qisas*, hukuman takzir sebagai ganti kepada hukuman *qisas*, kesalahan *qatl-syibhi-al-'amd* dan hukuman baginya, kes-kes bilamana hukuman *qisas* tidak boleh dikenakan, dan juga tentang akibat apabila hukuman-hukuman *qisas* tidak dikenakan.

Bahagian tiga adalah mengenai keterangan dan mempunyai tujuh fasal yang membincangkan tentang peruntukan tentang bagaimana membuktikan kesalahan-kesalahan di bawah enakmen ini, bilangan saksi-saksi dan syarat-syarat untuk menjadi saksi bagi membuktikan semua kesalahan di bawah enakmen ini. Bahagian ini juga membincangkan tentang keterangan, *iqrar*, keterangan *qarinah*, dan peruntukan mengenai hukuman takzir sebagai ganti hukuman hudud apabila keterangan tidak memenuhi syarat-syarat untuk membuktikan kesalahan hudud.

Bahagian empat membincangkan tentang bagaimana hukuman dijalankan dan mempunyai lapan fasal. Bahagian ini merangkumi peruntukan bahawa hukuman hudud tidak boleh diubah, pengesahan hukuman hudud dan hukuman mati oleh Mahkamah Rayuan Syariah Khas sebelum hukuman tersebut dilaksanakan, pemeriksaan perubatan sebelum hukuman dijalankan, peruntukan tentang bagaimana hendak melaksanakan beberapa hukuman seperti hukuman potong kaki dan tangan dan cara melaksanakan hukuman sebat. Di dalam bahagian ini juga diperuntukkan penangguhan hukuman rejam bagi perempuan yang hamil dan menyusukan anak dan hukuman sebat ke atas perempuan hamil.

Bahagian lima adalah mengenai peruntukan umum dan mempunyai enam fasil iaitu memperkatakan tentang pemakaian enakmen ini ke atas tiap-tiap orang Islam yang *mukallaf*, peruntukan tentang bersubahat dan komplot melakukan kesalahan serta niat bersama, kesalahan *sariqah* berkumpulan. Bahagian ini juga memperkatakan tentang keadaan di mana prosiding di bawah Kanun Keseksaan tidak boleh diambil dan mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini hendaklah ditafsirkan mengikut hukum syarak.

Bahagian enam adalah mengenai mahkamah dan mempunyai sepuluh fasil iaitu memperkatakan tentang Mahkamah Bicara Syariah Khas, Mahkamah Rayuan Syariah Khas, dan perlantikan hakim-hakim serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Namun yang demikian pelaksanaan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini tidak dapat dilaksanakan walaupun telah mendapat kelulusan daripada majoriti anggota DUN Negeri Kelantan. Usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan ini mendapat tentangan hebat daripada pemimpin negara pada masa itu iaitu Tun Dr Mahathir Muhamad. Beliau telah menulis sepucuk surat bertarikh 15 Julai 1990 yang menyatakan secara terang-terangan larangannya terhadap pelaksanaan enakmen ini dan memberi amaran bahawa tindakan akan diambil ke atas Negeri Kelantan sekiranya hasrat untuk melaksanakan enakmen ini diteruskan. Dengan mengambil kira amaran ini dan juga pengalaman Kerajaan Negeri Kelantan yang pernah berdepan dengan pengisytiharan darurat dan dirampas kuasa melalui Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada tahun 1977, maka hasrat tersebut terpaksa dilupakan.⁴⁵

Walaubagaimanapun hasrat parti PAS ini tidak terkubur di situ sahaja apabila Kerajaan Negeri Terengganu yang juga di bawah pimpinan PAS bertindak menggubal

⁴⁵ Muhammad Fathi Yusof & Ahmad Nazri Mansur, “Perlaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Kelantan dan Brunei”, 133-150

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Terengganu 2002 dan diluluskan serta mendapat perkenan daripada DYMM Sultan Terengganu pada 2 September 2002. Enakmen ini seterusnya diwartakan pada 23 September 2002 dan diisytiharkan berkuatkuasa pada 27 Oktober 2003. Namun yang demikian, enakmen ini juga tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mendapat kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan Malaysia.⁴⁶

Antara salah satu sebab adalah disebabkan oleh halangan bidangkuasa yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Walaupun perkara 3 menjamin Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, namun tidak menjamin undang-undang Islam sebagai undang-undang rasmi Persekutuan, sebaliknya Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang utama negara.⁴⁷

2.3 Polemik Pelaksanaan EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan

Perbincangan mengenai hudud dan undang-undang jenayah Islam telah banyak dibicarakan baik oleh ahli akademik, ahli politik dan masyarakat awam. Bermula daripada Kerajaan Negeri Kelantan mengeluarkan hasrat untuk menggubal EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan bagi dilaksanakan di Negeri Kelantan, terdapat pelbagai tidak balas yang diberikan oleh masyarakat dalam membincangkan isu ini. Perbincangan mengenainya telah mendapat tempat di dalam berita-berita arus perdana serta di dalam akhbar-akhbar. Setelah “kegagalan” Negeri Kelantan untuk melaksanakan EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan 20 tahun lampau dan EJKS Terengganu (Hudud dan Qisas) 2002, isu ini ditimbulkan kembali apabila Kerajaan Negeri Kelantan berusaha kembali untuk

⁴⁶ Ibid., 133-150

⁴⁷ Siti Zubaidah Ismail, Hudud dan Undang-Undang Jenayah Syariah dalam Kerangka Perlembagaan dan Sistem Perundungan “Dualisme”: Komitmen Pelaksanaan ke Arah Membendung Jenayah di Malaysia, Jurnal Syariah, Jil. 22, Bil. 2 (2014) pp.193-212, Abdul Aziz Bari. 2010. Islam dalam Perlembagaan Malaysia: cabaran dan Pengukuhannya. Seminar Syariah dan Undang-undang Peringkat Kebangsaan (SYUK) 2-3 November 2010. Anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang (USIM).

melaksanakannya selepas Pilihan raya Umum 2013.⁴⁸ Ramai yang telah memberi kenyataan bagi menzahirkan pendirian mereka terhadap perlaksanaan hukuman hudud ini. Terdapat di antara mereka yang menyokong dan tidak kurang juga yang menentang dengan memberikan pelbagai alasan.

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan bagi mengumpulkan pandangan-pandangan masyarakat terhadap hukum hudud ini. Di antaranya kajian yang telah dibuat oleh Pusat Kajian Demokrasi Dan Pilihan Raya (UMCEDEL), Merdeka Centre, Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan dan lain-lain lagi.

UMCEDEL telah melakukan kajian soal selidik tentang persepsi pengundi Melayu dan Cina terhadap perlaksanaan hukuman hudud. Kajian ini telah dilakukan dalam dua fasa. Fasa pertama ialah antara 25 Oktober 2011 hingga 15 Disember 2011 yang melibatkan responden yang terdiri daripada 683 etnik melayu dan 245 etnik cina. Fasa kedua pula ialah antara 1 September 2012 hingga 16 September 2012 melibatkan responden yang terdiri daripada 1041 etnik Melayu dan 385 etnik Cina.

Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan kebanyakan etnik melayu mengatakan bahawa hukum hudud boleh dilaksanakan di Malaysia walaupun masyarakatnya adalah terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Manakala bagi masyarakat Cina, terdapat peningkatan sokongan terhadap perlaksanaan hukuman hudud ini. Perbezaan antara tempoh kedua-dua kajian adalah sembilan bulan telah menyaksikan peningkatan sebanyak 12% menjadikan peratus penerimaan hudud meningkat menjadi 24%. Peningkatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Cina semakin memahami isu tersebut dan cenderung untuk memberikan sokongan terhadap pelaksanaannya.

⁴⁸ Siti Zubaidah Ismail, Hudud dan Undang-Undang Jenayah Syariah dalam Kerangka Perlembagaan dan Sistem Perundangan “Dualisme”: Komitmen Pelaksanaan ke Arah Membendung Jenayah di Malaysia, Jurnal Syariah, Jil. 22, Bil. 2 (2014) pp.193-212.

Merdeka Centre pula telah menjalankan kaji selidik pada bulan April 2014 ke atas 1009 orang responden. Hasilnya 53% daripada responden menyokong pelaksanaan hukuman hudud yang mana ianya terdiri daripada 71% responden Melayu dan masing-masing 26% responden Cina dan India.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan ke atas 8940 orang responden di 24 kawasan DUN Negeri Kelantan menunjukkan 91% rakyat Kelantan bersetuju dengan undang-undang jenayah Islam ini. Kajian ini dilakukan melalui pesanan ringkas yang dilakukan antara 24 Mei hingga 31 Mei 2014.

EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan telah mendapat tindak balas yang positif daripada masyarakat Islam dan juga daripada kebanyakan masyarakat bukan Islam sebagaimana yang telah dibuktikan dalam kajian soal selidik yang dijalankan oleh pelbagai pihak di atas.

Penggubalan EJKS ini mendapat reaksi dan perbincangan yang hebat di kalangan masyarakat khususnya daripada golongan politik. Di antara individu-individu politik yang melontarkan pandangan mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini adalah Perdana Menteri Malaysia pada masa itu iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad. Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan pendirian beliau yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan enakmen menerusi beberapa kenyataan yang dibuat kepada pihak media dan juga di dalam ucapan-ucapannya yang lain seperti dalam ucapannya dalam satu wawancara pada 18 Ogos 1991, beliau menyatakan: “perlaksanaan hukuman hudud boleh menyebabkan rakyat menjadi mundur kerana tidak boleh bersaing dengan orang bukan Islam, apabila orang Islam di potong tangannya dan dilakukan hudud yang lain, sedangkan orang bukan Islam tidak dikenakan”.⁴⁹

⁴⁹ Harakahdaily, September 22, 2013, “Mahathir patut nasihat Najib Tarik balik surat ugut Kelantan”. <http://bm.harakahdaily.net/index/columnist/abdul-shukur-harun/5558-mahathir-patut-nasihat-najib-tarik-balik-surat-ugut-kelantan>, diakses pada 25 September 2018.

Sementara itu, dalam kenyataannya kepada wartawan, beliau berkata: “bukan kerana dengan melaksanakan hukum hudud saja kita boleh menjadi Islam. Kita tengok banyak negara Islam yang tidak melaksanakan hukuman hudud, tetapi tidak bermakna mereka tidak Islam”. (30 April 1992). Kemudian dalam suatu kenyataan semasa beliau berucap di Papar, beliau menyatakan: “bagaimana kita boleh maju kalau orang Islam sudah tidak ada tangan dan kaki? Bagaimana mereka mahu bersaing dengan bangsa-bangsa lain, kalau sifatnya sudah tidak cukup? Beliau juga menegaskan bahawa hukum hudud tidak sesuai dilaksanakan di negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama.⁵⁰

Tun Dr Mahathir juga menyatakan bahawa Kerajaan PAS hanyalah berminat dengan kepentingan politik dengan menjadikan isu ini sebagai persediaan untuk menghadapi pilihan raya yang akan datang. Beliau menambah pemimpin-pemimpin PAS menyedari akan hal itu dan akan terus menyentuh hal itu. Kemudian beliau mengumumkan bahawa “Kerajaan akan mengambil tindakan akan Kerajaan PAS sekiranya ia terus melaksanakan hukum hudud ciptaan PAS itu”⁵¹.

Tun Dr Mahathir turut menulis satu surat bertarikh 15 Julai 1994 yang menyatakan secara jelas larangan pelaksanaan enakmen ini serta memberi amaran bahawa tindakan akan diambil sekiranya enakmen tetap dilaksanakan.⁵²

Sementara itu, bekas Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dalam ucapannya di Kampar turut menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan melaksanakan undang-undang hudud di Malaysia. Beliau berkata, walaupun undang-

⁵⁰ Utusan Malaysia, Mei 2, 1992,

⁵¹ Kenyataan Mahathir Mohammad di Jitra, Berita Harian, 10 September 1994, Kerajaan bertindak jika hudud PAS zalim, lihat Annual Bakhri Haron, UMNO tolak hudud (Kelantan: Pustaka Qamar, 2002), 7.

⁵² Muhammad Fathi Yusof & Ahmad Nazri Mansur. 2014. “Perlaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Kelantan dan Brunei, Pp. 133-150; Surat daripada Perdana Menteri Malaysia Mahathir Mohammad kepada Mantan Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 15 Julai 1994. Lihat Wan Nik Wan Yussof, Keadilan atas Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II 1993 Negeri Kelantan, (Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1995), 7.

undang tersebut adalah undang-undang Allah, namun pelaksanaannya harus bersandarkan kepada realiti. Menurutnya lagi, keseimbangan masyarakat yang terdapat di negara ini tidak mengizinkan undang-undang sebegitu dikuatkuasakan. Beliau berkata lagi, sekiranya ditanya kepada golongan ulama', Undang-Undang Islam tidak boleh dilaksanakan sekiranya tidak mengambil kira keadaan persekitaran dan realiti semasa. Tambahan pula, matlamat pengurusan menurut Islam adalah berdasarkan maqasid syariah yang melindungi agama, kehidupan, moral, harta dan hubungan sesama manusia.⁵³

Selain itu, Dato' Mohd Nakhaie, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dalam satu kenyataannya menyebut hukum hudud tidak wajar dilaksanakan di negara ini.⁵⁴ Kemudian pada tahun 1992, beliau menyebut adalah tidak berdosa sekiranya tidak melaksanakan hukuman hudud.⁵⁵ Ahli Majlis Tertinggi Umno, Dato' Dr. Mohd Yusof Nor menyatakan, apa yang lebih penting ialah berterusan memberi kesedaran kepada setiap masyarakat mengenai perkara yang dilarang dan bukan memaksa dengan hukuman.⁵⁶

Selain daripada EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini mendapat tentangan daripada umat Islam, golongan bukan Islam turut menyuarakan pendapat dan tentangan mereka sendiri. Pandangan masyarakat bukan Islam yang menentang perlaksanaan hukuman hudud ini banyak dipengaruhi oleh media massa apabila media sentiasa memperbesarkan-besarkan dan mensensasikan isu-isu yang berkaitan dengan agama Islam dan bangsa Melayu, terutamanya pertelagahan politik di antara kerajaan UMNO dan pembangkang khasnya PAS dan Keadilan. Isu agama telah dipergunakan dengan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan akibat dan kesan yang akan berlaku pada agama dan bangsa dan ini menyebabkan persepsi masyarakat bukan Islam terhadap

⁵³ Najib: No hudud in Malaysia, The Star Online, September 25, 2011. Diakses pada 1 Oktober 2018

⁵⁴ Berita Harian, September 16, 1991.

⁵⁵ Berita Harian, Mei 8, 1992

⁵⁶ Berita Mingguan, April 12, 1992.

Islam semakin menurun dan menipis. Lebih malang lagi, Islam telah digembargemburkan dalam media massa dan elektronik barat sebagai agama yang negatif, mundur, dan menentang perubahan dan pemodenan. Oleh yang demikian, apa juga program keislaman yang di buat oleh kerajaan kurang mendapat sambutan daripada masyarakat bukan Islam dan tidak mendapat gambaran yang positif daripada mereka.⁵⁷

Presiden *Malaysian Chinese Association* (MCA), Datuk Seri Chua Soi Lek mengeluarkan pandangan beliau dengan menyatakan MCA akan keluar Barisan Nasional (BN) sekiranya UMNO laksanakan hudud. Menurutnya lagi pelaksanaan hudud akan memberi kesan pada pelaburan asing dan boleh menyebabkan 1.2 penduduk hilang pekerjaan. Beliau juga menyatakan bahawa sistem perundungan itu adalah tidak adil kepada semua pihak khususnya kepada kaum wanita.⁵⁸

Sementara itu, Pengurus parti *Democratic Action Party* (DAP) pada tahun 2009 turut menyatakan pendirian parti mereka yang menolak EJKS dengan menyatakan bahawa DAP akan keluar daripada Pakatan Rakyat sekiranya EJKS tetap dilaksanakan oleh PAS. Menurut beliau lagi, “*Of course, of course ... DAP would (pull out). We have to be consistent. We cannot sacrifice our principles at the expense of public interest and at the expense of what we have been saying (all) along*”.⁵⁹

Antara pandangan-pandangan lain daripada masyarakat bukan Islam adalah pandangan yang dikeluarkan oleh Ahli Jawatankuasa Pusat Malaya Indian Congress (CWC) N.Rawisandran yang menyatakan bahawa hukuman hudud tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia kerana negara ini memiliki masyarakat yang berbilang kaum

⁵⁷ Mohd Ridhuan Tee Abdullah, Persepsi Orang Cina Terhadap Islam Hadhari, *Jurnal Hadhari* Bil.1 (2009). 77-98.

⁵⁸ Yow Hong Chieh. (2011, 4 Disember). Soi Lek: Hudud Akan Musnah Ekonomi Malaysia, Bawa Binasa Diri, Malaysian Insider, Sinar harian online, 18 Oktober 2012, hudud: 1.2 juta akan hilang kerja, kata Soi Lek, <http://www.sinarharian.com.my/politik/hudud-1-2-juta-akan-hilang-kerja-kata-soi-lek-1.95817> diakses di pada 2 Sepetember 2018

⁵⁹ The Star Online, Januari 15, 2009, DAP against hudud laws, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2009/01/15/dap-against-hudud-laws/> diakses pada 2 Sepetember 2018

dan agama, adat dan budaya yang berbeza antara satu sama lain. Beliau berkata lagi, hukuman hudud tidak sesuai buat kaum bukan bumiputra kerana setiap agama mempunyai cara mereka sendiri, jadi ia tidak boleh mengganggu agama lain. Menurutnya lagi, undang-undang yang dipakai sekarang adalah lebih sesuai digunakan kepada semua kaum di Malaysia memandangkan undang-undang ini menepati setiap kehendak rakyat di negara ini. Bagi menangani isu jenayah yang semakin meningkat pada masa kini, beliau menyatakan bahawa undang-undang tersebut boleh diubah atau diperbaiki supaya ia lebih berkesan dalam menangani masalah tersebut.⁶⁰

Di sebalik penentangan-penentangan yang di buat oleh ahli politik parti lain, ahli PAS terus menyokong kuat pelaksanaan hukuman ini. EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini mendapat sokongan penuh daripada ahli kerana motif perjuangan mereka adalah untuk menegakkan syiar Islam dan memartabatkan syariah Islam di negara ini. Walaupun mendapat pelbagai tentangan daripada kerajaan persekutuan dan juga masyarakat, pemimpin-pemimpin PAS terus berusaha agar enakmen ini dapat dilaksanakan. Ketua Pemuda PAS, Nasrudin Hassan mempertahankan hak PAS untuk melaksanakan enakmen ini serta Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu 2002.⁶¹

Pengubalan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini turut mendapat pandangan daripada Mantan Mufti Perlis, Professor Madya Dr Mohd Asri Zainul Abidin (2011) menyatakan bahawa perlaksanaan hukuman hudud memerlukan ijтиhad ataupun tafsiran

⁶⁰ The Malaysian Times, Julai 5, 2012, *Hukum Hudud Tak Sesuai Dilaksanakan Di Malaysia-* MIC, NGO India. Diakses pada 2 September 2018

⁶¹ Zulkifli Hassan, *Polemik Hudud Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas*. <http://www.zulkiflihasan.com/2012/10/24/hentikan-polemik-hudud-di-malaysia/> diakses pada 10 Oktober 2018

baru dengan mengambil kira aspek perubahan zaman dan tempat sebelum ianya dilaksanakan.⁶²

Sementara itu Ketua Pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata; “hasrat Kerajaan Negeri Kelantan mahu melaksanakan hukuman hudud ini wajar dihormati, namun pastinya ia tertakluk kepada beberapa perkara. Pertamanya persoalan Maqasid al-Syariah, matlamat utama syariah iaitu menjamin keadilan untuk semua”. Menurutnya lagi sebagai seorang Muslim, pastinya saya menjunjung tinggi perintah Allah SWT serta pesan-pesan-Nya yang terkandung di dalam Al-Quran. Namun yang demikian, apabila ditanya mengenai pelaksanaan hudud oleh Mahkamah Syariah di Malaysia, beliau menyatakan bahawa pelaksanaannya adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Ini menunjukkan bahawa beliau menghormati prinsip PAS untuk melaksanakan undang-undang tersebut.⁶³ Namun yang demikian, pandangan beliau ini tidak menunjukkan bahawa beliau bersetuju enakmen dilaksanakan di negara ini. Dalam ucapannya semasa berdialog dengan lebih 200 pemimpin masyarakat daripada kira-kira 65 persatuan dan dewan perniagaan Cina di Subang Jaya, beliau memberi jaminan bahawa undang-undang kontroversi itu tidak ada tempat di dalam dasar Pakatan Rakyat.⁶⁴

Majlis peguam turut mengeluarkan pendapat mereka dengan menyatakan bahawa undang-undang hudud tidak boleh dilaksanakan kerana ianya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Menurut Presidennya, Lim Chee Wee (2011-2013), hukuman hudud merupakan undang-undang keseksaan yang tertakluk di bawah bidang kuasa Parliment. Sekiranya hukuman hudud dilaksanakan di Malaysia, hanya untuk orang Islam dan tidak untuk bukan Islam, ia menunjukkan terdapat percanggahan

⁶² Hudud perlu ijtihad baru: Dr. Asri, Malaysia kini, 20 September 2011, <https://www.malaysiakini.com/news/176366>, diakses pada 10 Oktober 2018.

⁶³ Keadilan Daily, September 25, 2011, Hudud: Kenyataan penuh Datuk Seri Anwar Ibrahim. Diakses pada 20 September 2018

⁶⁴ Malaysia Kini, Ng Ling Fong, November 9, 2011, Anwar: Hudud tak ada tempat dalam dasar Pakatan. Diakses pada 20 September 2018

dengan artikel 8 Perlembagaan Persekutuan. Tambahannya lagi, seorang Islam juga akan terdedah kepada dua bentuk pendakwaan atau sabitan kesalahan yang berbeza iaitu satu di bawah hudud dan satu lagi di bawah kanun keseksaan, dan ianya bercanggah dengan artikel 7(2) Perlembagaan Persekutuan.⁶⁵

Sementara itu, Prof. Dr. Abdul Aziz Bari berpandangan bahawa hudud boleh dilaksanakan di Malaysia walaupun ianya bertentangan dengan perlembagaan yang sedia ada dengan syarat ianya mengikut saluran perlembagaan yang betul. Beliau juga berpendapat bahawa hudud boleh dilaksanakan tanpa melakukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan kerana sebahagian daripada hukuman hudud telah pun dilaksanakan dalam hukuman syariah seperti hukuman zina dan murtad, walaupun ianya tidak dilaksanakan mengikut hukum Islam. Beliau menyatakan lagi, bagi memperkasa Mahkamah Syariah, pindaan perlu dibuat kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) (Akta 355) bagi memberi ruang kepada pelaksanaan hukuman hudud.⁶⁶

Ini kerana halangan utama undang-undang dalam melaksanakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Negeri Kelantan (1993) adalah dikatakan berpunca daripada had yang dikenakan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) (Akta 355). Seksyen 2 Akta 355 memperuntukkan:

Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan di beri bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan mana-mana perkara yang di sebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini di beri bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:

⁶⁵ Borneo Post Online, Oktober 1, 2011, *Hukum Hudud Tidak Boleh Dilaksanakan*.

⁶⁶ Abdul Aziz Bari. 2013. Hudud dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan dan perundungan Malaysia, dinukilkan dalam Mohd. Nasran Mohamad et al., "Pelaksanaan Hukum Hudud menurut Kerangka Perundungan di Malaysia

Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh di hukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Peruntukan seksyen 2 Akta 355 jelas telah mengehadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang tertakluk kepada hukuman maksimum penjara tidak lebih dari 3 tahun, denda tidak melebihi dari RM 5000 serta rotan tidak melebihi enam kali sebatan atau kombinasi daripada mana-mana hukuman tersebut. Manakala Seksyen 1 Akta 355 menegaskan akta ini hanya terpakai kepada semua negeri di Semenanjung Malaysia.⁶⁷

Dr Aznan Hasan pula membuat kiasan antara hukuman hudud dengan sistem kewangan di Malaysia. Beliau berpendapat sambutan dan penerimaan orang bukan Islam terhadap sistem kewangan Islam adalah sangat baik adalah disebabkan oleh kesan positif yang diterima dari aspek keuntungan dan keadilan yang dizahirkan daripada sistem tersebut. Masyarakat akan mudah menerima sekiranya ianya memberi manfaat kepada mereka. Begitu juga dengan hudud, masyarakat akan menerima mana-mana undang-undang yang yang dirasakan berupaya untuk menjamin keadilan, keamanan serta keselamatan individu, kelompok masyarakat dan negara. Ini adalah kerana perbuatan jenayah adalah tidak mengenal perbezaan agama, bangsa, budaya dan keturunan. Sekiranya undang-undang tersebut dapat memberikan manfaat kepada mereka, maka ianya sangat mudah diterima. ⁶⁸

⁶⁷ Mohd. Nasran Mohamad et al., *Pelaksanaan Hukum Hudud Menurut Kerangka Perundangan Di Malaysia*, (Isu Syariah & Undang-Undang: Pembudayaan Penulisan Isu Syariah dan Undang-Undang Pemangkin Dinamisme Kesarjanaan Islam, Siri 21, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 101.

⁶⁸ Aznan Hasan, Penyelidikan dalam muamalat semasa, Wacana Muamalat. Anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bilik Seminar Siswazah 1, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 26 Disember. 2012

Polemik mengenai hukuman hudud ini banyak digembar-gemburkan dan dijadikan isu oleh kebanyakan ahli politik bagi membuat penentangan antara satu sama lain. Satu pihak sering memberikan maklumat kepada masyarakat bahawa hukuman hudud adalah menindas dan tidak adil, hukuman hudud akan membawa kepada kemunduran ekonomi dan tidak sesuai dilaksanakan di negara yang berbilang kaum dan agama. Manakala satu pihak lagi tetap mempertahankan bahawa sebagai orang Islam sudah menjadi kewajipan untuk melaksanakan hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Keadaan seperti ini akan berterusan dan mengelirukan rakyat lebih-lebih lagi bagi golongan bukan Islam sekiranya tiada pihak yang mengambil alternatif untuk mendekati rakyat dan memberikan penerangan yang jelas mengenai pelaksanaan hukuman hudud ini. Ahli-ahli politik juga hendaklah tidak mempolitisikan isu ini dan membuat perbincangan yang baik di antara satu sama lain demi menjamin kemaslahatan rakyat.

Walaupun pelaksanaan EJKS ini tidak akan melibatkan masyarakat bukan Islam, namun sekiranya masyarakat tidak diberi penjelasan yang sewajarnya, masyarakat akan menganggap bahawa hukuman hudud yang akan dilaksanakan akan memberi keburukan kepada masyarakat dan juga kepada negara.

2.4 Perkembangan Pelaksanaan Hudud di Kelantan

Hasrat Negeri Kelantan untuk memperkasa Enakmen Kanun Jenayah Syariah Islam tidak terhenti walaupun mendapat banyak tentangan daripada pelbagai pihak dan juga terdapat rintangan dari segi Perlembagaan Undang-Undang Negara. Konflik yang berlaku ini tidak menghentikan hasrat mereka malah mereka berusaha untuk mencari jalan agar ianya dapat dilaksanakan. Hal ini terbukti apabila Kerajaan Negeri Kelantan menubuhkan Jawatankuasa Pra-Teknikal dan Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan

Kanun Jenayah Syariah (II) Negeri Kelantan bagi mengkaji dan menyediakan kajian serta perancangan yang lengkap ke arah pelaksanaan kanun tersebut.⁶⁹

Jawatankuasa Pra-Teknikal ini diwujudkan semasa pemerintahan Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Nik Abdul Aziz lagi dan dipengerusikan oleh Dato' Dr. Mohd Fadzli Hassan bagi menyelesaikan tiga aspek utama iaitu mencari jalan bagi mengatasi halangan perundangan, menjelaskan kekeliruan yang timbul dan akhir sekali mengemas kini struktur dan pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan. Manakala Jawatankuasa Teknikal Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 telah dibentuk pada tahun 2014 bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit yang menjadi masalah dan halangan kepada pelaksanaan hudud di Kelantan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar pada masa itu iaitu Dato' Nik Amar Abdullah. Satu sekretariat tetap hudud juga di bentuk bagi merancang *road map* dan pelan tindakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) yang dipengerusikan oleh Dato' Takiyyuddin Hassan.⁷⁰

Natijah daripada jawatankuasa ini, pada 18 Mac 2015, Kerajaan Negeri Kelantan membentangkan Rang Undang-Undang Pindaan kepada Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993 yang dibentangkan oleh Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yacob. Pindaan ini diluluskan selepas dibahaskan oleh empat anggota dewan iaitu Datuk Hassan Mohamood (Pas-Tawang), Datuk Md Alwi Che Ahmad (BN-Kok Lanas), Dr Yusnan Yusof (Pas-Melor), dan Datuk Husam Musa (Pas-Salor). Pindaan ini diluluskan dengan sokongan sebulat suara daripada 144 orang Adun dalam Dewan Undangan Negeri.⁷¹

⁶⁹ Mohd. Nasran Mohamad et. al, *Pelaksanaan Hukum Hudud Menurut Kerangka Perundangan Di Malaysia*, 477

⁷⁰ Ibid.

⁷¹ Astro Awani, Mac 19, 2015, DUN Kelantan lulus sebulat suara Enakmen Hudud, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dun-kelantan-lulus-sebulat-suara-enakmen-hudud-55967> diakses pada 20 September 2018

Beberapa pindaan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan berdasarkan kontroversi dan pandangan yang dilontarkan oleh masyarakat, ahli akademik dan perundangan. Pindaan-pindaan tersebut adalah pertama enakmen ini adalah terpakai kepada orang Islam sahaja iaitu orang Islam yang *mukallaf* yang melakukan kesalahan di bawah kanun ini dan melakukan di negeri ini sahaja. Ini bermaksud peruntukan sebelum ini peruntukan yang memberi pilihan kepada orang bukan Islam sama ada ingin dibicarakan mengikut Undang-Undang Syariah atau Undang-Undang Sivil telah dimansuhkan. Ini menunjukkan bahawa enakmen ini tidak akan dikenakan ke atas orang bukan Islam sama sekali.⁷²

Pindaan lain adalah melibatkan kesalahan liwat iaitu melakukan perubahan kepada takrif liwat dengan membuang perkataan “selain daripada isterinya”, dan terdapat penambahan peruntukan hukuman takzir bagi kesalahan liwat suami ke atas isterinya jika didapati bersalah.⁷³ Pindaan ini juga turut memansuhkan kesalahan takzir seks luar tabii, lesbian, bersetubuh dengan mayat dan haiwan.⁷⁴

Selain itu, pindaan lain adalah mengenai kelayakan hakim, pemberhentian hakim, gaji dan elaun hakim, serta struktur mahkamah daripada Mahkamah Agung kepada Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan.⁷⁵ Pindaan lain adalah terdapat pemansuhan pada fasal 70 yang memperuntukkan prinsip kebebasan hakim iaitu tiap-tiap hakim yang dilantik di bawah Enakmen ini adalah bebas daripada gangguan oleh mana-mana pihak atau sesiapa.⁷⁶

Terdapat beberapa pindaan juga bagi peruntukan hukuman bagi kesalahan hudud. Pertama bagi kesalahan mencuri, pesalah bagi kecurian kali pertama akan di potong tangan kanan, kesalahan kali kedua di potong kanan kiri, dan kesalahan kali ketiga dan

⁷² Seksyen 2, Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015)

⁷³ Seksyen 14 dan 15 (2), Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

⁷⁴ Fasal 20 dan fasal 21, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993

⁷⁵ Seksyen 68-71 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 2015

⁷⁶ Fasal 70, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993

berikutnya dengan dipenjara selama tempoh yang difikirkan oleh Mahkamah yang tidak melebihi 15 tahun untuk menjadikan pesalah itu sedar dan sesal.⁷⁷ Di dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 tidak ditetapkan tempoh yang patut ditetapkan oleh Mahkamah bagi kesalahan ketiga dan seterusnya.⁷⁸

Kedua bagi kesalahan murtad, peruntukan menyatakan bahawa sesiapa yang disabitkan melakukan kesalahan *irtidad* boleh dikenakan hukuman penjara oleh Mahkamah sebelum dijatuhkan hukuman keatasnya sehingga dia bertaubat dalam tempoh yang tidak ditetapkan jika disabitkan kesalahan. Murtad yang disebut sebagai *irtidad @ riddah* di dalam enakmen itu secara sukarela tanpa paksaan, dengan sengaja atau disedarinya melakukan apa-apa perbuatan atau mengungkapkan apa-apa perkataan yang menjelaskan atau berlawan dengan akidah Islam adalah melakukan *irtidad*.⁷⁹ Peruntukan pesalah murtad dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun turut dimansuhkan.⁸⁰

Ketiga bagi kesalahan merompak yang menggunakan ugutan sahaja dengan tidak mengambil apa-apa harta atau tidak menyebabkan apa-apa kecederaan boleh dikenakan penjara selama tempoh yang difikirkan patut oleh mahkamah yang tidak melebihi lima tahun penjara untuk menjadikan pesalah itu sedar dan kesal.⁸¹ Penetapan hukuman penjara ini tidak terdapat di dalam peruntukan di dalam Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 bagi kesalahan merompak.⁸²

Keempat, terdapat penambahan peruntukan bagi keadaan di mana potong anggota tangan dan kaki dalam kesalahan *hirabah* tidak boleh dilaksanakan. Peruntukan ini memperuntukkan hukuman hudud potong tangan dan kaki tidak boleh dikenakan

⁷⁷ Seksyen 7, Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

⁷⁸ Fasal 6 (c), Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993.

⁷⁹ Seksyen 23 (3) Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

⁸⁰ Seksyen 23 (4) Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

⁸¹ Seksyen 10 (d) Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

⁸² Boleh rujuk fasal 9 (d) Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993.

dalam kes-kes hukuman yang tidak dikenakan bagi kesalahan *sariqah*, sebagaimana seksyen 8 menurut pemakaian yang sesuai. Begitu juga hukuman hudud *hirabah* tidak dikenakan apabila pesalah menyerah diri secara sukarela sebelum proses undang-undang dimulakan dengan syarat pesalah mengisyiharkan taubatnya di hadapan Hakim atau Pendakwa Syarie dan beliau menyerah balik harta yang dirompak kepada pihak berkuasa atau pemilik.⁸³

Pemindaan kelima adalah bagi kesalahan meminum arak, terdapat pemansuhan bagi fasal 22 (2) EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan yang memperuntukkan kesalahan minum arak boleh dibuktikan dengan keterangan lisan yang diberi oleh dua orang saksi atau dengan *iqrar* yang dibuat oleh tertuduh sendiri sebagaimana yang diperuntukkan dalam bahagian III.⁸⁴

Namun yang demikian, walaupun Kerajaan Negeri Kelantan telah membuat pemindaan terhadap peruntukan ini namun enakmen ini tidak dapat dilaksanakan selagi tidak mendapat kelulusan daripada Parlimen dan Parlimen tidak membuat pindaan terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355] bagi memberi kuasa maksimum kepada Mahkamah Syariah. Pada dasarnya, isu bidang kuasa ini yang menjadi sekatan terhadap pelaksanaan hukuman hudud selain daripada halangan Perlembagaan dan juga halangan politik. Hukuman hudud tidak dapat dilaksanakan melainkan pindaan pada Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan 1984) [Akta 355] ini dibuat.

Seksyen 2 Akta 355 memperuntukkan: “Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai

⁸³ Seksyen 11 Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

⁸⁴ Seksyen 22 Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis: Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut”.⁸⁵

2.5 Kesimpulan

Hasrat untuk melaksanakan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan di Negeri Kelantan dan di negeri pemerintahan PAS telah menjadi hasrat dan perjuangan PAS sejak dahulu lagi. Hasrat mereka untuk menegakkan perundangan Islam menjadi tonggak perjuangan mereka sepanjang zaman. Hal ini terbukti apabila parti PAS memenangi pilihan raya di Negeri Kelantan dan mula menubuhkan Jawatankuasa Penggubal Kanun Jenayah Syariah bagi menggubal enakmen ini untuk dilaksanakan di Negeri Kelantan.

Hasil daripada penubuhan jawatankuasa itu, maka terhasillah Draf Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) Negeri Kelantan yang kemudiannya dibentangkan dan dibahaskan di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) pada tahun 1993. Draf ini kemudiannya diluluskan sebulat suara oleh semua anggota DUN pada masa itu dan dinamakan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan. Namun yang demikian, enakmen ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan beberapa sebab teknikal dan juga tidak mendapat sokongan daripada kerajaan pusat.

⁸⁵ Muhammad Fathi Yusof dan Nazri Mansur, “Perlaksanaan Undang Undang Jenayah Islam Di Kelantan Dan Brunei”. In: (Editor, Azhar Yahya) *Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah: Teori & Realiti*, (Selangor: KUIZM Publication, 2014), 33-150.

Pelbagai polemik yang timbul di kalangan masyarakat yang membincangkan mengenai enakmen ini. Terdapat yang membantah dan juga yang menyokong pelaksanaan enakmen ini. Polemik berkenaan hukuman hudud ini banyak dicetuskan oleh ahli politik dan sering digembar-gemburkan apabila menjelang proses pilihan raya. Setelah beberapa tahun berlalu, satu jawatankuasa Pra-Teknikal dan Jawatankuasa teknikal ditubuhkan bagi mengkaji dan membuat perancangan yang lengkap bagi meneruskan hasrat untuk melaksanakan enakmen ini. Hasilnya pada tahun 2015, kerajaan Negeri Kelantan membawa usul pindaan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini ke DUN untuk dibahaskan. Enakmen ini diluluskan sebulat suara oleh 144 orang anggota DUN pada masa itu tanpa ada bantahan dan dinamakan EKJS (II) 1993 Pindaan 2015. Terdapat beberapa peruntukan yang dipinda dan diubah.

Namun yang demikian, enakmen pindaan ini juga tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mendapat sokongan daripada kerajaan pusat dan juga disebabkan percanggahannya dengan Perlembagaan Persekutuan.

BAB 3: PANDANGAN MOHAMMAD HASHIM KAMALI TERHADAP HUKUMAN HUDUD

3.1 Pengenalan

Di dalam bab tiga ini, pengkaji akan membincangkan tentang pandangan yang dikeluarkan oleh Mohammad Hashim Kamali berkenaan dengan hukuman hudud khususnya pandangannya mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan. Pengkaji memfokuskan kepada pandangan yang dikeluarkan oleh Mohammad Hashim Kamali di dalam buku beliau iaitu “*Punishment in Islamic Law; An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan*”. Namun yang demikian, pengkaji turut meneliti dan membandingkan pandangan beliau di dalam penulisan beliau yang lain.

3.2 Biodata Mohammad Hashim Kamali

Mohammad Hashim Kamali dilahirkan pada 7 Februari 1944 di Nangarhar Province, Afghanistan. Beliau merupakan seorang ulama terkenal dunia di dalam bidang pengkhususannya dan beliau merupakan bekas Profesor Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) antara tahun 1985 hingga 2004. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Dekan di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) antara tahun 2004 hingga 2007. Pada masa ini, beliau adalah Felo Kanan di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, seorang Felo Kanan Akademi Sains Afghanistan, dan juga Felo Kanan Akademi Diraja Jordan. Beliau berkhidmat di Lembaga Penasihat Antarabangsa sebanyak tiga belas jurnal akademik yang diterbitkan di Malaysia, Amerika Syarikat, Kanada, Kuwait, India, Australia dan Pakistan. Mohammad Hashim Kamali telah berkhidmat sebagai ahli dan kadang-kadang Pengerusi Suruhanjaya Kajian Perlembagaan Afghanistan (2003); sebagai perunding Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai pembaharuan Perlembagaan di

Afghanistan, Maladewa, dan Iraq; dan kini menasihatkan PBB mengenai perlembagaan baru untuk Somalia.⁸⁶

Beliau merupakan graduan berkelulusan Undang-Undang dan Sains Politik dari Universiti Kabul di Afghanistan dengan kelas 1 kepujian undang-undang dan sains politik pada tahun 1965 dan berkhidmat sebagai Pendakwa Raya dengan Kementerian Keadilan Afghanistan selama dua tahun. Beliau menamatkan LLM dalam bidang Undang-Undang Perbandingan (*Comparative Law*) dan Ph.D dalam bidang Undang-Undang Islam dan Timur Tengah di Universiti London (1969- 1976). Selepas itu beliau bekerja sebagai kakitangan sokongan penyiaran oleh BBC di Reading, UK (1976-1979). Mohammad Hashim Kamali merupakan Penolong Profesor di Institut Pengajian Islam, McGill University di Montreal (1979-84); dan *Associate Research* dengan Majlis Kanada untuk Sains Sosial dan Kemanusiaan (1984-1985). Beliau telah menjadi Profesor Pelawat di Capital University, Ohio (1991), serta Profesor Pelawat di Institut Kajian Lanjutan di Berlin, Jerman (2000-2001).

Mohammad Hashim Kamali telah membuat pembentangan di lebih daripada 130 persidangan kebangsaan dan antarabangsa dan telah menulis lebih daripada 120 penulisan ilmiah serta telah menerbitkan 31 buku. Beliau merupakan ahli Rangkaian Pencari Pakar Global Perikatan PBB; Pengerusi Jawatankuasa Syariah CIMB (Malaysia); dan Pengerusi Lembaga Syariah, Stanlib Corporation (Afrika Selatan). Beliau adalah penandatangan asal kepada, dan peserta aktif dalam, inisiatif 'Word Common' antara Muslim dan Kristian. Beliau menyampaikan 'Siri Kesuasteraan Pengajian Cendawan' ke-20 (Silsila Muhadarat Ulama 'al-Barizin) pada tahun 1996 di

⁸⁶ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, Selangor: Ilmiah Publication Sdn. Bhd. h.xi, biodata beliau juga dirujuk di dalam laman web <http://www.iain.org.my/e/index.php/staff-sp-2037227643/professor-kamali.html>

Institut Penyelidikan dan Latihan Islam di Jeddah, Arab Saudi; dan Kuliah Multaqa Sultan Ahmad Shah tahun 2002 di Kuantan.⁸⁷

Mohammad Hashim Kamali sering muncul di media cetak, radio, TV dan internet. Dia menerbitkan surat terbuka dan artikel penuh dalam akhbar Berliner Zeitung sebelum Taliban meletupkan Patung Bamian, dan muncul di rangkaian televisyen Republik Iran sebelum pencerobohan A.S. ke Afghanistan. Beliau telah ditayangkan di RTM Malaysia, Al-Jazeera, Afghanistan Ariana TV, TV Kuwait, Al Arabiya, dan TV Maldives. Beliau telah dua kali menganugerahkan Anugerah *Isma'il al-Faruqi* IIUM untuk Kecemerlangan Akademik pada tahun 1995 & 1997.

3.3 Latar Belakang Buku “*Punishment in Islamic Law; An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan*”.

Mohammad Hashim Kamali merupakan salah seorang golongan akademik yang bangun mengkritik EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan. Beliau menerbitkan buku khusus bagi mengkritik enakmen ini iaitu “*Punishment in Islamic Law; An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan*” yang diterbitkan di Kuala Lumpur sekitar tahun 1995. Buku ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia iaitu “Hukuman Dalam Undang-Undang Islam; Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan & Terengganu” disebabkan kurang mendapat perhatian daripada pembaca golongan Melayu yang sepatutnya membaca buku tersebut.⁸⁸ Dalam proses penterjemahan buku ini, draf Rang Undang-Undang Hudud Terengganu dikeluarkan. Oleh yang demikian, setelah membaca draf tersebut, Mohammad Hashim Kamali membuat kritikan terhadap draf undang-undang ini dan membandingkannya dengan EKJS (II) 1993 Negeri

⁸⁷ <http://www.hashimkamali.com/index.php/about>

⁸⁸ Mohammad Hashim Kamali, *Hukuman dalam Undang-Undang Islam; Suatu Penelitian terhadap Hukum Hudud Kelantan & Terengganu*, (Selangor: Ilmiah Publisher, 2003), 1.

Kelantan. Namun yang demikian, di dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan tentang EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan sahaja.

Secara dasarnya buku “*Punishment in Islamic Law; An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan*” mempunyai enam bab iaitu bab satu mengenai suatu pandangan menyeluruh EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan. Di dalam bab ini, perbincangan tertumpu kepada perbincangan enam kesalahan hudud dan juga cadangan Mahkamah Syariah Khas yang diberi kuasa mutlak bagi mengadili jenayah-jenayah hudud.⁸⁹

Manakala di dalam bab dua dibincangkan mengenai permasalahan-permasalahan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan yang telah ditimbulkan dan dibincangkan oleh media-media tempatan. Mohammad Hashim Kamali membincangkan tentang hal-hal yang spesifik, iaitu bagaimana EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini dapat diubah serta diperbaiki. Di dalam bab ini beliau turut mengkaji peruntukan yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Kanun Keseksaan. Di dalam bahagian ini turut dibincangkan mengenai status orang bukan Islam, bukti zina, persoalan tentang rogol, perbezaan antara *muhsan* (orang Islam yang telah berkahwin) dan *ghayr muhsan* (orang Islam belum berkahwin), bahan bukti, isu *murtad*, *qazaf*, hukum mencuri dan persoalan mengenai adakah *shurb* adalah termasuk di dalam kesalahan hudud ataupun tidak.⁹⁰

Manakala bab tiga adalah mengenai analisa tentang pemahaman *hadd* dalam al-Quran, Sunnah dan *fiqh*. Di dalam bab ini, Mohammad Hashim Kamali menerangkan konsep sebenar “hudud Allah” yang terkandung di dalam al-Quran, di dalam hadis dan juga menurut pemahaman *fiqh*, penekanan al-Quran mengenai taubat, dan pandangan perundangan tentang taubat.⁹¹

⁸⁹ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, (Selangor: Ilmiah Publication, 1995), 7-10.

⁹⁰ Ibid, 11-44.

⁹¹ Ibid, 45-84.

Bab empat pula mengenai falsafah hukuman hudud yang menekankan tiga objektif utama yang sering digunakan di dalam hukuman iaitu pembalasan, pencegahan dan perubahan diri.⁹²

Bab lima membicarakan tentang persoalan mengenai hukuman zina yang mempersoalkan tentang bukti hukuman rejam untuk kes zina serta Mohammad Hashim Kamali menggariskan beberapa isu yang menimbulkan perbezaan pendapat di antara *mazhab*.⁹³

Seterusnya bab terakhir iaitu bab enam mengenai Islam sebagai suatu sistem yang menyeluruh. Di dalam bab ini, perbincangan terarah kepada pandangan serta pendapat para ulama mengenai pelaksanaan hukuman hudud dalam masyarakat Islam pada masa kini. Perbincangan ini juga mengetengahkan suatu kebijaksanaan untuk melaksanakan hukuman hudud di dalam keadaan yang mana perundangan dan politik serta hakikat masyarakat moden tidak berpunca daripada pengajaran serta doktrin Islam.⁹⁴

3.4 Pandangan Mohammad Hashim Kamali Tentang Hukuman Hudud di dalam Buku *Punishment in Islamic Law*

Bagi menyempurnakan objektif kajian ini, pengkaji telah mengkaji pandangan-pandangan yang telah di tulis oleh Mohammad Hashim Kamali di dalam buku *Punishment in Islamic Law*. Pada dasarnya Mohammad Hashim Kamali membincangkan dua sudut pandangannya iaitu pandangan tentang hudud di dalam al-Quran, Sunnah dan fiqh serta pandangan mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan.

⁹² Ibid, 85-89.

⁹³ Ibid, 90-109.

⁹⁴ Ibid, 111-122.

Di dalam penulisan buku ini, beliau menerangkan konsep sebenar hukuman hudud sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran, Sunnah dan *fiqh*. Beliau turut menerangkan penekanan konsep taubat, pengislahan diri sebagaimana yang ditekankan di dalam al-Quran. Dalam pandangan mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan pula, Mohammad Hashim Kamali membuat kritikan terhadap enakmen ini dan membincangkan permasalahan-permasalahan yang timbul mengenai enakmen ini. Bagi mengulas secara lanjut isu ini, pengkaji membahagikan kepada beberapa bahagian sepetimana dibincangkan di bawah:

3.4.1 Pandangan tentang *Hadd* dalam al-Quran, Sunnah dan *Fiqh*

3.4.1.1 *Hadd* dalam Al-Quran

Menurut Mohammad Hashim Kamali, penggunaan istilah *hadd* di dalam al-Quran adalah berlainan konsepnya dengan penggunaan di dalam istilah *fiqh*. Maksud *hadd* secara harfiahnya bermaksud batas yang mengasingkan dan menghalang suatu benda dari menceroboh benda lain. Hukuman tetap juga dikenali sebagai hudud kerana hudud bertujuan untuk mencegah jenayah, dan menggariskan batas bagi apa yang boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan. Hudud Allah yang disebut di dalam al-Quran juga menandakan *hadd-hadd*, sama ada dari segi moral atau perundangan, tentang kelakuan yang boleh dan tidak boleh diterima seperti di dalam perkara-perkara antara yang halal dan yang haram. Walaubagaimanapun, menurut Mohammad Hashim Kamali, al-Quran langsung tidak menggunakan *hadd* atau hudud untuk merujuk khusus kepada hukuman,

samada hukuman itu ditetapkan ataupun tidak, akan tetapi penggunaan lafaz *hadd* di dalam al-Quran hanyalah membawa kepada konsep ‘pembatasan’ semata-mata.⁹⁵

Adalah berlainan pula dengan penggunaan lafaz *hadd* dalam istilah *fiqh*. Menurut definisi *fiqh*, *hadd* ialah “suatu hukuman yang mempunyai kadar yang ditetapkan, yang dijatuhkan bagi kes-kes perlanggaran hak Tuhan”. Akibatnya, konsep pembatasan yang memisahkan atau mencegah di dalam al-Quran di ubah menjadi konsep hukuman tetap.⁹⁶ Konsep *hadd* dalam *fiqh* juga mempunyai matlamatnya yang tersendiri, iaitu melaksanakan hukuman mandatori, dengan spesifikasi dan bilangan yang tepat, pada setiap orang tanpa mengambil kira keadaan sekeliling ataupun sebab-sebab lain. Sebagai contohnya, dalam kes *qisas* dan *takzir*, sebelum dijatuhkan sesuatu hukuman, beberapa faktor perlu diambil kira dan dinilai terlebih dahulu seperti keperibadian, status, dan rekod lampau si pesalah (dalam kes *takzir*) dan juga hak dan kemahuan mangsa untuk pembalasan (dalam kes *qisas*). Imam dan hakim juga diberi ruang untuk berijtihad sebelum menjatuhkan hukuman. Ini berlainan dengan kes *hadd*, sebarang *ijtihad* adalah tidak dibenarkan.⁹⁷

Bagi mengukuhkan hujahnya, Mohammad Hashim Kamali menghuraikan penggunaan *hadd* di dalam surah al-Baqarah ayat 229-230. Menurutnya, perkataan ‘*hududullah*’ dalam ayat tersebut membawa maksud yang agak berlainan. Walaupun kesemua penggunaan adalah merujuk kepada konsep pembatasan, namun sebutan ‘*hududullah*’ yang kedua, ketiga dan keenam merujuk kepada perintah khusus seperti yang terkandung di dalam ayat tersebut.⁹⁸

⁹⁵ Mohammad Hashim Kamali (1995), *Punishment in Islamic Law*, h.45-46, Mohammad Hashim Kamali, Hudud in Islam, interview with mobTV.my on 3 October 2011, <https://www.youtube.com/watch?v=sr0dZbqC2og>

⁹⁶ Ibid, 46.

⁹⁷ Ibid, 47.

⁹⁸ Ibid, 48.

Kemudian dalam hal yang berkenaan dengan perkahwinan pula, al-Quran merujuk kepada menuntut tingkah laku yang baik. Dalam ayat ini, *hududullah* merupakan suatu rujukan am terhadap tingkah laku menyeluruh dalam perhubungan perkahwinan yang disampaikan oleh istilah *bil-ma'ruf*. Oleh itu dalam konsep ini, *hududullah* merangkumi apa sahaja yang dimaksudkan sebagai “cara yang baik”.⁹⁹

Menurutnya lagi, amatlah jelas bahawa istilah hudud di dalam al-Quran adalah tidak merujuk kepada hukuman dan sekatan semata-mata, tetapi ianya lebih tertumpu kepada garis panduan batas-batas moral dan perundangan yang luas yang mesti dipatuhi dan disokong.

3.4.1.2 Penekanan Al-Quran mengenai Taubat

Menurut Mohammad Hashim Kamali, di dalam doktrin perundangan dan di dalam EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan langsung tidak menggambarkan secara sewajarnya tentang konsep bertaubat sebelum dijatuhkan sebarang hukuman. Walaupun al-Quran menekankan terdapat peruntukan untuk bertaubat, pengampunan dan perubahan diri, tetapi doktrin perundangan memberi sepenuh perhatian kepada perlaksanaan hukuman sehingga sebaik sahaja pesalah dijatuhkan hukuman di bawah kesalahan *hadd*, taubat tidak diambil kira langsung dan tiada sesiapa yang boleh memberi pengampunan kepadanya. Ini menggambarkan bahawa prinsip doktrin perundangan adalah berlawanan dengan konsep yang dinyatakan di dalam al-Quran.¹⁰⁰

Sebagai contohnya, dalam kes hukuman mencuri yang dicatatkan di dalam surah Al-Maidah ayat 38-39. Walaupun bahagian pertama ayat tersebut telah menetapkan hukuman, namun bahagian kedua adalah serta-merta mengimbangi pendekatan itu dengan membuka peluang untuk bertaubat dan perubahan diri. Ini menunjukkan bahawa

⁹⁹ Ibid, 48-49.

¹⁰⁰ Ibid, 52-53.

hukuman tidak harus dijatuhkan secara terburu-buru kerana taubat datang daripada kesedaran, nasihat dan tunjuk ajar. Dapat dilihat bahawa, prinsip yang dikemukakan oleh al-Quran adalah tidak sejajar dengan pendekatan hudud yang dibuat oleh doktrin perundangan mazhab-mazhab yang tidak bertolak-ansur dalam hal ini.¹⁰¹

Antara contoh lain yang diberikan adalah berkenaan hukuman terhadap pesalah zina dan *qazaf* di dalam surah al-Nur ayat 2-6. Sesetengah pengulas mempersoalkan tentang kata nama “*illa ’l-ladhina*” (kecuali orang-orang yang) merujuk kepada pemfitnah, atau kepada orang-orang yang *fasik* secara amnya, dan mempersoalkan sama ada penzina boleh digolongkan di dalam kalangan orang yang dibenarkan bertaubat. Mengikut prinsip umum yang diberikan iaitu perundangan jenayah harus diterjemahkan kepada pembelaan terhadap si tertuduh dan ke arah keringanan hukuman. Maka dapat dirumuskan bahawa kesemua kategori pesalah adalah terangkum dalam maksud akhir ayat dan harus diberi peluang untuk bertaubat dan melakukan perubahan diri.¹⁰²

Akan tetapi, dapat dilihat bahawa doktrin perundangan yang digubal memberi peluang yang sedikit untuk bertaubat dan melakukan perubahan diri. Oleh yang demikian, beliau menganjurkan agar prosiding perundangan hudud harus dipinda dengan sewajarnya dan ditukar agar menggambarkan perintah al-Quran yang sebenar tentang taubat dan melakukan perubahan diri.

3.4.1.3 *Hadd* dalam Hadis

Ungkapan *hadd* dan hudud yang digunakan di dalam hadis menunjukkan penggunaannya bagi makna yang pelbagai. Adakalanya ungkapan ini digunakan bagi menunjukkan makna jenayah, adakalanya menunjukkan makna hukuman. Dalam

¹⁰¹ Ibid, 53-54.

¹⁰² Ibid, 56.

kebanyakan hadis Rasulullah s.a.w, lafaz *hadd* digunakan dalam kedua-dua hal jenayah khusus dan hukuman-hukuman.¹⁰³

Antara contoh hadis yang menunjukkan makna hukuman adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Aishah r.a yang dirakamkan oleh Bukhari yang bermaksud:

“Usamah menghampiri Rasulullah S.A.W bagi pihak seorang wanita (yang telah mencuri). Rasulullah S.A.W bersabda: “kaum sebelummu telah dihapuskan kerana mereka sering mengenakan hukuman undang-undang (*al-hadd*) ke atas orang-orang miskin dan memaafkan orang-orang kaya. Demi Dia yang jiwaku dalam tanganNya! Jika Fatimah (anak Rasullullah S.A.W melakukaninya (iaitu mencuri), aku akan memotong tangannya”.¹⁰⁴

Hadis ini menunjukkan bahawa lafaz *hadd* digunakan bagi menunjukkan hukuman, dan menunjukkan tidak boleh ada pilih kasih dalam melaksanakan hukuman tersebut baik bagi orang miskin maupun yang kaya.

Contoh lafaz *hadd* yang digunakan bagi menunjukkan penggunaan jenayah adalah sebagaimana yang diriwayatkan di dalam *Sahih Muslim* iaitu *Abi Burdah al-Ansari* meriwayatkan bahawa dia mendengar Rasulullah S.A.W bersabda:

“Tiada siapa pun akan disebat lebih sepuluh kali sebatan melainkan kerana hadd antara hudud Allah”.¹⁰⁵

Lafaz *hadd* dalam hadis ini hanya boleh diberi makna sebagai jenayah, kerana adalah tidak masuk akal sekiranya dikatakan hukuman sehingga sepuluh kali sebatan boleh dikenakan bagi hukuman *hadd*.¹⁰⁶

¹⁰³ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 67-68.

¹⁰⁴ Al-Bukhārī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Ke 6 Lahore: Kazi Publications, 1983, VIII, Kitab Hudud, Bab melaksanakan hudud ke atas orang yang mulia dan orang yang lemah, no. hadith 6787, 409.

¹⁰⁵ Muslim, *Mukhtaṣar Šaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār al-Maktab al-Islāmī, 1404/1984, no. hadith 1049, 279.

¹⁰⁶ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 71

3.4.2 Pandangan mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan

Di dalam buku *Punishment in Islamic Law*, Mohammad Hashim Kamali membincangkan secara teliti tentang EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan dan juga tentang permasalahan mengenai hukuman hudud. Beliau membahaskan masalah-masalah yang terdapat pada enakmen ini yang menyebabkan enakmen ini sukar untuk dilaksanakan di Negeri Kelantan. Pengkaji membuat pecahan terhadap perbincangan mengenai pandangan yang dibuat oleh Mohammad Hashim Kamali kepada beberapa pecahan.

3.4.2.1 Pandangan mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan

Menurut Mohammad Hashim Kamali, EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini menimbulkan tiga masalah yang utama iaitu masalah prosedur, masalah berkaitan dengan realiti masyarakat yang berbilang bangsa dan kaum, dan masalah pendekatan *harfiah* yang digunakan dalam menghuraikan pemahaman mengenai hudud.¹⁰⁷

Permasalahan dari segi prosedur, beliau menghuraikan bahawa enakmen ini telah membangkitkan 3 permasalahan utama. Pertama, enakmen ini telah membangkitkan konflik bidangkuasa Perundangan Persekutuan dan bidangkuasa Perundangan Negeri disebabkan sesetengah kesalahan di bawah peruntukan hukuman hudud adalah terletak di bawah Kanun Keseksaan Persekutuan seperti kesalahan curi, rompak, bunuh, rogol, zina, minum arak.¹⁰⁸ Oleh yang demikian, sekiranya enakmen ini diluluskan oleh Parlimen dan dapat dilaksanakan maka hal ini mengakibatkan undang-undang jenayahnya adalah bertindih di antara satu sama lain. Dalam kes ini, undang-undang adalah terbuka untuk dilaksanakan secara serentak yang mana pesalah diberi pilihan untuk membuat tuntutan perlindungan di bawah artikel 7 (2) Perlembagaan Persekutuan. Walaupun enakmen ini melarang sebarang prosiding dibuat

¹⁰⁷ Mohamad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 11.

¹⁰⁸ Ibid, 11-12.

di bawah kanun keseksaan bagi kes yang berkaitan dengan hukuman hudud, namun tindakan ini adalah menyalahi dan melanggar had-had bidang kuasa di bawah perlembagaan.

Masalah kedua adalah terdapat peruntukan yang digubal di dalam enakmen ini adalah terletak di luar bidangkuasa Perundangan Negeri Kelantan kerana enakmen ini turut melibatkan peruntukan terhadap orang bukan Islam. Di dalam enakmen ini, seseorang bukan Islam diberi pilihan untuk memilih agar diadili dengan Undang-Undang Persekutuan ataupun Undang-Undang Syariah. Ini sama sekali bercanggah dengan senarai negeri (jadual ke Sembilan, senarai 2 Perlembagaan Persekutuan) yang memperuntukkan setiap negeri hanya boleh membuat undang-undang untuk orang Islam sahaja. Walaupun ianya sekadar memberi pilihan, namun ianya boleh dianggap sebagai tidak mengikut Perlembagaan dan tidak sistematik kerana memberi pilihan kepada orang bukan Islam, manakala orang Islam dinafikan pilihannya.¹⁰⁹

Antara masalah lain yang berkaitan mengenai kedudukan orang bukan Islam adalah terdapat percanggahan pada klaus 56¹¹⁰ dan klaus 57¹¹¹. Dalam klaus 56 dinyatakan enakmen ini hanya terpakai kepada orang Islam sahaja namun dalam klaus 57 dinyatakan peruntukan yang melibatkan konspirasi dan persubahatan yang berkemungkinan orang bukan Islam juga terlibat di dalam persubahatan itu. Ini kerana istilah “bersubahat, komplot, menolong, dan merancang” adalah sangat luas dan boleh

¹⁰⁹ Ibid, 12-13.

¹¹⁰ (1) *Tertaluk kepada subseksyen (2), Enakmen ini hendaklah terpakai ke atas tiap-tiap orang Islam yang mukallaf mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya dalam Negeri Kelantan.*
(2) Tidak ada apa-apa dalam Enakmen ini yang menghalang seseorang yang bukan Islam daripada membuat pilihan supaya Enakmen ini terpakai ke atasnya mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya dalam Negeri Kelantan dan sekiranya seseorang bukan Islam itu membuat pilihan sedemikian, maka peruntukan Enakmen ini, hendaklah, mutatis mutandis terpakai ke atasnya seperti juga peruntukan-peruntukan tersebut terpakai ke atas seorang Islam.

¹¹¹ *Jika sesuatu kesalahan itu dilakukan sebagai hasil daripada atau kerana menurut persubahatan, pertolongan, komplot atau rancangan jahat, maka tiap-tiap orang yang bersubahat, menolong, mengambil bahagian dalam komplot atau rancangan jahat untuk melakukan kesalahan itu adalah bersalah melakukan kesalahan itu dan hendaklah dihukum dengan hukuman penjara sebagai hukuman ta'zir selama tempoh yang tidak lebih daripada sepuluh tahun*

merangkumi sebarang kes yang melibatkan orang bukan Islam.¹¹² Oleh yang demikian, Mohammad Hashim Kamali menyimpulkan bahawa enakmen ini dirangka kepada orang Islam dan juga orang bukan Islam. Ini bermaksud, keputusan yang dibuat untuk tidak mengenakan kepada orang bukan Islam hanyalah disebabkan faktor politik semata-mata.

Antara isu lain yang disentuh dalam hal ini adalah persoalan yang timbul apabila seseorang bukan Islam dan orang Islam terlibat dalam kes yang sama seperti zina atau mencuri.¹¹³ Sekiranya kaedah pemilihan ini dipraktikkan, maka hukuman bagi kedua-dua orang yang terlibat akan berbeza dan ini mengakibatkan wujudnya nilai ketidakadilan dalam membuat hukuman di samping ianya bersifat diskriminasi dan tidak logik.

Masalah ketiga yang berkaitan prosedur adalah enakmen ini telah melanggar had peruntukan bagi pelbagai hukuman yang telah ditetapkan oleh Parlimen. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) yang digubal pada tahun 1984 telah mengehadkan bidang kuasa mahkamah dengan hanya boleh mengadili kes-kes yang melibatkan orang Islam sahaja, yang mana peruntukan hukuman pula adalah penjara maksimum 3 tahun, dengan denda tidak melebihi RM 5000 atau sebatan tidak melebihi 6 kali atau gabungan mana-mana hukuman.¹¹⁴ Namun, enakmen yang digubal ini telah memperuntukkan hukuman yang lebih luas dan lebih berat seperti hukuman mati, rejam sampai mati, potong tangan dan sebagainya.

Selain daripada masalah prosedur, masalah lain yang dibangkitkan oleh Mohammad Hashim Kamali ialah masalah yang berkaitan dengan realiti masyarakat dan politik Malaysia. Menurut beliau enakmen ini menimbulkan persoalan sama ada negara ini harus ditadbir oleh dua undang-undang yang berbeza memandangkan

¹¹² Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 18-21.

¹¹³ Ibid, 20.

¹¹⁴ Ibid, 13.

masyarakat Malaysia adalah multi-rasial, multi-agama yang mana Islam dominan dari segi politik mahupun budaya. Tambahan lagi masalah perpaduan juga timbul apabila hanya satu negeri sahaja daripada tiga belas negeri yang merangka undang-undang sendiri untuk negerinya dan ini memaksa kerajaan pusat membuat pilihan yang sukar.

Masalah ketiga mengenai enakmen ini adalah masalah enakmen yang gagal memberikan pilihan yang bermakna kerana timbul keraguan tentang kebijaksanaan membuat pendekatan secara literal terhadap pemahaman hudud. Enakmen ini digubal berdasarkan kaedah “*taqlidiyah*” kepada sejarah-sejarah terdahulu semata-mata tanpa mengambil kira keadaan semasa. Mohamad Hashim Kamali menyatakan enakmen ini digubal dengan menggunakan konsep huraiyan berdasarkan literal dan tidak menggunakan sebarang usaha untuk berijtihad dalam menangani masalah-masalah baru supaya dapat memenuhi kehendak keadilan dan menggalakkan kehendak perkembangan polisi perundangan pada masa kini.¹¹⁵

3.4.2.2 Pandangan mengenai Permasalahan Hudud dalam EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan

Selain daripada masalah-masalah utama ini, terdapat beberapa masalah lain yang turut disentuh oleh Mohamad Hashim Kamali. Antaranya masalah mengenai isu rogol dan bukti zina.¹¹⁶ Enakmen ini dikatakan langsung tidak membincarakan tentang isu rogol dan tiada definisi yang khusus mengenainya yang diberikan sehingga mengakibatkan rogol adalah termasuk di dalam pengertian zina. Sedangkan rogol dan zina merupakan dua perbuatan yang berbeza. Zina merupakan suatu perhubungan seksual di antara dua orang yang rela di antara satu sama lain, manakala rogol pula merupakan perhubungan seksual yang dipaksa dan tidak direlai oleh mangsa. Oleh sebab itu, mengenakan

¹¹⁵ Ibid, 123.

¹¹⁶ Ibid, 23.

hukuman zina terhadap kesalahan merogol merupakan suatu perbuatan yang tidak adil dan menganiayai mangsa rogol.

EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan ini juga disifatkan sebagai mendiskriminasikan wanita kerana enakmen ini tidak menerima wanita sebagai saksi dalam kes zina serta tidak menerima *qarinah* (bukti zina) sebagai bukti dalam hudud.¹¹⁷ Oleh yang demikian, dikatakan wanita tiada hak untuk membuat pembelaan diri sendiri sekiranya dia telah dirogol. Sekiranya mangsa rogol ingin membuat pendakwaan terhadap si perogol, maka mangsa perlu mengemukakan empat orang saksi lelaki yang *akil baligh* serta adil. Sekiranya mangsa gagal berbuat demikian, maka mangsa boleh dikenakan hukuman *qazaf* sedangkan menurut mereka, membawa empat orang saksi lelaki dalam membuktikan kes rogol adalah mustahil sama sekali.

Sementara itu, enakmen ini juga dikritik disebabkan peruntukannya berkenaan saksi zina di mana ia mengatakan bahawa ‘tiap-tiap orang saksi hendaklah terdiri daripada seorang lelaki Islam yang *akil baligh* dan hendaklah seorang yang adil (klausa 41).¹¹⁸ Kesaksian daripada golongan wanita adalah tertolak sama sekali. Selain daripada saksi, *iqrar* atau pengakuan merupakan satu-satunya kaedah lain yang boleh diterima dan hanya melibatkan tertuduh membuat pengakuan dan bukan pihak lain yang terlibat dalam kes yang sama. Walaubagaimanapun, pengakuan tersebut boleh ditarik pada bila-bila masa sahaja walaupun pada ketika itu dia sedang menjalani hukuman. Oleh itu, menurut mereka jelaslah wanita-wanita yang menjadi mangsa tidak mempunyai harapan untuk membuat pembelaan diri.

Seterusnya, enakmen ini juga dikritik disebabkan oleh keterangan *qarinah* yang dinyatakan bahawa “keterangan *qarinah* walaupun berkaitan hendaklah tidak boleh dijadikan satu cara yang sah untuk membuktikan kesalahan hudud.” (Klausa 46).

¹¹⁷ Ibid, 26.

¹¹⁸ Ibid, 25

Ini menggambarkan bahawa bahan-bahan bukti saintifik seperti air mani, bahan ujian faraj, contoh darah, goresan, kesan bukti genetik, dan lain-lain adalah tidak diterima sebagai bahan bukti zina. Ini menunjukkan bahawa menolak saksi wanita dan bahan bukti saintifik adalah tidak selari dengan pengetahuan sains dan bertentangan dengan al-Quran.¹¹⁹

Mohamad Hashim Kamali memetik kisah yang diriwayatkan di dalam surah Yusuf A.S (12:23-29) yang menceritakan tentang kisah nabi Yusuf A.S dituduh menggoda seorang wanita setelah dipujuk rayu oleh wanita tersebut tetapi telah ditolak oleh Nabi Yusuf. Hal ini diselesaikan oleh hanya seorang saksi wanita yang menyatakan bahawa oleh sebab baju Nabi Yusuf telah terkoyak di belakang, maka ini membuktikan bahawa wanita tersebut yang telah cuba menggoda Nabi Yusuf dan bukan sebaliknya. *Nas* ini telah menjadi asas bagi ahli fuqaha sebagai isu menyokong bahan bukti (*al-qara'in*) sebagai satu kaedah pembuktian di luar hudud. Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa keterangan *qarinah* juga diterima-pakai dalam membuktikan kesalahan zina di dalam Islam.

Tambahan lagi, menurut Mohammad Hashim Kamali, para ulama' juga berbeza pendapat dalam menilai bukti kehamilan sebagai bukti zina kerana ia bukannya bukti penentu (*qarinah qati'ah*), yang dengan sendirinya tidak boleh dijadikan asas menjatuhkan hukuman. Oleh yang demikian, undang-undang tersebut mungkin boleh disanggah dan ditolak oleh bukti lain. Ini kerana kehamilan juga berlaku tanpa ada penetrasi (kemasukan zakar ke dalam faraj), sebagai contoh ianya berlaku dengan memasukkan mani melalui kaedah bukan semula jadi. Tambah pula sekiranya dapat dibuktikan bahawa wanita tersebut masih dara. Oleh itu, hukuman *hadd* adalah tidak boleh dilaksanakan.¹²⁰

¹¹⁹ Ibid, 27-28.

¹²⁰ Ibid, 29.

Sekiranya kemungkinan-kemungkinan tersebut berlaku, para ulama seperti Imam Abu Hanifah, Imam Shafi'e, dan Ibn Hanbal berpendapat bahawa wanita tersebut perlu ditanya sama ada dia boleh memberikan keterangan ataupun tidak untuk pembelaan diri. Sekiranya dia menyatakan bahawa dia telah tersilap atau telah dipaksa maka hukuman *hadd* perlu digugurkan. Bagaimanapun, sekiranya wanita tersebut tidak membuat sebarang keterangan, maka hukuman *hadd* tidak boleh dilaksanakan kerana kaedah pembuktian zina yang diterima adalah adanya saksi atau melalui pengakuan sendiri.¹²¹

Walaubagaimanapun, Imam Malik berbeza pendapat dengan ketiga-tiga ulama' tersebut. Menurut Imam Malik, kehamilan merupakan bukti yang lebih sah dan sudah mencukupi dalam mengenakan hukuman *hadd* tanpa perlu adanya pengakuan. Tambahan lagi, kenyataan tertuduh bahawa dia dipaksa atau telah melakukan kesilapan juga tidak cukup untuk menggugurkan hukuman *hadd* tanpa disokong oleh bukti lain.¹²²

Manakala menurut *al-Dusuqi* iaitu seorang ulama' mazhab Maliki menyatakan bukti kehamilan boleh dikenakan pada wanita bujang atau wanita yang telah berkahwin tetapi suaminya seorang *majbub* iaitu alat kelaminnya telah rosak dan pada wanita yang telah melahirkan anak sebelum cukup tempoh enam bulan dari tarikh perkahwinannya. Selain daripada itu, keterangannya bahawa dia telah dipaksa dan dirogol juga tidak boleh diterima melainkan dapat dibuktikan dengan bukti-bukti lain seperti dia telah menjerit meminta tolong, atau terdapat tanda-tanda keganasan, dan pendarahan akibat kehilangan dara. Begitu juga dengan dakwaannya bahawa air mani telah masuk ketika dia sedang mandi atau hasil hubungan seks dengan jin, tidak boleh dijadikan bahan

¹²¹ Ibid, 30.

¹²² Ibid, 31.

untuk pembelaan diri melainkan dapat dibuktikan dengan bukti lain seperti dia masih dara atau sifatnya yang suci dan berperibadian mulia.¹²³

Antara masalah lain mengenai EJKS yang dibincangkan oleh Mohammad Hashim Kamali adalah mengenai isu murtad (*irtidad*).¹²⁴ Terdapat dua perkara yang dibangkitkan iaitu definisi murtad yang sangat kabur, terlalu umum dan kurang mempunyai tumpuan sehingga sekiranya ia tidak diberikan konteks berkemungkinan ianya bertentangan dengan Al-Quran dan Perlembagaan Malaysia. Beliau mengatakan bahawa definisi murtad yang terdapat di dalam enakmen ini gagal membezakan di antara murtad dan mempersendakan agama dan merangkumi beberapa konsep yang berlainan seperti *kufur* dan *bid'ah*.

Selain daripada itu, enakmen ini juga didakwa tidak mengambil kira langsung suatu pendapat di kalangan ulama' yang wujud dari zaman awal Islam.¹²⁵ Beberapa orang ulama' terkemuka dalam sejarah berpendapat bahawa kesalahan murtad bukanlah sebahagian daripada kesalahan hudud. Antaranya adalah *Ibrahim Al-Nakha'i* (m.95H) dan *Sufyan Al-Tawri* (m.162H) yang berpendapat orang yang murtad seharusnya diajak untuk kembali kepada ajaran Islam semula dan tidak harus dikenakan hukuman bunuh.¹²⁶ Manakala *Ibn al-Walid al-Baji* seorang ulama' Malikiah dan *Ibn Taimiyah* seorang ulama' Hanafi berpendapat murtad merupakan dosa yang tidak tertakluk di dalam hukuman *hadd* dan hanya boleh di hukum mengikut pertimbangan takzir sahaja.¹²⁷

Antara pendapat lain lagi adalah *Syaikh al-Azhar*, *Almarhum Mahmud Shaltut* telah merumuskan hasil daripada kajianya bahawa murtad tidak membawa sebarang hukuman duniawi memandangkan sebarang rujukan kepada isu murtad yang dijelaskan

¹²³ Ibid, 31.

¹²⁴ Ibid, 33.

¹²⁵ Ibid, 34.

¹²⁶ Ibid, 35.

¹²⁷ Ibid, 36.

di dalam al-Quran merujuk kepada pembalasan di akhirat. Mohamad Hashim Kamali menyatakan bahawa di dalam al-Quran terdapat tidak kurang daripada dua puluh satu ayat yang menyatakan berkenaan dengan kesalahan murtad dan di antara ayat-ayat ini tidak terdapat ayat yang menyatakan hukuman bagi orang murtad yang dikenakan di atas dunia ini melainkan dinyatakan hukuman yang dikenakan di akhirat kelak.¹²⁸ Beliau juga bersetuju bahawa faktor asas yang membawa kepada hukuman mati adalah dalam hal keganasan dan kekerasan terhadap penganut serta untuk menangkis fitnah (hasutan dan kemelut sivil) terhadap agama dan negara.¹²⁹ *Mahmassani* juga bersepakat dengan *Almarhum* Mahmud Shaltut ini dan membuat rumusan yang sama iaitu ‘hukuman mati bukannya dikenakan ke atas orang yang ingin menukar kepercayaannya, tetapi adalah untuk menghukum perbuatan khianat yang bersekongkol dengan musuh dan juga perbuatan menghasut’.

Oleh yang demikian, menurut Mohammad Hashim Kamali adalah amat menghairankan apabila penggubal-penggubal enakmen ini sanggup mengetepikan dan membelakangkan ijтиhad yang telah dibuat oleh ulama'-ulama' terdahulu dan telah melahirkan sikap meniru tanpa soal (*taqlid*) dalam menggubal undang-undang ini.

Masalah seterusnya yang dibincangkan oleh Mohammad Hashim Kamali adalah berkenaan definisi *muhsan* dan *ghair-muhsan*.¹³⁰ Di dalam enakmen ini, perkataan *muhsan* ditakrifkan sebagai “seseorang yang sudah berkahwin dengan sah dan telah menikmati persetubuhan dalam perkahwinan itu” manakala *ghair-muhsan* pula seseorang yang masih bujang atau sudah berkahwin tetapi belum merasai nikmat persetubuhan dalam perkahwinan itu.” (Klausa 10.12)

¹²⁸ Mohammad Hashim Kamali (2002), Comments on Apostasy, dipetik di dalam laman youtube <https://www.youtube.com/watch?v=JU57-j22whI> diakses pada 2 November 2018

¹²⁹ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 36.

¹³⁰ Ibid, 37.

Menurut Mohammad Hashim Kamali adalah amat sukar untuk memahami maksud *muhsan* di dalam enakmen ini kerana terdapat beberapa faktor yang boleh dibangkitkan. Ianya seperti sekiranya seseorang itu pernah menjalinkan hubungan seksual tetapi tiada rujukan terhadap status perkahwinannya pada masa kesalahan dilakukan. Begitu juga dengan sekiranya seseorang itu pernah berkahwin dan bercerai serta tidak mempunyai hubungan seksual dengan pasangannya dalam masa yang lama. Menurutnya sekiranya hukuman rejam sampai mati dikenakan ke atas pesalah ini, maka ianya adalah tidak adil dan tidak terdapat belas ihsan dalam hal ini.¹³¹

Beliau juga telah mengambil pendapat Muhammad Abdur Razzak dan Rashid Ridza yang berpendapat hukuman rejam sampai mati hanya boleh dikenakan ke atas pesalah yang pada waktu itu berada di dalam satu ikatan perkahwinan yang sah. Manakala pesalah yang telah bercerai, maka dia hanya boleh dikenakan hukuman ringan atau setara dengan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah bujang.¹³²

Beliau juga mengambil pendapat Abu Zahrah yang menyatakan tidak terdapat dalam sebarang nas yang sahih yang mengatakan wanita dan lelaki yang bercerai atau lelaki yang telah kematian isterinya harus dikelaskan sebagai *muhsan*. Abu Zahrah juga bersepakat dengan pandangan Muhammad Abdur Razzak dan Rashid Ridza yang menyatakan “seseorang yang *muhsan* adalah seseorang yang dilindungi, dalam berkaitan wanita, oleh suaminya, dan jika terdapat perpisahan atau perceraian, dia bukan lagi *muhsannah* seperti mana dia bukan *mutazawwiyah* ataupun seorang yang berkahwin.¹³³

Oleh yang demikian, secara logiknya adalah tidak patut dikenakan hukuman rejam sampai mati ke atas wanita yang telah kehilangan dua perlindungannya yang

¹³¹ Ibid, 37.

¹³² Muhammad Rashid Ridza, *Tafsir Al-Manar*, Edisi Ke-4, (Kaherah: Matba'ah Al-Manar, 1373H), V: 25.

¹³³ Mohamad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 38.

terbesar iaitu dara dan perkahwinannya. Menurutnya wanita tersebut haruslah dikenakan hukuman yang lebih ringan atau setara dengan seorang dara.

Antara masalah lain yang dibincangkan adalah mengenai keraguan terhadap hukuman pemotongan kaki untuk kesalahan kedua bagi kesalahan mencuri. Ahli *Fiqh Muktabar* telah mengesahkan pemotongan kaki kiri untuk kesalahan kedua, namun terdapat sebilangan kecil ulama' yang tidak menyokong pendapat ini dengan alasan bahawa Al-Quran tidak menyokong tindakan ini (*al-Maidah*: 38). Begitu juga dengan dua sahabat terkemuka iaitu *Ibn Abbas* dan 'Ata yang berpendapat bahawa pemotongan kaki adalah tidak sah bagi kesalahan mencuri kali kedua dan seterusnya dengan alasan mereka berpandukan ayat Al-Quran di dalam surah Maryam: 64 iaitu "وَمَا كَانَ بِكُلِّ نَسَمَةٍ" yang bermaksud "dan tiadalah Tuhanmu itu lupa".¹³⁴

Selain daripada itu, menurut beliau, enakmen ini tidak mengambil kira langsung mengenai kemungkinan pesalah untuk membuat perubahan diri dan juga untuk bertaubat. Begitu juga enakmen ini tidak mengambil kira pendapat yang dikeluarkan oleh al-Qardawi, dan al-Ghazali tentang hukuman curi bagi sesebuah masyarakat moden.¹³⁵ Hukuman yang amat tegas dan bersifat mandatori menjadikan hukuman hudud bersifat pencegah sehingga mengabaikan konsep perubahan diri. Menurut Mohammad Hashim Kamali objektif utama hukuman hudud adalah untuk mengenakan keperitan hukuman terhadap pesalah dan melindungi masyarakat daripada jenayah.¹³⁶

Seterusnya Mohammad Hashim Kamali membincangkan tentang keharusan kesalahan meminum arak (*syurb khamar*) diletakkan di bawah kesalahan hudud.¹³⁷ Ini adalah kerana walaupun terdapat larangan terhadap *syurb khamar* di dalam al-Quran

¹³⁴ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 39-40.

¹³⁵ Ibid, 40.

¹³⁶ Ibid, 87.

¹³⁷ Ibid, 41.

tetapi di dalamnya tidak terdapat sebarang garis panduan bagi hukuman kesalahan ini.¹³⁸

Tambahan pula, dalil Sunnah juga menunjukkan Nabi Muhammad S.A.W tidak menganggap kesalahan ini sebagai kesalahan hudud kerana meminum arak merupakan lumrah masyarakat Arab pada zaman Rasulullah S.A.W. Pada zaman Abu Bakar juga apabila berdepan dengan masalah ini, beliau telah meminta pandangan para sahabat tetapi mereka juga tidak mengetahui tentang hukuman sebenar bagi kesalahan ini.

Akan tetapi, majoriti ulama' tidak mengambil kira pandangan ini dan juga pengesahan daripada beberapa orang ulama' termasuk *Ibn Qayyim Al-Jauziyyah* dan *Ibn Farhun*. Sebaliknya mereka mendakwa *syurb khamar* ini terletak di bawah kesalahan hudud dan juga mendakwa *ijma'* telah menetapkan hukumannya adalah sebanyak lapan puluh kali sebatan. Namun, dalam penulisan terkini, ulama'- ulama' seperti *Mustafa Shalabi*, *Fathi Bahnasi*, *Salim Al-Awwa* dan lain-lain telah menyatakan bahawa dakwaan *ijma'* tentang *syurb khamar* adalah kesalahan hudud adalah tidak benar dan berpendapat ianya merupakan kesalahan *takzir*. Hujahnya adalah *hadd* merupakan kesalahan yang hukumannya telah ditetapkan oleh al-Quran dan Sunnah. Akan tetapi, bagi kesalahan *syurb*, hukumannya adalah tidak dinyatakan di dalam al-Quran dan Sunnah.¹³⁹

Akhir sekali, permasalahan yang ditimbulkan oleh Mohammad Hashim Kamali adalah mengenai enakmen hudud yang tidak menyentuh langsung peranan dan hasrat mangsa *qazaf* sama ada dia ingin memaafkan si penuduh atau sebaliknya.¹⁴⁰ Menurut persetujuan umum di kalangan para pengikut mazhab-mazhab muktabar, hukuman untuk *qazaf* tidak boleh dijatuhkan melainkan atas permintaan mangsa *qazaf* dan sekiranya mangsa *qazaf* memberi kemaafan kepada pesalah maka hukuman tidak boleh dikenakan.

¹³⁸ Mohammad Hashim Kamali, Hudud in Islam, interview with mobTV.my on 3 October 2011, <https://www.youtube.com/watch?v=sr0dZbqC2og> diakses pada 2 November 2018

¹³⁹ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 42.

¹⁴⁰ Ibid, 43.

Imam Shafi'e dan Ibn Hanbal berpendapat bahawa *qazaf* tertakluk di bawah isu-isu pencabulan hak asasi manusia dan ianya menyerupai *qisas* dan kedua-duanya boleh diampunkan oleh mangsa. Hampir kesemua mazhab bersetuju mensyaratkan agar mangsa *qazaf* perlu membuat aduan terhadap pelaku kesalahan dan seterusnya barulah hukuman tersebut dapat dijalankan.¹⁴¹

Akan tetapi, menurut Imam Abu Hanifah dan Imam Malik, *qazaf* tertakluk di dalam kategori hak Allah. Ini bermakna tiada keampunan yang harus diberikan selepas perkara tersebut dibawa ke mahkamah. Dalam hal ini, tiada bezanya kesalahan *qazaf* dengan kesalahan hudud yang lain yang kesemuanya mengandungi perlanggaran hak Allah, melainkan mangsa *qazaf* berhak samada ingin mendakwa ataupun tidak.¹⁴²

Oleh yang demikian, Mohammad Hashim Kamali menyarankan agar dibuat suatu peruntukan agar mangsa *qazaf* boleh memilih samada ingin hukuman dijalankan ataupun tidak dan ini seterusnya akan membawa kepada keharmonian yang lebih besar dalam melaksanakan hukuman hudud.

3.4.3 Rumusan Pandangan Mohammad Hashim Kamali mengenai Hukuman Hudud dan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan

Secara keseluruhannya, di dalam buku ini Mohammad Hashim Kamali membincangkan dua dimensi yang berbeza tentang hukuman hudud. Pertamanya adalah mengenai isu-isu spesifik hukuman Hudud yang mana lebih tertumpu kepada kritikan terhadap enakmen tersebut dan keduanya mengenai pandangan umum dalam pemahaman hudud dari sumber-sumber syariah dan perlaksanaannya dalam masyarakat kini.

¹⁴¹ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 43.

¹⁴² Ibid, 43.

Halangan yang paling utama terhadap perlaksanaan hukuman hudud ini adalah percanggahannya dengan Perlembagaan Persekutuan. Selagi mana Kerajaan Negeri Kelantan tidak mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi percanggahan tersebut, enakmen tersebut tidak akan dapat dilaksanakan. Menurut Mohammad Hashim Kamali, enakmen yang digubal juga adalah hasil natijah daripada peniruan tanpa soal (*taqlid*) daripada ulama'-ulama' silam dan kisah-kisah yang terdahulu tanpa mengambil kira hakikat masyarakat pada masa kini, dan juga gagal menyesuaikan beberapa fahaman fiqh dari zaman pramoden.¹⁴³ Ianya adalah seperti menyekat keupayaan ummah untuk memperbaharui diri serta mengekang keupayaan ulama' baharu untuk menghasilkan pemikiran yang bernas dalam mencari penyelesaian terhadap isu-isu baru. Dengan mementingkan “*taqlid*”, ianya seperti menganggap Islam itu adalah suatu agama yang beku dan kaku, yang tidak berubah mengikut masa dan keadaan serta seolah-olah menafikan sifatnya yang sesuai untuk sebarang masa dan keadaan. Ia bukan sahaja melanggar hikmat Islam yang tersirat di dalam al-Quran serta Sunnah Nabi, malah ia mengaburkan pandangan kita terhadap maksud serta tujuan syariah (*maqasid al-syariah*) akibat daripada hanya menitikberatkan butir-butir spesifik sahaja. Oleh yang demikian, beliau menekankan pentingnya fungsi “*ijtihad*” dalam menangani masalah ini dan menganggapnya sebagai cara yang terbaik dalam melaksanakan perintah Al-Quran dan Al-Sunnah. Ini kerana dengan berijtihad, keserasian antara syariah dan kebudayaan serta keadaan masyarakat dapat dipastikan sempurna.

Menurutnya lagi, hudud bukanlah satu-satunya matlamat terakhir serta satu-satunya objektif undang-undang tetapi hanyalah sebagai wahana untuk menegakkan keadilan¹⁴⁴. Dalam melaksanakan sesuatu hukuman, kita digalakkan untuk tidak melakukannya dengan terburu-buru termasuklah dalam melaksanakan hudud. Kita

¹⁴³ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 123.

¹⁴⁴ Mohammad Hashim Kamali, Hudud in Islam, interview with mobTV.my on 3 October 2011, <https://www.youtube.com/watch?v=sr0dZbqC2og>

disarankan supaya menumpukan perhatian kepada melindungi serta memelihara struktur nilai yang cuba dipertahankan oleh hudud iaitu menghasilkan pencegahan yang paling berkesan dalam menangani jenayah serta keganasan dan bukannya menjadikan hudud itu sebagai matlamat terakhir hudud itu sendiri.

Seterusnya, beliau menganjurkan supaya beberapa jenis hukuman diletakkan di bawah hukuman takzir disebabkan oleh beberapa sebab. Sebagai contohnya kesalahan *syurb* dan murtad, kedua-duanya harus diklasifikasikan di bawah hukuman takzir kerana asas bukti bagi keduanya belum mencukupi untuk meletakkannya di bawah kesalahan hudud. Begitu juga kerana terdapat percanggahan pendapat di kalangan ulama' dalam mengklasifikasikan kategori hukuman ini, disebabkan ketidaan nas yang jelas mengenai jumlah hukuman yang ditetapkan di dalam al-Quran¹⁴⁵.

Kemudian beliau menyarankan agar hukuman rejam bagi kesalahan zina dan memotong tangan bagi kesalahan mencuri tidak patut dijalankan. Ini adalah kerana baginya kedua-dua jenis hukuman ini akan menyekat *idealisme* keadilan dan tatacara yang saksama serta menyebabkan wujudnya sekatan terhadap kepuatan yang membuta tuli, yang tidak peka terhadap keadaan semasa sebuah masyarakat moden. Sekiranya kesalahan zina dan mencuri dihukum di bawah hukuman hudud, maka sudah semestinya akan menyekat kemungkinan untuk melaksanakan amanah al-Quran yang menekankan konsep taubat, pemulihan serta perubahan diri.

Pada pendapat beliau lagi sekiranya hukuman sebat ingin juga dilaksanakan, maka hakim mestilah diberi kuasa untuk menentukan sebarang hukuman dan juga bagaimana hukuman itu perlu dijalankan. Cara hukuman juga mestilah diakui dan dituruti iaitu berkenaan dengan jenis alat yang akan digunakan, serta peraturan tatacara menyebat yang menyatakan bahawa tangan yang menyebat tidak boleh diangkat

¹⁴⁵ Ibid.

melebihi had pergerakan siku. Oleh yang demikian, beliau menyarankan agar kesalahan zina dan mencuri juga diletakkan di bawah hukuman takzir yang mana kerajaan dan Ulu Al-Amr boleh menentukan jenis hukuman yang patut dilaksanakan.

3.5 Kesimpulan

Mohammad Hashim Kamali mengutarakan beberapa pandangan beliau berkenaan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan. Antara isu yang disentuh adalah enakmen yang diluluskan oleh DUN Kerajaan Negeri Kelantan ini adalah bercanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan. Enakmen ini menyebabkan pertembungan di antara dua bidangkuasa perundangan iaitu bidangkuasa Perundangan Persekutuan dan juga Bidangkuasa Perundangan Negeri. Peruntukan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang terlibat adalah berlainan sama sekali.

Di antara isu lain yang disentuh adalah berkenaan isu rogol dan zina, yang mana dikatakan tiada definisi yang khusus yang membezakan di antara jenayah rogol dan zina. Peruntukan berkenaan kesalahan ini juga dikatakan tidak adil dan mendiskriminasikan kaum wanita disebabkan tidak menerima wanita menjadi saksi.

Mohammad Hashim Kamali turut membahaskan tentang isu murtad, hukuman meminum arak serta memberikan penerangan tentang penggunaan lafaz *hadd* yang sebenar di dalam al-Quran, hadis dan *fiqh*. Pada pandangan beliau, penggunaan lafaz *hadd* di dalam ketiga-tiga ini membawa maksud yang berbeza. Kesalahan murtad dan juga kesalahan minum arak baginya merupakan kesalahan takzir dan bukannya termasuk di dalam hukuman hudud kerana tiada penetapan jumlah hukuman yang dicatatkan di dalam al-Quran dan kadar hukuman yang dilaksanakan oleh para sahabat juga adalah berbeza-beza. Beliau juga menekankan bahawa di dalam al-Quran hanya dicatatkan hukuman yang dikenakan di akhirat kelak dan tiada hukuman yang dikenakan di atas dunia ini bagi kesalahan murtad dan minum arak

Secara keseluruhannya, ulasan-ulasan yang dibuat oleh Mohammad Hashim Kamali ini berdasarkan pandangan-pandangan yang dilontarkan oleh masyarakat seperti isu rogol dan zina. Perkara ini dibangkitkan oleh NGOs di Malaysia yang melihat bahawa pelaksanaan hukuman rogol dan zina ini mendiskriminasikan kaum wanita dan menyebabkan ianya tidak adil kepada mereka.

BAB 4: ANALISA PELAKSANAAN EKJS (II) 1993 NEGERI KELANTAN MENURUT MOHAMMAD HASHIM KAMALI DAN PERKEMBANGAN SEMASA.

4.1 Pengenalan

Di dalam bab empat ini pengkaji akan membincangkan mengenai permasalahan-permasalahan hudud dan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan sebagaimana yang dilontarkan oleh Mohammad Hashim Kamali di dalam buku beliau *“Punishment in Islamic Law; An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan”*. Permasalahan ini telah dibincangkan oleh pengkaji di dalam bab tiga sebelum ini. Di dalam bab ini juga, pengkaji akan meneliti adakah terdapat perubahan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan ke atas EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan setelah Mohammad Hashim Kamali mengeluarkan kritikannya dan juga setelah masyarakat mengeluarkan pendapat dan pandangan mereka terhadap EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini. Pengkaji akan membuat perbandingan di antara EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan dan EJKS (II) 1993 pindaan 2015 Negeri Kelantan.

4.2 Analisa Hukuman Hudud dan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan mengikut Pandangan Mohammad Hashim Kamali

Sebagaimana yang dibincangkan di dalam bab tiga, Mohammad Hashim Kamali membuat kritikan terhadap EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan dengan menyenaraikan beberapa kelemahan enakmen tersebut. Di antaranya masalah prosedur, masalah berkaitan dengan realiti masyarakat yang berbilang bangsa dan kaum, dan masalah pendekatan harfiah yang digunakan dalam menghuraikan pemahaman mengenai hudud. Antara lain yang dibincangkan adalah mengenai isu rogol dan bukti zina, keterangan

qarinah, isu murtad, definisi *muhsan* dan *ghair-muhsan*, hukuman bagi mencuri, hukuman bagi minum arak dan isu tentang *qazaf*.

4.2.1 Isu Masalah Prosedur

Mohammad Hashim Kamali menyatakan bahawa EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat konflik di antara bidangkuasa Perundangan Persekutuan dan juga bidangkuasa Perundangan Negeri yang mana sesetengah kesalahan yang terletak di bawah enakmen ini adalah tertakluk di dalam bidangkuasa Perundangan Persekutuan.¹⁴⁶ Beliau turut menyatakan bahawa enakmen tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 telah mengehadkan skop kuasa Mahkamah Syariah yang mana bidangkuasa mahkamah ini hanya boleh mengadili kes-kes bagi orang Islam sahaja dan kesalahannya boleh dikenakan hukuman penjara maksimum tiga tahun dengan denda tidak melebihi RM5000 atau dengan sebatan tidak melebihi enam kali atau gabungan mana-mana hukuman.¹⁴⁷ Pandangan beliau ini selari dengan pandangan yang dikeluarkan oleh ahli akademik serta ahli perundangan yang lain.

Tun Abdul Hamid Mohamad (Mantan Ketua Hakim Negara) dalam ucapannya di dalam seminar yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertajuk “Pelaksanaan Hudud Di Brunei: Perbezaan di Antara Brunei dan Malaysia”, beliau menyatakan bahawa cadangan untuk melaksanakan EJKS mestilah ada pertimbangan terhadap peruntukan perlombagaan. Ini kerana terdapat beberapa kesalahan yang terkandung di dalam EJKS telah wujud dalam Kanun Keseksaan sejak 1936 dan berkuatkuasa ketika Perlombagaan Persekutuan digubal. EJKS ini sekiranya dilaksanakan akan menyebabkan berlakunya konflik di antara bidangkuasa Perundangan

¹⁴⁶ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 11-12.

¹⁴⁷ Ibid, 13.

Persekutuan dan bidangkuasa Perundangan Negeri. Contohnya kesalahan yang menyebabkan kematian atau kecederaan kepada orang lain, merompak, mencuri, dan juga merogol. Namun yang demikian, oleh kerana Perlembagaan merupakan undang-undang utama di negara ini, maka mana-mana undang-undang yang tidak selaras dengannya adalah tidak sah.¹⁴⁸

Sementara itu, Siti Zubaidah Ismail berpendapat peruntukan hudud dengan hukuman mati tidak boleh dilaksanakan kerana bidangkuasa yang terhad dalam hukuman sebagaimana yang ditentukan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1984 (akta 1984). Akta ini dengan jelas menyatakan bahawa Mahkamah Syariah Negeri tidak boleh mengenakan hukuman lebih daripada tiga tahun penjara atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau enam sebatan.¹⁴⁹ Namun yang demikian, memandangkan enakmen ini memperuntukkan hukuman yang lebih berat daripada ini, maka ianya adalah bertentangan dan dianggap tidak sah.

Seterusnya Mohammad Hashim Kamali turut menyatakan bahawa EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan adalah tidak mengikut Perlembagaan kerana memperuntukkan hukuman yang turut dikenakan kepada orang bukan Islam. Walaupun orang bukan Islam diberi pilihan untuk memilih undang-undang ini terpakai ke atasnya, namun peruntukan ini adalah di luar bidangkuasa perundangan negeri. Jadual kesembilan, senarai 2 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan setiap negeri hanya boleh membentuk undang-undang mengenai ‘kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam

¹⁴⁸ Tun Abdul Hamid Mohamad, (2014), Pelaksanaan Hudud Di Brunei: Perbezaan Di Antara Brunei Dan Malaysia, Wacana Intelektual Mpm-Yadim, 7 January 2014, dirujuk di laman sesawang https://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/download/1091_f1309730fa0db39dd10a07351a2d42d2+&cd=2&hl=en&ct=clnk&gl=my

¹⁴⁹ Siti Zubaidah Ismail, At The Foot Of The Sultan: The Dynamic Application Of Shariah In Malaysia, *Journal Of Islamic And Middle Eastern Law*, 3, (2015), 69-81.

sahaja'. Mahkamah syariah juga hanya mempunyai bidangkuasa ke atas orang Islam sahaja, tidak termasuk hal-hal yang melibatkan orang bukan Islam.¹⁵⁰

Tun Abdul Hamid Mohamad menyatakan bahawa sekiranya EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ingin dilaksanakan, enakmen tersebut mestilah terpakai ke atas orang Islam sahaja. Namun yang demikian, sekiranya ianya hanya terpakai ke atas orang Islam sahaja, ianya bercanggah dengan peruntukan 8, Perlembagaan Persekutuan kerana ianya merupakan satu diskriminasi atas alasan agama. Ianya adalah satu undang-undang yang tidak adil, tidak berpelembagaan dan tidak sah.¹⁵¹

Perkara ini juga akan menyebabkan perpecahan kaum dan ketidakamanan di negara ini kerana terdapat ketidakadilan dalam menghukum. Atas dasar inilah Mohammad hashim Kamali menekankan pentingnya konsep kesederhanaan (*wasatiyyah*) dan keadilan dalam semua perkara terutama dalam membuat sesuatu hukuman. Malah di dalam al-Quran dan Hadis juga banyak menekankan supaya membuat hukuman dengan seadilnya kerana dalam melaksanakan sesuatu hukuman, amat mudah untuk melanggar keadilan terutama apabila dipengaruhi oleh emosi yang tidak terkawal dan perasaan untuk membala dendam.¹⁵² Dalam mengekalkan wasatiyyah ini, segala sifat terlampau dalam membuat sesuatu hukuman adalah perlu dielakkan kerana ia akan menyebabkan kepada perpecahan kaum.

Pandangan Mohammad Hashim Kamali dibuktikan dengan keadaan di mana pelaksanaan hukuman hudud di Negara-Negara Timur Tengah seperti Sudan, Libya, Nigeria dan Pakistan menemui jalan kegagalan dan mendapat kritikan daripada masyarakatnya dan juga daripada pertubuhan-pertubuhan yang lain. Dalam isu ro gol dan zina, kebanyakan negara yang melaksanakan hukuman hudud dikritik dengan keras

¹⁵⁰ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 11.

¹⁵¹ Tun Abdul Hamid Mohamad, Pelaksanaan Hudud Di Brunei: Perbezaan Di Antara Brunei Dan Malaysia, Wacana Intelektual Mpm-Yadim(2014)

¹⁵² Mohammad Hashim Kamali *the Middle Path of Moderation in Islam the Quranic Principle of Wasatiyah*, (United States of America: Oxford University Press, 2015), 88.

disebabkan isu ini. Sebagai contoh di Pakistan, setelah beberapa tahun hukuman rogol dihukum di bawah kesalahan hudud, hukuman tersebut dipindah semula ke *Penal Code* sebagai kesalahan biasa kerana telah berlaku ketidakadilan kepada perempuan yang dirogol dan mengandung tetapi perempuan tersebut gagal untuk mengemukakan empat orang saksi dan telah menyebabkannya dihukum kerana berzina.¹⁵³

Berdasarkan kepada pendapat yang diberikan, dapat difahami bahawa EJKS ini tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan kerana bertentangan dengan Perlembagaan dan menimbulkan konflik di antara dua bidangkuasa iaitu bidangkuasa Perundangan Persekutuan dan juga bidangkuasa Perundangan Negeri. Enakmen ini turut bercanggah dengan Perlembagaan kerana turut melibatkan orang bukan Islam dan melanggari had yang ditetapkan ke atas bidangkuasa Mahkamah Syariah. Percanggahan ini tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak kerana Parlimen telah menetapkan bahawa Perlembagaan merupakan undang-undang utama bagi negara ini.

Atas dasar permasalahan ini, Kerajaan Negeri Kelantan telah membuat pindaan di dalam EKJS (II) 1993 Pindaan 2015 Negeri Kelantan dengan membuat peruntukan yang tidak melibatkan orang bukan Islam. Atas dasar ini, orang bukan Islam tidak perlu takut dan khuatir enakmen ini dikenakan ke atas mereka sekiranya dapat dilaksanakan kelak. Masyarakat Islam juga tidak seharusnya menimbulkan isu-isu ketidakadilan dan diskriminasi kerana sebagai umat Islam yang beriman, mereka seharusnya menerima segala hukum-hakam yang ditetapkan oleh Allah S.W.T ke atas mereka sebagaimana ditetapkan wajibnya ibadah solat, puasa, mengeluarkan zakat ke atas mereka. Tambahan lagi, sekiranya enakmen hudud ini dapat dilaksanakan, kadar jenayah dan masalah sosial mungkin dapat dikurangkan dan ini akan menguntungkan semua pihak sama ada orang Islam maupun orang bukan Islam.

¹⁵³ Abdul Hamid Mohamad, Hudud: Hukum dan Pelaksanaan, Utusan Online, 14 September 2015. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/hudud-hukum-8232-dan-pelaksanaan-1.135671> diakses pada 1 Oktober 2018

Dalam usaha untuk memartabatkan undang-undang Islam, parti PAS berusaha untuk membawa usul ke Parlimen bagi membuat pindaan Akta 355 bagi meningkatkan bidangkuasa Mahkamah Syariah kerana salah satu daripada halangan dalam melaksanakan EJKS adalah bidangkuasa Mahkamah Syariah yang amat terhad dalam menjatuhkan hukuman kepada pesalah. Walaupun pindaan Akta 355 bukanlah menyamai hukuman hudud namun dengan meningkatkan kadar hukuman bagi kesalahan jenayah, pindaan ini akan menimbulkan rasa gerun dan takut di dalam hati masyarakat untuk melakukan jenayah.

4.2.2 Isu Ketidakadilan dan Diskriminasi kepada Kaum Wanita

Selain daripada itu, di dalam kritikannya, Mohammad Hashim Kamali turut menyentuh pelaksanaan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan akan membawa kepada ketidakadilan dan diskriminasi khususnya terhadap kaum wanita.¹⁵⁴ Sebagaimana diterangkan di dalam bab tiga, enakmen ini didakwa mendiskriminasikan kaum wanita di dalam isu zina dan ro gol kerana terdapat peruntukan di dalam enakmen ini yang menyatakan tidak menerima wanita sebagai saksi dalam kes ini. Pandangan seperti ini turut diutarakan oleh beberapa *Non-Government Organization* (NGO) di Malaysia seperti *Sisters In Islam* (SIS), *All Women's Action Society* (AWAM), Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM), Majlis Pertubuhan Ibu-ibu Tunggal Malaysia, *National Council Of Women's Organization's* (NCWO), Wijadi Sdn Bhd (WIJADI), *Women's Aid Organization* (WAO), *Women's Candidacy Initiative* (WCI), dan *Women's Development Collective* (WDC).¹⁵⁵

¹⁵⁴ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 26-27.

¹⁵⁵ Sisters In Islam. (2012.). Negara Islam, Hudud, Murtad dan Peraturan Kawalan Moral. <http://www.al-ahkam.net/home/content/sister-islam-negara-islam-hudud-murtad-dan-peraturankawalan-moral>. Diakses pada 1 Oktober 2018

Mereka berpandangan bahawa telah berlaku ketidakadilan kepada kaum wanita kerana wanita tidak diberi hak yang sama seperti lelaki untuk menjadi saksi sedangkan pada zaman sekarang, wanita adalah lebih berpendidikan dan boleh menentukan mana yang baik serta yang buruk. Begitu juga mereka berpandangan bahawa untuk mendapatkan empat orang saksi lelaki yang adil adalah sukar untuk dilakukan terutama bila melibatkan kes rogol dan zina.¹⁵⁶

Di dalam isu kesaksian wanita ini, ulama' telah meletakkan beberapa syarat untuk menjadikan kesaksian seseorang itu diterima di mahkamah. Ianya tidak hanya terhad kepada saksi lelaki sahaja, malah turut melibatkan kesaksian daripada kaum wanita. Syarat-syarat tersebut adalah seseorang itu mesti berakal, baligh, adil dan bukan fasik, mempunyai ingatan yang baik dan tiada tohmahan yang dilemparkan ke atas dirinya¹⁵⁷. Namun yang demikian, di dalam kes hudud seperti kesalahan zina, ulama' bersepakat bahawa kesaksian daripada wanita adalah tidak boleh diterima¹⁵⁸ sebagaimana firman Allah S.W.T yang berbunyi:

وَاللّٰهُمَّ يَأْتِينَ الْفَاحِشَةَ مِنْ نِسَاءِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِنْكُمْ
فَإِنْ شَهَدُوا فَأَمْسِكُوهُنَّ فِي الْبَيْوَاتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّاهُنَّ الْمَوْتُ أَوْ
يَحْجَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا

Maksudnya: Dan (terhadap) para wanita yang melakukan perbuatan keji, hendaklah ada empat orang saksi di antara kamu (yang menyaksikannya). Kemudian apabila mereka telah memberi persaksian, maka kurunglah mereka (wanita-wanita itu) dalam rumah sampai mereka menemui ajalnya, atau sehingga Allah memberi jalan lain kepadanya.

(surah al-nisa':15)

¹⁵⁶ Noraini, N. (2012). *Hudud Laws and Its Implications on Women*, h.3.

¹⁵⁷ Wahbah Al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī* (terjemahan) Ahmad Shahbari et al. *Fiqh dan Perundangan Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997), 4: 617-620; Mahmud Saedon, *Undang-Undang Keterangan Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 65-72; Seksyen 83 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (WP) 1997.

¹⁵⁸ Abd al-Rahmān al-Jaziry, *al Fiqh , Alā Madhāhib al-Arba'ah*, (Mesir: al-Tijāriyah al-Kubrā, 1969), 5: 219

Berdasarkan ayat di atas, dapat difahami daripada lafaz **فَاسْتَشْهِدُوا عَلَيْهِنْ**

أَرْبَعَةً مِّنْكُمْ bahawa hanya kalangan orang lelaki sahaja yang layak untuk menjadi saksi ke atas perbuatan keji yang dilakukan oleh wanita.

Selain daripada kes hudud, sebahagian para ulama' juga bersepakat tidak menerima kesaksian daripada kaum wanita di dalam kes *qisas* dengan alasan bahawa wanita mempunyai perasaan yang dalam, emosi yang lembut dan memiliki keperibadian yang tidak tegas dan lemah¹⁵⁹. Ini menyebabkan kesaksian yang diberikan oleh wanita diselubungi dengan keraguan dan ketidakpastian kerana dikhuatiri dipengaruhi oleh keperibadian diri mereka sehingga tidak dapat menggambarkan situasi yang sebenar-benarnya berlaku. Sebagaimana difahami, di dalam kes hudud dan *qisas*, hukuman tidak boleh dilaksanakan di dalam keadaan yang berlandaskan *shubhat* atau terdapat keraguan. Kesaksian haruslah dalam keadaan tegas dan meyakinkan untuk dijatuhkan hukuman hudud dan *qisas*.

Selain daripada itu, sekiranya dilihat pada setiap peraturan dan hukum-hakam yang diturunkan Allah di dalam kitab-Nya al-Quran adalah seadil-adil hukuman dan sebaik-baik hukuman bagi umat-Nya. Dalam syariat Islam, apa sahaja perkara yang dilakukan mestilah berpaksikan kepada sistem-sistem yang membawa kepada keadilan untuk umat sejagat. Oleh yang demikian, hukuman hudud yang digubal adalah berasaskan kepada keadilan kerana hukumannya adalah bersandarkan kepada *nas-nas* al-Quran. Allah S.W.T juga menyuruh umat-Nya agar membuat dan menjatuhkan sesuatu hukuman dengan seadil-adilnya, sebagaimana firman-Nya di dalam surah al-Nahl ayat 90 yang berbunyi:

¹⁵⁹ Asghar Ali Engineer, Hak-hak Perempuan dalam Islam, Alih Bahasa Farid Wajidi dan Cici Farkha As-Segaf, (Jakarta LSPDA, 1994), 95.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْأَبْغَىٰ تَعْلِمُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan membuat kebaikan, serta memberikan bantuan kepada kaum kerabat, dan melarang daripada melakukan perkara-perkara yang di keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan ini) supaya kamu mengambil peringatan dan mematuhi.

Mengenai keadilan yang menjadi asas kepada hukum hudud juga disebut di dalam surah al-An'am ayat 115:

وَتَمَتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صَدِقاً وَعَدْلًا تَعْلَمَ لِكَلِمَاتِهِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: dan telah sempurnalah kalimat Tuhanmu (al-Quran), meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil, tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatu pun dari kalimat-kalimatNya, dan Dialah yang sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui.

Dapat difahami daripada ayat-ayat ini bahawa Allah S.W.T menyuruh agar berlaku adil dalam menjalankan sesuatu hukum termasuklah hukum hudud, di mana keadilan itu merupakan asas bagi hukuman hudud. Daripada ayat itu juga dapat difahami bahawa kitab Allah (al-Quran) mengandungi hukum-hukumNya yang terpelihara selama-lamanya dan tidak ada sesiapa pun yang boleh mengubahnya.

Dalam memastikan keadilan menjadi asas dalam hukum hudud, para hakim juga hendaklah memutuskan sesuatu kes itu dengan hukuman yang adil sebagaimana yang diperuntukkan di dalam al-Quran dan Hadis tanpa dipengaruhi oleh kuasa luar dan tangan lain. Allah berfirman di dalam kitabNya surah al-Nisa' ayat 85 yang berbunyi:

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Maksudnya: dan apabila kamu menjalankan hukuman di antara manusia, hendaklah kamu menghukumnya dengan adil.

Para hakim juga hendaklah menjalankan hukuman berpandukan hukuman yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan hadis dan janganlah mengikut hawa nafsu mereka yang ingin memesongkan dari hukum Allah. Firmannya di dalam surah al-Maidah ayat 49:

وَأَنْ أَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذِرُوهُمْ أَنْ يَفْتَنُوكُمْ عَنْ بَعْضٍ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكُمْ

Maksudnya: dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu.

Hukum Allah merupakan seadil-adil hukuman¹⁶⁰ kerana Dialah yang mencipta manusia dan makhluk keseluruhannya dan Dialah juga yang Maha Mengetahui di atas segala-galanya. Hukum yang diciptakannya adalah bersesuaian dengan makhluk ciptaanNya. Oleh yang demikian adalah tidak wajar sekiranya mereka yang menolak hukuman hudud menyatakan bahawa hukum hudud ini adalah tidak adil dan saksama.

Agama Islam adalah agama yang komprehensif yang menilai kesahihan sesuatu keterangan yang diberikan termasuklah kelayakan untuk menjadi seorang saksi. Seseorang saksi itu mestilah terdiri daripada orang Islam, merdeka, tidak bisu, adil dan tidak ada berkepentingan. Sekiranya wanita menjadi saksi, dikuatir seseorang wanita itu tidak mampu untuk bersikap adil di dalam memberi keterangan kerana lumrah sifat wanita yang beremosi lemah dan mempunyai sifat belas kasihan yang tinggi. Sikap sebegini akan mempengaruhi keterangan yang diberikan dan menyukarkan untuk membuat keputusan.¹⁶¹

¹⁶⁰ Al-Quran, Surah al-An'am, ayat 115

¹⁶¹ Nursolehah Mat Razali & Siti Zubaidah Ismail, Islam Dan Keadilan Hukuman Hudud Terhadap Wanita, (2017), 215-216.

Hukum Allah dan juga Undang-Undang Islam juga bukanlah satu undang-undang yang zalim tetapi ianya merupakan undang-undang Allah Yang Maha Mengasihani. Undang-undang ini mempunyai dua tujuan iaitu kemanfaatan jiwa dan kebajikan masyarakat. Oleh yang demikian, dasarnya adalah untuk memelihara kesejahteraan dan keamanan masyarakat dalam apa jua cara sekalipun. Disebabkan itu, Undang-Undang Islam telah menetapkan hukuman berat bagi kesalahan-kesalahan yang mengancam kesejahteraan masyarakat. Sebagai contoh, hukuman yang ditetapkan bagi penzina adalah rejam bagi orang yang sudah berkahwin dan seratus sebatan bagi yang belum berkahwin. Hukuman ini ditetapkan bagi melahirkan rasa gerun dan insaf dalam diri pesalah dan juga masyarakat luar yang menyaksikan hukuman tersebut dijalankan. Ia juga bagi mencegah pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan yang akhirnya akan membawa kepada perzinaan.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa Undang-Undang Islam bukanlah satu undang-undang yang zalim dan tidak berperikemanusiaan. Namun undang-undang ini merupakan undang-undang yang membela masyarakat dengan tujuan menjaga keselamatan, keamanan dan kesejahteraan masyarakat amnya.

Hukuman dalam Undang-Undang Islam ini juga adalah bersifat mencegah. Di negara Arab Saudi misalnya, kadar jenayah adalah berkurangan apabila negara tersebut menguatkuasakan hukuman hudud. Kadar kecurian adalah berkurangan dan mungkin tidak berlaku. Dalam pengucapan oleh Dr. Dawalibi, seorang perwakilan Arab Saudi dalam persidangan di Riyadh, Paris, Bandar Raya Vatikan, Geneva dan Strasbourg tentang doktrin Islam dan hak manusia dalam Islam, beliau menyatakan bahawa selama tujuh tahun beliau menetap di sana, tidak pernah sekalipun beliau melihat dan mendengar tangan orang di potong atas kesalahan mencuri. Ini adalah kerana kesalahan ini adalah jarang sekali berlaku. Masyarakatnya hidup dalam keadaan aman dan sejahtera, tanpa terasa terancam walaupun melalui perjalanan yang jauh. Sesiapa jua

dapat berulang-alik dari Makkah ke Madinah, melalui banjaran padang pasir yang luas dengan bersendirian tanpa berasa bimbang akan nyawanya dan hartanya terancam oleh pencuri. Bermulanya dari Undang-Undang Islam dikuatkuasakan, perpindahan wang negara dari satu bandar ke bandar yang lain dapat dipindahkan menggunakan kenderaan biasa tanpa pengawal pengiring. ini menunjukkan bahawa masyarakat di Arab Saudi berada dalam keadaan aman dan sejahtera tanpa risau dan takut akan kes kecurian dan rompakan.¹⁶²

4.2.3 Isu Minum Arak (*Syurb*)

Selain daripada permasalahan dengan Perlembagaan, Mohamad Hashim Kamali turut membincangkan tentang hukuman bagi minum arak (*syurb*). Beliau mempersoalkan keharusan kesalahan meminum arak (*syurb khamar*) diletakkan di bawah kesalahan hudud.¹⁶³ Menurut beliau, kesalahan meminum arak adalah terletak di bawah kesalahan takzir dan bukannya tergolong di bawah kesalahan hudud. Ini adalah kerana walaupun terdapat larangan terhadap *syurb khamar* di dalam al-Quran tetapi di dalamnya tidak terdapat sebarang garis panduan bagi hukuman kesalahan ini.

Perbincangan mengenai hukuman meminum arak ini dibincangkan secara meluas oleh para ulama' kerana walaupun pengharamannya adalah jelas tertulis di dalam al-Quran namun jumlah hukumannya tidak terdapat di dalam al-Quran. Bahkan jumlah hukuman yang tercatat di dalam hadis adalah berbeza pelaksanaannya. Mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali menetapkan hukuman bagi kesalahan minum arak adalah satu sahaja iaitu hukuman hudud. Hukuman ini dikenakan ke atas sesiapa sahaja yang meminum arak sama ada banyak ataupun sedikit, sehingga dia mabuk ataupun tidak.

¹⁶² Muhammad Muslehuddin terjemahan oleh Asiah Idris, *Jenayah dan Doktrin Islam dalam Tindakan Pencegahan*, (Kuala Lumpur; Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992), 20-21.

¹⁶³ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 41.

"ما أَسْكَرَ كُثِيرٌ فَقْلِيلٌ حِرَام" mereka menetapkan hukuman ini berdasarkan kepada kaedah

yang bermaksud: "Apa sahaja yang kalau diminum dalam kuantiti yang banyak boleh memabukkan, maka yang sedikit juga adalah haram".¹⁶⁴ Dari segi hukuman, semua Ulama' bersetuju bahawa hukuman *hadd* ke atas peminum arak ialah sebatan atau pukulan. Ia berdasarkan kepada hadis Rasulullah S.A.W¹⁶⁵

من شرب الخمر فاجلدوه

Maksudnya; sesiapa yang meminum arak, maka sebatlah dia.

Berdasarkan kepada hadis ini, jelas menunjukkan bahawa hukuman *hadd* ke atas peminum arak adalah sebatan atau pukulan. Namun jumlahnya adalah tidak dinyatakan. Rentetan daripada itu, beberapa pendapat yang timbul dalam menentukan jumlah sebatan yang patut dikenakan. Jumhur Ulama' berpendapat jumlah hukuman yang dikenakan adalah 80 kali sebatan sama ada mabuk ataupun tidak.¹⁶⁶ Mazhab Syafie dan al-Zahiri pula berpendapat hukumannya adalah 40 kali sebatan bagi orang yang merdeka dan 20 kali sebatan bagi hamba sahaya¹⁶⁷. Mereka berhujah berdasarkan kepada apa yang dijalankan di zaman Rasulullah S.A.W, zaman khalifah Abu Bakar al-Siddiq, dan zaman khalifah Uthman b. 'Affan yang mengenakan sebatan sebanyak 40 kali sebatan ke atas peminum arak.¹⁶⁸

Mazhab Hanafi dan Maliki pula menetapkan kadar hukuman bagi peminum arak adalah sebanyak 80 kali sebatan ke atas orang yang merdeka dan 40 kali sebatan bagi

¹⁶⁴ Abi al-Hassan 'Ali bin Muhammad bin Ḥabīb al-Māwardī al-Baṣrī, *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madḥhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 13: 376.

¹⁶⁵ Muḥammad ‘Alī b. Muḥammad al-Shawkānī, *Nail al-Awtar Syarḥ Muntaqā al-Khabar Min Aḥādīth Sayyid Al-Akhyār*, (Mesir: Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabi wa Awladuh, t.t), 7: 158.

¹⁶⁶ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, c. ke 4. (Mesir: Dār al-Sofwah, 1993), 5: 23.

¹⁶⁷ ‘Ali Aḥmad Mar’ā, *Al-Qiṣāṣ wa al-Hudūd fī al-Fiqh al-Islāmī*, cet. 2, (Beirut: Dār al-Iqrā’, 1982), 76.

¹⁶⁸ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, (Arab Saudi: al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Saudiah, 1999), 12: 499; ‘Abd al-Qādir ‘Audah, *Al-Tasyrī’ Al-Jīnātī’ Al-Islāmī Muqaranan bi Al-Qānūn Al-Wādi’ī*, cet. 3. (Kaherah: Dār al-Turāth, 1977), 2: 505-506.

hamba sahaya.¹⁶⁹ Ini adalah berdasarkan hukuman yang pernah dijalankan oleh Saidina Umar *radiallahu 'anhu* (r.a) yang pernah menghukum peminum arak dengan 80 kali sebatan. Beliau juga berpendapat bahawa 40 sebatan adalah sebagai hukuman hudud, manakala 40 sebatan lagi sebagai hukuman takzir yang tidak ditentukan bentuk hukumannya dan ia ditentukan berdasarkan kepada kebijaksanaan pemerintah.¹⁷⁰

Manakala pandangan ulama' kontemporari adalah berlainan dengan pendapat Ulama'-Ulama' silam. Mohammad Hashim Kamali megambil pandangan salah seorang daripada ulama' kontemporari iaitu Muhammad Salim Al-Awwa yang berpendapat bahawa kesalahan *syurb* ini tidak boleh dikategorikan sebagai kesalahan hudud¹⁷¹. Ini adalah kerana Al-Quran dan juga hadis Nabi tidak menetapkan jumlah hukuman yang khusus bagi kesalahan ini. Apa yang dinyatakan hanyalah pengharamannya dan juga ancaman keseksaan azab yang akan di terima di akhirat. Di kalangan para sahabat juga terdapat perbezaan pendapat berkaitan dengan jumlah hukuman ini. Oleh yang demikian, beliau menyatakan bahawa *syurb* adalah tidak termasuk di dalam hukuman hudud kerana konsep hukuman hudud adalah merupakan hukuman yang telah ditetapkan jenis hukuman beserta kadarnya dan ia tidak boleh berubah-ubah.

Muhammad Salim Al-Awwa di dalam kitabnya *Fī Uṣūl Al-Niẓām Al-Jinā'ī Al-Islāmī* menyatakan bahawa telah berlaku ijmak di kalangan sahabat dalam menentukan 80kali sebatan bagi kesalahan *syurb* ini, manakala sebahagian ulama' fiqh berpendapat hukuman hudud hanya 40 kali sebatan sahaja, manakala 40 kali lagi merupakan tambahan dalam bentuk takzir bagi tujuan mencegah ia berleluasa dan memandang remeh terhadap hukuman kesalahan meminum arak.¹⁷²

¹⁶⁹ 'Ali Ahmad Mar'a, al-*Qisāṣ wa al-Hudūd fī al-Fiqh al-Islāmī*, 75.

¹⁷⁰ Shaikh Abū Zar Hussain al-Fadili, *Taisīr al-Fiqh al-Ḥanafī*. (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2007), 219.

¹⁷¹ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 42.

¹⁷² Al-Awwa, Muhammad Salim, *Fī Uṣūl al-Niẓām al-Jinā'ī al-Islāmī*, (Kaherah: Dār al-Ma'rifah, 1979), 129.

Kemudian beliau juga mengulas mengenai hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud mengenai tindakan Rasulullah S.A.W yang mencemuh peminum arak dengan melumurkan tanah ke muka peminum tersebut setelah memukulnya. Menurutnya “begitulah apa yang berlaku di zaman Rasulullah S.A.W. peminum arak telah dipukul dengan kasut, pakaian dan tangan atas arahan baginda. Kadangkala Baginda melumurkan muka peminum berkenaan dengan tanah. Kadangkala baginda suruh mencemuhnya. Kadangkala baginda melarang berbuat begitu. Tentu sekali hukuman yang berbeza-beza ini tidak bersifat hukuman hudud. Ini kerana, hukuman hudud dilaksanakan dalam bentuk yang sama atas semua orang”.¹⁷³

Berdasarkan percanggahan-percanggahan berkenaan hukuman tersebut, Mohamad Hashim Kamali dan juga para ulama’ kontemporari merumuskan bahawa hukuman yang dikenakan ke atas peminum arak adalah bersifat takzir dan bukannya hudud sebagaimana yang disepakati oleh Ulama’ Fiqh. Ianya bertujuan mencegah orang ramai daripada melakukan jenayah tersebut. Oleh itu, hukuman ke atas peminum arak ini boleh berubah-ubah mengikut perubahan keadaan dan juga keadaan pesalah ataupun situasi masyarakat.¹⁷⁴

Berdasarkan kepada percanggahan daripada para ulama’ ini, dapat disimpulkan bahawa enakmen yang digubal oleh Kerajaan Negeri Kelantan adalah berdasarkan pandangan Jumhur Ulama serta pandangan mazhab-mazhab yang lain. Kadar sebatan yang ditetapkan bagi peminum arak adalah tidak melebihi daripada 80 kali sebatan dan tidak kurang daripada 40 kali sebatan.¹⁷⁵

¹⁷³ Al-‘Awwa, Muhammad Salim, *Fī Usūl al-Nizām al-Jinā’ī Al-Islāmī*, 131.

¹⁷⁴ Paizah Hj Ismail, *Hudud: Hukum Dan Perlaksanaan*, 72.

¹⁷⁵ Fasal 22 (1), Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993.

4.2.4 Isu Murtad

Antara persoalan lain yang dibangkitkan oleh Mohammad Hashim Kamali adalah persoalan mengenai murtad. Di dalam isu ini, beliau mempertikaikan enakmen ini yang langsung tidak mengambilkira pandangan ulama' yang diketahui wujud dari zaman awal Islam dalam menentukan hukuman bagi kesalahan murtad. Pandangan mereka yang menyatakan bahawa kesalahan murtad bukanlah termasuk di dalam kesalahan hudud, namun ianya termasuk di dalam kesalahan takzir. Pendapat ini disebabkan pada mereka satu-satunya hadis yang menunjukkan hukuman bagi orang yang murtad adalah hadis ahad yang tidak boleh dijadikan hujah dan terbuka untuk dibahaskan.¹⁷⁶

Di dalam isu murtad ini, Mohammad Hashim Kamali bersepakat dengan beberapa orang ulama' kontemporari yang lain seperti Muhammad Salim Al-Awwa dan juga Abd al-Muta'ali al-Sai'idi, Muhammad Abduh dan lain-lain.¹⁷⁷ Mereka menyatakan bahawa kesalahan murtad ini merupakan kesalahan takzir dan bukannya suatu kesalahan hudud. Ini adalah kerana hukuman bunuh bagi pesalah murtad bukanlah suatu ketetapan daripada al-Quran dan satu-satunya hadis yang membenarkan hukuman bunuh iaitu “barangsiapa yang menukar agamanya mestilah di bunuh”. Namun mereka menyatakan bahawa hadis ini adalah terbuka untuk perbahasan.¹⁷⁸

Terdapat juga Ulama' yang mengkritik kedudukan hadis ini. Mereka menyatakan bahawa hadis ini merupakan hadis ahad dan tidak kuat untuk dijadikan hujah kepada sesuatu hukum menurut Ilmu Usul Fiqh. Abd Muta'ali al-Saidi pula menyatakan bahawa manusia diberikan kebebasan untuk beragama mengikut pilihannya, dan faktor yang menyebabkan Rasulullah S.A.W mengenakan hukuman bunuh ke atas

¹⁷⁶ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 33-34, Mohammad Hashim Kamali, *Freedom of Expression in Islam*. (Cambridge: Islam Text Society, 1997), 93.

¹⁷⁷ Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal (2013), Kedudukan Murtad Dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-Undang Di Malaysia: Satu Analisisa Isu Dan Cabaran, *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, bil 17, 16. Lihat juga Mohamed Azam Mohamed Adil, Kebebasan Beragama dan Hukuman Ke atas orang Murtad di Malaysia, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, (2005), 172-173.

¹⁷⁸ Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law*, 34.

kesalahan murtad bukanlah kerana kemurtadan mereka, tetapi atas sebab pemberontakan mereka menentang Islam.¹⁷⁹

Sementara itu, Muhammad Salim Al-Awwa dalam membuat analisis mengenai ayat al-Quran berkaitan murtad¹⁸⁰ beliau menekankan bahawa semua ayat-ayat tersebut merupakan ayat *Madaniyyah* melainkan Surah Al-Nahl ayat 106. Sebagaimana yang difahami, ayat *Madaniyyah* memperkatakan mengenai penyusunan masyarakat dan pemerintahan kerana selepas berlakunya penghijrahan Muslimin ke Madinah, Kerajaan Islam telah ditubuhkan. Beliau berkata, walaupun ayat-ayat tersebut merupakan ayat *Madaniyyah*, namun ayat ini tidak langsung memperkatakan tentang hukuman dunia mengenai murtad. Apa yang dinyatakan hanyalah amaran yang dahsyat mengenai azab yang akan diterima di akhirat melainkan ayat daripada surah al-Taubah ayat 74 yang memperkatakan tentang azab dunia yang pedih di samping azab di akhirat. Namun begitu, menurutnya ayat tersebut tidak boleh dijadikan asas untuk hukuman bagi kesalahan murtad kerana ayat ini memperkatakan tentang kekufuran orang munafik sesudah memeluk Islam.

Hadis ini juga tidak boleh digunakan kerana maksud tersirat daripadanya adalah untuk kesalahan pengkhianatan. Pada zaman Nabi SAW, tidak ada garis panduan perbezaan di antara agama dan negara. Pada zaman tersebut sering berlaku peperangan dan tidak menunjukkan proses untuk perdamaian. Bagi yang tidak kuat, mereka kembali ke Mekkah dan bergabung dengan orang Quraisy dan berperang melawan umat Islam

¹⁷⁹ Mohammad Hashim Kamali, *Freedom of Expression in Islam*, 93. Lihat juga kenyataan Prof. Dr Mohammad Hashim Kamali berkenaan isu murtad di dalam laman sesawang youtube <https://www.youtube.com/watch?v=JU57-j22whI>

¹⁸⁰ Al-Quran, Surah Muhammad: 25, Surah Al-Nahl: 106, Surah Al-Baqarah: 108, Surah Ali ‘Imran: 86, Surah Al-Taubah: 66 dan 74 dan lain-lain.

kembali. Ini menunjukkan bahawa hadis ini adalah tidak merujuk kepada kesalahan murtad.¹⁸¹

Berdasarkan kepada huraian-huraian di atas, beliau menyatakan bahawa murtad tidak boleh dikategorikan di dalam kesalahan hudud disebabkan ketiadaan penetapan hukuman duniawi ke atas pemurtad. Apa yang ada hanyalah ancaman azab yang pedih di Akhirat. Ini menunjukkan bahawa murtad hanyalah dianggap dosa besar atau perbuatan maksiat yang dijanjikan azab yang pedih pada hari Akhirat sekiranya dia tidak melakukan taubat.¹⁸²

Perbincangan mengenai isu murtad ini adalah berlainan dengan ulama'-ulama' yang terdahulu. Majoriti ulama' Islam seperti Imam Malik, Imam Syafie, Imam Ahmad berpendapat bahawa orang yang murtad hendaklah disuruh untuk bertaubat dan sekiranya dia enggan maka perlu dikenakan hukuman hudud iaitu bunuh.¹⁸³ Pendapat ini berdasarkan kefahaman mereka terhadap hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas bahawa Nabi Muhammad S.A.W bersabda yang bermaksud "sesiapa yang menukar agamanya (Islam) maka hendaklah kamu membunuhnya". Hadis ini secara zahirnya menunjukkan hukuman bunuh dikenakan kepada semua jenis kesalahan murtad. Hadis ini dikuatkan lagi dengan arahan-arahan Rasulullah S.A.W agar dibunuh orang-orang yang terlibat di dalam kes murtad seperti arahan yang dikeluarkan oleh Baginda supaya membunuh Abdullah Ibn Abu Sarah selepas beliau murtad.¹⁸⁴

Dalam persoalan ketidakterimaan penggunaan hadis ahad bagi menentukan hukuman bagi murtad ini, Dr. Yusoff Al-Qardhawi mengatakan bahawa penolakan terhadap penggunaan hadis ahad adalah tidak boleh diterima. Ini adalah kerana seluruh

¹⁸¹ Mohammad Hashim Kamali, *the Middle Path of Moderation in Islam the Quranic Principle of Wasatiyah*, 92.

¹⁸² Paizah Hj Ismail, *Hudud: Hukum Dan Perlaksanaan*, 26-27.

¹⁸³ al-Zuhaili, *al-fiqh al-islami wa adillatuh*, 7:187.

¹⁸⁴ Siti Zaleha Ibrahim, Nur Sarah Tajul Urus & Mohd Faisal Mohamed, Pertukaran Agama Dan Kesannya Terhadap Komuniti: Satu Sorotan Terhadap Kes-Kes Murtad Dan Masuk Islam Di Malaysia, *Journal of Social Sciences and Humanities*, Special Issue 3 (November 2016) 204-213.

mazhab memperakui penggunaannya di dalam hukum Islam sama ada di dalam hukum hudud ataupun yang lain, bahkan ia juga digunakan di dalam bab akidah. Pandangan Dr. Yusoff Al-Qardhawi ini juga di sokong oleh Syeikh Muhaddith Al-Albani. Sekiranya hadis ahad tidak diterima di dalam hukum, ini bermakna hampir 95% sumber perundangan hukum Islam akan ditolak. Ini adalah kerana semua sumber perundangan hukum Islam adalah bersumberkan hadis ahad.¹⁸⁵

Walaupun hadis tersebut didatangkan dalam pelbagai lafaz, namun hadis ini diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat utama Nabi iaitu Sayyidina Uthman Affan r.a, Sayyidina Ali r.a, Sayyidinatina Aisyah r.a, Ibn Abbas, Ibn Mas'ud, Abu Musa As-Sya'ary, Muadz Bin Jabal, Anas Bin Malik, Abu Hurairah r.a.¹⁸⁶ Ini menunjukkan bahawa hadis ini boleh diguna pakai di dalam kes hudud yang melibatkan kesalahan murtad. Contohnya sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas yang bermaksud: “sesiapa yang menukar agamanya (murtad) maka bunuhlah dia”.¹⁸⁷

Dan hadis daripada Ibn Mas'ud yang bermaksud: “tidak halal darah seorang muslim yang menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku (Muhammad) pesuruh Allah, kecuali 3 sebab, jiwa di balas dengan jiwa (*qisas*), janda yang berzina dan orang yang keluar daripada agama, yang berpecah daripada jemaah”.¹⁸⁸ Dalam hadis yang sama, terdapat lafaz yang berlainan daripada Saidina Uthman yang bermaksud: “...lelaki yang kufur selepas Islam, atau berzina selepas berkahwin atau membunuh jiwa (manusia tanpa hak)”.¹⁸⁹

¹⁸⁵ Zaharuddin Abd Rahman, *Diskusi Hukuman Murtad*, Di [Http://www.Zaharuddin.Net/Aqidah-&Kepercayaan/145-Diskusi-Hukuman-Murtad.html](http://www.Zaharuddin.Net/Aqidah-&Kepercayaan/145-Diskusi-Hukuman-Murtad.html) diakses pada 1 Oktober 2018

¹⁸⁶ Muhamad Zuhaili Saiman & Dahlan Ahmad Salleh, *Hikmah Hukuman Bunuh Ke Atas Murtad: Konteks Kebebasan Beragama Dan Paksaan Dalam Agama*, <http://ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2015/09/13-Muhamad-Zuhaili-Saiman.pdf> doakses pada 1 Oktober 2018

¹⁸⁷ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitab Istitabah al-Murtaddin, Bab hukum lelaki yang murtad dan wanita yang murtad, no. hadis: 6922.

¹⁸⁸ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no 6878 dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no hadis: 1676.

¹⁸⁹ Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, no. hadis: 3978 dan Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadis: 71.

Penggunaan hadis ahad di sisi ahli *Sunnah wa al-jamaah* adalah sebagai dalil di dalam semua persoalan agama. Walaupun terdapat perbincangan sama ada hadis ahad ini boleh dijadikan bukti di kalangan ahli usul, namun perbincangan mereka adalah mengenai hadis ahad yang berdiri dengan sendirinya. Sekiranya hadis ahad tersebut telah masyhur dan digunakan dengan meluas atau memiliki pembuktian (*qarinah*), maka hadis tersebut boleh digunakan sebagai dalil tanpa ada perbincangan lagi. Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh Imam al-Syaukani rahimahullah:¹⁹⁰

“Ketahuilah bahawa perbezaan pendapat yang kami sebut pada awal perbahasan ini berkenaan hadis ahad sama ada menghasilkan ilmu yang berupa sangkaan atau kepastian, ia hanyalah berlaku apabila hadis ahad tersebut tidak disertai dengan pembuktian yang menguatkan. Adapun jika ia disertai dengan pembuktian yang menguatkannya atau ia sudah masyhur atau dikenali secara terperinci, amka perbeaan tersebut tidak berlaku”.

Berbalik kepada penggunaan hadis ahad bagi menentukan hukuman murtad, hadis ini adalah hadis terkenal dan digunakan secara meluas sepanjang sejarah Islam serta para ulama' bersepakat menggunakan其nya sebagai dalil untuk menentukan hukuman bagi kesalahan murtad.

Kesalahan murtad juga bersesuaian dikenakan hukuman hudud demi menjaga kemaslahatan ke atas umat Islam sejagat iaitu demi menjaga akidah umat Islam yang lain agar tidak terpengaruh dengan jenayah murtad yang berlaku. Hukuman ini juga patut dikenakan demi menolak kemudharatan yang berhasil daripada golongan orang-orang yang murtad. Sebagai contoh kesatuan orang murtad memeluk agama Islam demi mengucar-kacirkan kesatuan orang Islam dengan penukaran agama yang akan dilakukan. Perbuatan ini akan menyebabkan umat Islam yang lemah imannya tergugat sehingga sanggup melakukan penukaran agama.

¹⁹⁰ Muḥammad Ḥasan bin Muḥammad, *Irshād al-Fuhūl ila Tahqīq al-Ḥaq min ‘Ilm al-Uṣūl*, (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, 1999), 1: 203-204.

Oleh yang demikian, walaupun hukuman bagi kesalahan murtad ini tidak ditentukan di dalam al-Quran, namun hukumannya dijelaskan di dalam hadis Nabi S.A.W. Kesalahan murtad juga patut dikenakan hukuman bunuh demi menjaga agama dan kemaslahatan umat Islam dan agar agama Islam tidak diperkotak-katikkan dan dipermainkan dengan sewenang-wenangnya.

4.3 Perkembangan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan Selepas Mendapat Kritikan dari Pelbagai Pihak

Setelah dikaji dan dibuat perbandingan di antara EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan dan pindaannya pada tahun 2015, terdapat beberapa pindaan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan berdasarkan kontroversi dan pandangan yang dilontarkan oleh masyarakat, ahli akademik dan ahli perundangan. Walaupun dikritik, namun Kerajaan Negeri Kelantan berterusan merangka dan mengubah enakmen agar undang-undang Islam dapat dilaksanakan di Negeri Kelantan.

Di antara pindaan-pindaan yang dilakukan adalah pertama enakmen ini adalah terpakai kepada orang Islam sahaja iaitu orang Islam yang *mukallaf* yang melakukan kesalahan di bawah kanun ini dan melakukan di negeri ini sahaja. Ini bermaksud peruntukan sebelum ini peruntukan yang memberi pilihan kepada orang bukan Islam-sama ada ingin dibicarakan mengikut Undang-Undang Syariah atau Undang-Undang Sivil telah dimansuhkan. Ini menunjukkan bahawa enakmen undang-undang ini tidak akan dikenakan ke atas orang bukan Islam sama sekali.¹⁹¹

Pindaan ini dibuat setelah dikritik kerana enakmen ini turut melibatkan orang bukan Islam walaupun mereka diberi pilihan sama ada ingin didakwa di bawah Mahkamah Syariah ataupun Mahkamah Sivil. Ini menyebabkan enakmen ini dikritik

¹⁹¹ Seksyen 2, Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015)

kerana didakwa tidak memberikan keadilan kepada orang Islam kerana orang Islam tidak diberikan pilihan sepertimana orang bukan Islam.

Pindaan lain adalah melibatkan kesalahan liwat iaitu melakukan perubahan kepada takrif liwat dengan membuang perkataan “selain daripada isterinya”, dan terdapat penambahan peruntukan hukuman takzir bagi kesalahan liwat suami ke atas isterinya jika didapati bersalah.¹⁹² Pindaan ini juga turut memansuhkan kesalahan takzir seks luar tabii, lesbian, bersetubuh dengan mayat dan haiwan.¹⁹³

Selain daripada itu, pindaan lain adalah mengenai kelayakan hakim, pemberhentian hakim, gaji dan elaun hakim, serta struktur mahkamah daripada Mahkamah Agung kepada Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan.¹⁹⁴ Kemudian, terdapat pemansuhan pada fasal 70 yang memperuntukkan prinsip kebebasan hakim iaitu tiap-tiap hakim yang dilantik di bawah enakmen ini adalah bebas daripada gangguan oleh mana-mana pihak atau sesiapa.¹⁹⁵

Terdapat beberapa pindaan juga bagi peruntukan hukuman bagi kesalahan hudud. Pertama bagi kesalahan mencuri, pesalah bagi kecurian kali pertama akan dipotong tangan kanan, kesalahan kali kedua dipotong kanan kiri, dan kesalahan kali ketiga dan berikutnya dengan dipenjara selama tempoh yang difikirkan oleh Mahkamah yang tidak melebihi 15 tahun untuk menjadikan pesalah itu sedar dan sesal.¹⁹⁶ Di dalam EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan tidak ditetapkan tempoh yang patut ditetapkan oleh Mahkamah bagi kesalahan ketiga dan seterusnya.¹⁹⁷

Pindaan turut dilakukan bagi kesalahan murtad. Peruntukan menyatakan bahawa sesiapa yang disabitkan melakukan kesalahan *irtidad* boleh dikenakan hukuman penjara

¹⁹² Seksyen 14 dan 15 (2), Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

¹⁹³ Fasal 20 dan fasal 21, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993

¹⁹⁴ Seksyen 68-71 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 2015

¹⁹⁵ Fasal 70, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993

¹⁹⁶ Seksyen 7, Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

¹⁹⁷ Fasal 6 (c), Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993.

oleh Mahkamah sebelum dijatuhkan hukuman keatasnya sehingga dia bertaubat dalam tempoh yang tidak ditetapkan jika disabitkan kesalahan. Murtad yang disebut sebagai *irtidad @ riddah* di dalam enakmen itu adalah yang dilakukan secara sukarela tanpa paksaan, dengan sengaja atau disedarinya melakukan apa-apa perbuatan atau mengungkapkan apa-apa perkataan yang menjelaskan atau berlawan dengan akidah Islam adalah melakukan *irtidad*.¹⁹⁸ Peruntukan pesalah murtad dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun turut dimansuhkan.¹⁹⁹

Selain daripada itu, mahkamah juga boleh mengisyiharkan hukuman hudud dikenakan ke atas pesalah murtad sekiranya dia enggan untuk bertaubat dalam sepanjang tempoh yang diberikan. Begitu juga Mahkamah boleh memerintahkan agar seluruh hartanya sama ada diperolehi sebelum atau selepas dia murtad dirampas dan diletakkan di bawah Baitulmal dengan syarat dia tidak bertaubat sebelum hukuman dikenakan ke atasnya. Namun yang demikian, sekiranya dia bertaubat sebelum dijatuhkan hukuman hudud, maka dia terlepas daripada dikenakan hukuman hudud dan harta yang dirampas turut perlu dikembalikan kepadanya.²⁰⁰

Seterusnya bagi kesalahan merompak yang menggunakan ugutan sahaja dengan tidak mengambil apa-apa harta atau tidak menyebabkan apa-apa kecederaan boleh dikenakan penjara selama tempoh yang difikirkan patut oleh mahkamah yang tidak melebihi lima tahun penjara untuk menjadikan pesalah itu sedar dan kesal.²⁰¹ Penetapan hukuman penjara ini tidak terdapat di dalam peruntukan di dalam EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan bagi kesalahan merompak.²⁰²

Keempat terdapat penambahan peruntukan bagi keadaan di mana potong anggota tangan dan kaki dalam kesalahan *hirabah* tidak boleh dilaksanakan. Peruntukan

¹⁹⁸ Seksyen 23 (3) Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

¹⁹⁹ Seksyen 23 (4) Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

²⁰⁰ Seksyen 23 (4) Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

²⁰¹ Seksyen 10 (d) Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

²⁰² Boleh rujuk fasal 9 (d) Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993.

ini memperuntukkan hukuman hudud potong tangan dan kaki tidak boleh dikenakan dalam kes-kes hukuman yang tidak dikenakan bagi kesalahan *sariqah*, sebagaimana seksyen 8 menurut pemakaian yang sesuai. Begitu juga hukuman hudud *hirabah* tidak dikenakan apabila pesalah menyerah diri secara sukarela sebelum proses undang-undang dimulakan dengan syarat pesalah mengisyiharkan taubatnya di hadapan Hakim atau Pendakwa Syarie dan beliau menyerah balik harta yang dirompak kepada pihak berkuasa atau pemilik.²⁰³

Pindaan kelima adalah bagi kesalahan meminum arak, terdapat pemansuhan bagi fasil 22 (2) EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan yang memperuntukkan kesalahan minum arak boleh dibuktikan dengan keterangan lisan yang diberi oleh dua orang saksi atau dengan ikrar yang dibuat oleh tertuduh sendiri sebagaimana yang diperuntukkan dalam bahagian III.²⁰⁴

Berdasarkan kepada pindaan-pindaan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan ini, dapat dilihat bahawa Kerajaan Negeri Kelantan mengambilkira pandangan dan kritikan yang diberikan oleh masyarakat. Namun terdapat juga pindaan yang dibuat dengan tujuan meringankan dan memudahkan hukuman dijalankan seperti menetapkan jumlah hukuman penjara. Di dalam pindaan ini juga ditekankan supaya pesalah diberi tempoh masa untuk bertaubat dan melakukan pengislahan diri sebelum dijatuhkan sebarang hukuman.

4.4 Kesimpulan

EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini sukar untuk dilaksanakan sekiranya tidak mendapat sokongan dan kerjasama daripada kerajaan Pusat. Ini kerana EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan yang digubal adalah bertentangan dengan Perlembagaan Negara dan untuk

²⁰³ Seksyen 11 Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

²⁰⁴ Seksyen 22 Enakmen kanun jenayah syariah (II) 1993 (2015).

mengubah Perlembagaan tersebut ia memerlukan sokongan daripada ahli Parlimen. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Kelantan seharusnya membuat perbincangan yang lebih lanjut dengan kerajaan Pusat dan membuat lebih banyak penerangan yang lebih jelas dan teliti sekiranya ingin terus melaksanakan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan Pindaan 2015 ini.

Dalam melibatkan isu orang bukan Islam, Kerajaan Negeri Kelantan telah membuat satu tindakan yang bijak dengan tidak mengaitkan orang bukan Islam di dalam enakmen ini. Manakala bagi masyarakat Islam, enakmen ini tidak menyebabkan ketidakadilan serta mendiskriminasi kerana sebagai orang Islam, mereka patut patuh kepada hukum-hakam serta peraturan yang ditetapkan oleh Allah di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Ini sebagaimana mereka patut patuh kepada rukun-rukun Islam dan juga rukun-rukun Iman.

Berdasarkan kepada isu-isu yang dibincangkan di atas, dapat dirumuskan bahawa pandangan yang dikeluarkan oleh Mohamad Hashim Kamali adalah lebih berpandukan kepada pandangan yang dikeluarkan oleh Sarjana Moden. Walaupun beliau tidak menolak sepenuhnya pandangan yang dikeluarkan oleh Sarjana Silam, namun beliau lebih cenderung untuk menggunakan pakai pandangan yang dikeluarkan oleh Sarjana Moden seperti di dalam isu murtad, minum arak, zina dan rogol.

BAB 5: PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi rumusan keseluruhan hasil kajian. Pengkaji mengemukakan kesimpulan hasil daripada perbahasan dan analisa yang dibuat di dalam bab-bab sebelum ini. Berdasarkan kepada hasil perbahasan yang dilakukan, pengkaji turut mengemukakan saranan serta cadangan berdasarkan hasil kajian.

5.2 Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pandangan yang dikeluarkan oleh Mohammad Hashim Kamali berkenaan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan di dalam buku beliau “*Punishment in Islamic Law; An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan*”. Pengkaji memilih untuk mengkaji pandangan beliau di dalam buku ini kerana pandangan beliau menjadi rujukan serta panduan ahli akademik serta ahli perundangan di kala membincangkan isu pelaksanaan hudud ini. Malah beliau merupakan salah seorang yang mengkritik EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan ini dan membukukannya.

Hasrat pelaksanaan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan oleh Parti PAS ini bermula pada tahun 1991 apabila parti PAS memenangi pilihan raya di Negeri Kelantan. Enakmen ini digubal oleh satu jawatankuasa Penggubal Kanun Jenayah Syariah yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden PAS pada masa itu iaitu Tuan Haji Abdul Hadi Awang. Jawatankuasa ini dianggotai oleh beberapa orang pakar perundangan syariah & sivil serta ahli akademik. Enakmen ini diluluskan pada 25 Oktober 1993 setelah dibentangkan dan dibahaskan di Dewan Undangan Negeri dan diluluskan dengan sebulat suara oleh semua anggota DUN pada masa itu tanpa ada sebarang bantahan.

Namun yang demikian, EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini tidak dapat dilaksanakan kerana beberapa sebab tektikal dan juga disebabkan tidak mendapat sokongan daripada kerajaan pusat pada masa itu. Rentetan daripada itu, timbul beberapa polemik di kalangan masyarakat yang memberikan pandangan, sokongan dan kritikan terhadap EJKS ini. Hasil perbincangan mendapati antara sebab utama EJKS ini tidak dapat dilaksanakan adalah disebabkan percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang utama di negara ini. Perlembagaan ini memperuntukkan mana-mana peruntukan yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah dan tidak dapat dilaksanakan.

Hasrat Negeri Kelantan untuk memperkasakan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan tidak terhenti walaupun mendapat banyak tentangan daripada pelbagai pihak dan juga terdapat rintangan dari segi Perlembagaan Undang-Undang Negara. Hal ini terbukti apabila Kerajaan Negeri Kelantan menubuhkan Jawatankuasa Pra-Teknikal dan Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) Negeri Kelantan bagi mengkaji dan menyediakan kajian serta perancangan yang lengkap kearah pelaksanaan kanun tersebut. Natijah daripada jawatankuasa ini, pada 18 Mac 2015, Kerajaan Negeri Kelantan membentangkan Rang Undang-Undang Pindaan kepada EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan yang dibentangkan oleh Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yacob. Pindaan ini diluluskan dengan sokongan sebulat suara daripada 144 orang Adun dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) dan dinamakan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan Pindaan 2015..

Namun yang demikian, walaupun EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan Pindaan 2015 berjaya mendapat kelulusan daripada DUN Negeri Kelantan, enakmen ini tidak dapat dilaksanakan selagi tidak mendapat kelulusan daripada Parlimen dan Parlimen tidak membuat pindaan terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355] bagi memberi kuasa maksimum kepada Mahkamah

Syariah. Ini adalah kerana halangan utama dari segi perundangan adalah had yang dikenakan oleh Akta Mahkamah syariah (bidang kuasa jenayah) 1965 (pindaan 1984) [akta 355].

Mohammad Hashim Kamali membuat beberapa kritikan dan memberikan beberapa pandangan beliau berkenaan EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan ini. Beliau membuat ulasan bahawa enakmen ini tidak dapat dilaksanakan atas beberapa faktor dan terdapat beberapa kelemahan antaranya adalah enakmen yang digubal ini adalah bercanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan di mana enakmen ini mengakibatkan terdapatnya percanggahan di antara bidangkuasa Perundangan Persekutuan dengan bidangkuasa Perundangan Negeri.

Peruntukan yang terdapat di dalam enakmen ini juga melanggar had hukuman yang telah ditetapkan oleh Parlimen bagi Mahkamah Syariah di mana peruntukan hukuman di dalam enakmen ini telah memperuntukkan hukuman rejam sampai mati dan juga hukuman memotong tangan. Sedangkan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) yang digubal pada tahun 1984 telah mengehadkan bidangkuasa mahkamah hanya boleh mengadili kes-kes yang melibatkan orang Islam sahaja yang mana peruntukan hukuman pula adalah penjara maksimum 3 tahun, dengan denda tidak melebihi RM 5000 atau sebatan tidak melebihi 6 kali atau gabungan mana-mana hukuman

Di antara kelemahan lain yang dinyatakan adalah masalah kedudukan orang bukan Islam yang tidak jelas dinyatakan di dalam enakmen tersebut. Orang bukan Islam telah diberikan pilihan sama ada ingin diadili di bawah enakmen ini ataupun di bawah Mahlamah sivil. Mohammad Hashim Kamali turut menyatakan bahawa enakmen yang digubal ini gagal untuk memberikan pemahaman yang tepat dan dan huraian yang

bermakna mengikut keadaan semasa kerana ianya dibuat secara *taqlidiyyah* semata-mata tanpa ada pendekatan *ijtihadiyyah* agar bersesuaian dengan keadaan semasa.

Masalah lain yang dibangkitkan oleh Mohammad Hashim Kamali adalah masalah pengertian dan perbezaan di antara kesalahan zina dan rogol yang meragukan dan tidak jelas sehingga sehingga menimbulkan ketidakpuasan hati masyarakat kerana kedua-dua perbuatan tersebut adalah dua perbuatan yang berbeza. Persoalan ini turut ditimbulkan oleh masyarakat dan NGO-NGO kerana pada pandangan mereka peruntukan ini mendiskriminasikan kaum wanita dan menimbulkan ketidakadilan kepada mereka. Peruntukan ini juga dikatakan menindas kaum wanita. Beliau turut mengkritik enakmen ini apabila gagal membezakan di antara *muhsan* dan *ghair-muhsan* yang akan mengakibatkan hukuman menjadi tidak adil dan saksama. Maksud yang diberikan bagi dua istilah ini adalah tidak jelas.

Di dalam isu murtad pula, Mohammad Hashim Kamali menggariskan bahawa definisi murtad yang diberikan adalah sangat kabur dan sukar difahami sehingga menimbulkan kekeliruan antara kesalahan murtad dan mempersendakan agama. Beliau turut mempersoalkan mengapa penggubal enakmen ini tidak mengambilkira pendapat yang dikeluarkan oleh ulama' yang wujud dari zaman awal Islam berkenaan hukuman bagi murtad ini antaranya *Ibrahim Al-Nakha'i* (m.95H) dan *Sufyan Al-Tawri* (m.162H), yang berpendapat orang yang murtad seharusnya diajak untuk kembali kepada ajaran Islam semula dan tidak harus dikenakan hukuman bunuh. Antara pendapat yang lain adalah daripada *Ibn al-Walid al-Baji* seorang ulama' *Malikiah* dan *Ibn Taimiyyah* seorang ulama' Hanafi yang berpendapat murtad merupakan dosa yang tidak tertakluk di dalam hukuman *hadd* dan hanya boleh di hukum mengikut pertimbangan takzir sahaja. Terdapat lagi beberapa ulama' lain yang berpendapat kesalahan murtad tidak tertaluk di dalam kesalahan hudud dan tidak patut dikenakan hukuman hudud namun penggubal enakmen ini tidak mengambilkira pandangan yang dikeluarkan oleh mereka.

Mohammad Hashim Kamali juga menekankan pentingnya konsep kesederhanaan dan keadilan dalam semua perkara terutama dalam membuat sesuatu hukuman. Untuk hidup dalam keadaan yang harmoni adalah dengan mengamalkan konsep keadilan, adil terhadap diri sendiri dan juga adil terhadap orang lain. Al-Quran dan juga al-Sunnah juga menasihati agar berpada-pada dalam menghukum.

Berdasarkan kepada kritikan dan pandangan yang diberikan oleh Mohammad Hashim Kamali ini, EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan tidak dapat dilaksanakan sekiranya Kerajaan Negeri Kelantan tidak membuat pindaan kepada beberapa isu kontroversi yang dikritik oleh masyarakat. Namun halangan terbesar bagi enakmen ini adalah percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Kelantan seharusnya membuat rundingan sebaik yang mungkin dengan Kerajaan Pusat sekiranya ingin melihat enakmen ini terlaksana.

Hasil daripada kritikan ini, di dalam EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan Pindaan 2015 Kerajaan Negeri Kelantan telah membuat beberapa pindaan kepada beberapa peruntukan yang mencetuskan kontroversi, antaranya

- i. Enakmen ini adalah terpakai kepada orang Islam sahaja iaitu orang Islam yang *mukallaf* yang melakukan kesalahan di bawah kanun ini dan melakukan di negeri ini sahaja.
- ii. Pindaan pada seksyen 5 (2) yang melibatkan kesalahan liwat antara suami isteri, yang mana terdapat penambahan peruntukan hukuman takzir bagi kesalahan ini jika didapati bersalah.
- iii. Pindaan mengenai kelayakan hakim, pemberhentian hakim, gaji dan elaun hakim, serta struktur mahkamah daripada Mahkamah Agung kepada Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan.

- iv. Pindaan bagi peruntukan hukuman bagi mencuri, pesalah bagi kecurian kali pertama akan di potong tangan kanan, kesalahan kali kedua di potong tangan kiri, dan kesalahan kali ketiga dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi 15 tahun.
- v. Pindaan bagi kesalahan murtad, peruntukan menyatakan bahawa kesalahan murtad boleh dikenakan hukuman penjara jika disabitkan kesalahan.
- vi. Pindaan bagi kesalahan merompak, pesalah boleh dikenakan hukuman sebat sebanyak 80 kali dan keempat bagi kesalahan meminum arak, sebatan tidak melebihi 80 kali dan tidak kurang dari 40 kali sebatan.
- vii. Pindaan bagi kesalahan zina, pasangan yang berkahwin boleh direjam sehingga mati, manakala yang belum berkahwin dikenakan hukuman sebat sebanyak 100 kali sebatan dan penjara selama setahun.
- viii. Pindaan yang berkaitan dengan beban bukti bagi mereka yang melaporkan tentang kes zina atau liwat, di mana di dalam enakmen sedia ada memperuntukkan sesiapa yang membuat tuduhan zina atau liwat tanpa mengemukakan empat orang saksi boleh dikenakan hukuman *qazaf*. Namun enakmen yang dipinda membolehkan penuduh memberi keterangan melalui *syahadah* atau *bayyinah* (keterangan yang jelas) dan kebal dengan hukuman jika kemudiannya ditentukan bahawa tidak terdapat bukti yang cukup untuk membuktikan kesalahan itu.

Berdasarkan kepada pindaan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan ini, peruntukan yang melibatkan orang bukan Islam adalah dihapuskan dan enakmen ini hanya terpakai bagi orang Islam sahaja. Oleh yang demikian, enakmen ini tidak boleh dikatakan akan menimbulkan ketidakadilan dalam kalangan masyarakat kerana sebagai orang Islam, mereka patut patuh kepada hukum-hakam serta peraturan yang telah

digariskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Hukuman yang jelas tertulis adalah yang terbaik untuk umat-Nya. Hukuman hudud yang digariskan bukanlah suatu hukuman yang kejam dan tidak berperikemanusiaan, bahkan ia merupakan suatu hukuman untuk mencegah dan mendidik masyarakat untuk menjadi yang terbaik dan yang dapat mengurangkan kadar jenayah daripada berlaku dengan lebih teruk. Hukuman hudud juga adalah untuk menerapkan rasa gerun di dalam hati masyarakat apabila melihat hukuman yang dijalankan. Walaupun hukuman yang dikenakan adalah hukuman yang berat, namun bukan begitu mudah untuk dijatuhkan hukuman ke atas pesalah hudud.

5.3 Cadangan dan Saranan

Berdasarkan kepada hasil kajian yang dilakukan, beberapa cadangan yang dapat diberikan seperti:

1. Kajian ini menunjukkan dinamisme reformasi hukum Islam semasa di Malaysia. Apa yang jelasnya, setiap reformasi yang dilakukan pada era abad ke-20 ini adalah berbeza dengan program reformasi era sebelum abad ke-20. Hal ini dapat dilihat di dalam beberapa keadaan iaitu:
 - a) Ia didorong atas kesedaran *tajdid* membebaskan hukum Islam daripada dominasi system undang-undang warisan British.
 - b) Bentuk reformasi membabitkan enakmen dan statut undang-undang dan bukannya karya-karya fiqh biasa.
 - c) Keterbukaan pandangan daripada pelbagai lapisan masyarakat membabitkan fuqaha, pengamal undang-undang moden, ahli politik dan pelbagai NGO.
 - d) Ia perlu diputuskan melalui pengesahan Parlimen yang terbuka kepada golongan Islam dan bukan Islam.

Oleh yang demikian, kajian ini berpendapat pandangan Mohamad Hashim Kamali walaupun ditentang oleh pelbagai pihak, namun pandangannya mempunyai signifikan yang khusus sebagaimana yang dijelaskan dalam keadaan satu sehingga tiga di atas.

2. Karya Mohammad Hashim Kamali memang patut diberikan perhatian kerana ketokohnanya dalam bidang usul fiqh dan kaitannya dengan pelbagai isu moden. Tambahan lagi, kekuatan karya-karyanya jelas terserlah apabila ia secara konstannya bergantung kepada sumber-sumber klasik dan kontemporari.
3. Kajian ini mendapati kebenaran aksioum ilmiah yang menegaskan tentang sifat relatifnya sesuatu pandangan fuqaha. Berbanding dengan sumber syariah yang muqaddas sifat, pandangan fiqh yang dikeluarkan oleh seseorang fuqaha tidak kekal. Ia perlu dinilai dan dikritik oleh sarjana terkemudian. Kajian ini menunjukkan bagaimana sebahagian pandangan hududnya diterima oleh orang ramai. It is terbukti di dalam kritikannya terhadap sikap taqlid melampau pada karya fiqh silam, pemakaian konsep bayyinah dan isu kesesuaian dengan masyarakat majmuk di Malaysia.
4. Kajian ini menyarankan agar karya-karya Mohammad Hashim Kamali perlu dijadikan bahan kajian untuk peringkat Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Ini kerana karyanya terdapat beberapa kekuatan seperti:
 - a. Pandangannya mewakili pandangan fuqaha Islam moden yang menganut aliran reformism. Dalam konteks reformasi perundangan Islam di Malaysia, pandangannya dianggap setaraf dengan pandangan Ahmad Ibrahim.
 - b. Tindakan mengaitkannya dengan aliran liberalisme perundangan Islam adalah tidak betul sama sekali. Ini kerana ia tetap berpegang pada aliran reformism yang mengkritik aliran tradisional yang bergantung secara

mutlak kepada karya-karya klasik, Mohammad Hashim Kamali tetap berpegang atau menggunakan pandangan *tajdid* yang dibawa oleh Syatibi.

- c. Kita boleh melihat keberanian Mohamad Hashim Kamali melakukan kritikan demi untuk memperbaiki kelemahan dalam EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan.
- d. Kelemahan pandangan yang dibuat oleh Mohammad Hashim Kamali mengenai EKJS (II) 1993 Negeri Kelantan boleh dilihat kepada kegalalannya memahami realiti masyarakat majmuk di Malaysia. Ia terlalu mementingkan realiti masyarakat Malaysia yang menjadi bekas jajahan British, tetapi gagal untuk memahami bahawa kesedaran dan kemampuan masyarakat Malaysia untuk berubah bagi meninggalkan warisan penjajah British.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat kelomongan yang boleh diisi untuk kajian yang selanjutnya seperti:

1. Kajian mengenai EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan Pindaan 2015 yang belum dibincangkan oleh para penyelidik secara kritis.
2. Kajian mengenai permasalahan hudud yang terdapat di dalam EJKS (II) 1993 Negeri Kelantan seperti penggunaan Qarinah sebagai pembuktian hukuman hudud di zaman moden ini.
3. Kajian mengenai pandangan terkini terhadap pelaksanaan hukuman hudud yang dibuat oleh ahli akademik dan ahli perundangan.

BIBLIOGRAFI

BUKU

- ‘Abd al-Qādir ‘Awdaḥ, *At-Tasyrī’ al-Jinā’ī Muqarranan bi al-Qānūni al-Wad’ī*, Mesir: Dār Al-Urubah, 1968.
- ‘Alā Al-Dīn Abū Bakr Ibn Mas’ūd Al-Kasānī Al-Ḥanafī, *Badī’ Al-Ṣanā’ī’ Fi Tartīb Al-Syarā’ī*, Mesir: Mathba’al Al-Jamaliyyah, 1328 H.
- Abd al-Rahmān al-Jaziry, *al-Fiqh, Alā Madhāhib al-Arba’ah*, Mesir: al-Tijāriyah al-Kubrā, 1969.
- Abd al-Karīm Zaydan, *Al-Mufaṣṣal Fi Aḥkām al-Mar’ah*, Beirut: Mu’asasah al-Risālah, 1994.
- Abi al-Ḥassan ‘Ali bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawardī al-Baṣri, *al-Hāwi al-Kabīr fi Fiqh Madhab al-Imām al-Shāfi’ī*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1999.
- Abū Ishaq Ibrāhīm Ibn Ali Ibn Yūsuf Al-Fairuzābidī Al-Shīrāzī, *Al-Muhadhdhab*, Beirut: Dār al-Fikr, 1978.
- Ahmad Ibrahim and Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987.
- Ahmad Ibrahim, “Perkembangan Terkini Undang-undang Islam di Malaysia”, dalam Monir Yaacob (ed.), *Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*, Kuala Lumpur: IKIM, 1995
- Al-‘Awwa, Muhammad Salim, *Fi Usul al-Nizam al-Jina’ī al-Islam*, Kahirah, Dar al-Ma’rifah, 1979.
- Al-Fayrūz Abadī, *Al-Qāmūs Al-Muḥīṭ*. Beirut: Dār Ihyā Al-Tūrāth Al-Arabi, t.t.
- Al-Ḥusni, *Kifāyat Al-Akhyaṛ Fi Hil Ghāyat Al-Ikhtisār*. Beirut: Dār Al Khayr, 1995.
- Al-Imām Abū Al-Ḥusain Ibn Al-Ḥajjaj Al-Qusyairi Al-Naisaburi Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār Ihya’ Al-Turāth Al-Islāmi, 1978.
- Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1978.
- Al-Rāzī, *Mukhtār Al-Ṣīḥah*. Beirut: Maktabah Lubnan, t.t.
- Asghar Ali Engineer, *Hak-hak Perempuan dalam Islam*, Alih Bahasa Farid Wajidi dan Cici Farkha As-Segaf, Jakarta LSPDA, 1994.
- Basri Bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari, *Murtad: Punca-Punca Dan Cara Mengatasinya Menurut Perspektif Islam*, Kuala Terengganu: Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, 2002.

Bahnasī, Aḥmad Fathī, *Al-Siyāṣah Al-Jinā’iyyah Fi Al-Sharī’ah Al-Islāmiyyah*, Beirut; Dār Al-Syurūq, 1983.

‘Ali Aḥmad Mar’ā, *Al-Qiṣāṣ wa al-Ḥudūd fī al-Fiqh al-Islāmī*, cetakan 2, Beirut: Dar al-Iqra’, 1982.

Mohd Azhar Abdullah, *Soal Jawab Hudud Undang-Undang Allah Yang Maha Adil*, Kuala Lumpur; Telaga Biru Sdn. Bhd, 2014.

Wahbah Al-Zuhaylī, *Al-Fiqh Al-Islāmī Wa Adillatuhu*, Dimashq: Dār Al Fikr, 1989.

Wahbah Al-Zuhaylī, Saringan Yusoff Zaky Haji Yacob, *Mengenal Hukum Hudud Zina, Qazaf, Mencuri, Merompak, Dan Minum Arak*, Kelantan: Dian Darulnaim Sdn Bhd, 1992.

Hafiz Firdaus, Abdullah, *Membongkar Aliran Islam Liberal*, Perniagaan Jahabersa, 2007.

Haji Said Haji Ibrahim, “Perlaksanaan Hukuman Hudud Dalam Perundangan Islam Berteraskan Al-Quran Dan Hadith”. Kuala Lumpur; Darul Ma’rifah, 2002.

Hamid Jusoh, *the Position of Islamic Law in the Malaysian Constitution with the Special Reference to the Conversion Case in Family Law*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991.

Ibn ‘Ābidīn, *Radd Al-Mukhtār ‘Ala Al-Durr Al-Mukhtār*, Beirut: Dār Al-Fikr, t.t.

Ibn Qudāmah Al-Maqdisī, *Al-Mughnī Wa Al-Sharḥ Al-Kabīr*, Beirut: Dār Al-Fikr, 1980.

Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, Arab Saudi: al-Mamlakah al-`Arabiyyah al-Saudiah, 1999.

Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, Beirut; Dār al-Fikr, t.t.

Imam Barnadib, *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, 1982.

Jabran Mas’ūd, *Al-Rā’id*. Beirut: Dār Al-Ilm Al-Malāyin, 1986.

M.B. Hooker, *Undang-Undang Islam Di Asia Tenggara (Terj)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992.

Mahfodz Mohamad, *Jenayah dalam Islam: Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-Hukum Hudud*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1993.

Mahmud Saedon, *Undang-Undang Keterangan Islam*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, , 1990

Mahmud Saedon, “Undang-Undang Keterangan di Mahkamah Syariah”, dalam Monir Yaacob (1995) (ed.), *Undang-Undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*, Kuala Lumpur: IKIM. 1995.

Majlis Agama Islam Selangor, *Hudud Satu Penjelasan*, Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), 2015.

Mohammad Hashim Kamali foreword by Thariq Ramadan, *The Middle Path of Moderation in Islam the Quranic Principle of Wasatiyah*, United States Of America: Oxford University Press, 2015.

Mohammad Hashim Kamali, *Freedom of Expression in Islam*, Cambridge: Islamic Text Society, 1997.

Mohammad Hashim Kamali, *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan Dan Terengganu*, Ilmiah Publishers Sdn. Bhd, Petaling Jaya, Selangor, 2002.

Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law: An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan*, Ilmiah Publishers Sdn. Bhd, Petaling Jaya, Selangor, 2000.

Mohd Azam Hamzah dan Md. Akhir Haji Yaacob, *Falsafah Dan Prinsip Perundangan Islam*, Selangor: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986.

Mohd Said Ishak, *Hudud Dalam Fiqh Islam*, Johor Darul Ta'zim: Cetak Ratu Sdn.Bhd, 2000.

Muhammad 'Alī b. Muhammad al-Shawkānī, *Nail al-Awṭār Syarḥ Muntaqa al-Khabar Min Ahādīth Sayyid Al-Akhyār*, Mesir: Maṭba'at Muṣṭafa al-Bābī al-halabī wa Awladuh, t.t.

Muhammad Bin Muhammad Al-Shubhah, *Al-Hudūd Fi Al-Islām*, Qahirah: Al-Hai'ah Al-'Ammah Li Shu'ūn Al-Matabi Al-Amirah, 1974.

Muhammad Hasan bin Muhammad, *Irshād al-Fuhūl ila Tahqīq al-Haq min 'Ilm al-Ūṣūl*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiah, 1999.

Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Ke 6 Lahore: Kazi Publications, 1983, VIII

Muhammad Muslehuddin, (terjemahan) Asiah Idris, *Jenayah dan Doktrin Islam dalam Tindakan Pencegahan*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992.

Muhammad Rashīd Rīḍā, *Tafsīr Al-Manār*, Edisi Ke-4, Kaherah: Matba'ah Al-Manār, 1373 H.

Muslim, *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. M. Nasir al-Din al-Albani, ke-2, Beirut: Dār al-Maktab al-Islami, 1404/1984 H.

Paizah Ismail, *Hudud Hukum Dan Perlaksanaan*, Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd, 2008.

Rauf, terjemahan Rustam. A. Sani, *Ikhtisar Sejarah Islam*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1987.

Sayid Sābiq, *Fiqh Al-Sunnah*, Beirut: Dārul Al-Fikr, 1983.

Sheikh Abū Zar Ḥussain al-Fadilī, *Taisīr al-Fiqh al-Hanafī*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2007.

Shams Al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn 'Arafah Al-Dasūqī Al-Mālikī, *Hāshiyah Al-Dasūqī 'Ala Sharh Al-Kabīr*. Mesir: Al-Maṭḥba'ah Al-Azhariyyah, 1355 H

Wahbah Al-Zuhaīlī, *al-Fiqh al-Islāmi* (terjemahan) Ahmad Shahbari et al., *Fiqh dan Perundangan Islam*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Malaysia, 1997.

Wizārah al-Awqaf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, cet. ke 4. Mesir: Dār al-Safwah, 1993.

Yusuf Zaky Haji Yaacob, *Mengenal Hukum Hudud*, Kota Bharu: Dian Darul naim Sdn. Bhd., 1992.

Zakariā Al-Anṣāri, *Asna Al-Mathalib Sharḥ Raudah Al-Tālib*, Mesir; Al-Maṭba'ah Al-Maimunah, 1313H.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Isu cadangan Pindaan Akta 355 Satu Pendapat*, Bayan Linnas ke-67, September 2016.

TESIS DAN PENYELIDIKAN

Adlina Binti Haji Abdul Halim, "Peruntukan-Peruntukan Hukuman bagi Kesalahan Hudud dalam Kanun Jenayah Syariah 11 (1993): Satu Analisis dari Sudut Pandangan Islam". Kuala Lumpur, Fakulti Syariah, Akademi Islam University Malaya, 1998.

Ahmad Ibrahim dan Mahmud Saedon Awang Othman, "Ke Arah Islamisasi Undang-Undang di Malaysia". Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1988.

Hafsa Binti Salleh, "Keraguan dalam Kesalahan-Kesalahan Hudud". Kuala Lumpur, Fakulti Syariah, Akademi Islam University Malaya, 1996.

Imam Barnadib (prof). M.A, P.H.D, "Arti dan Metod Sejarah Pendidikan". Yogyakarta: yayasan penerbitan FIP-IKIP, 1982.

Noor Izzuddin Bin Mat Zain, "Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai Hudud: Analisis Kritis". Kuala Lumpur, Fakulti Syariah, Akademi Islam University Malaya, 2014

Nur Suhaida Binti Razali, "Implementasi Aturan Jenayah Murtad menurut Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 di Negeri Kelantan", Konsentrasi Siyasah Syari'yyah, Program Studi Jinayah Siyasah Fakultas Syariah dan Hukum Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, 2010.

Ridzwan Bin Ahmad, "Pelaksanaan Hukuman Hudud di Kelantan: Konflik di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Kelantan, Satu Analisis". Fakulti Syariah, Akademi Islam University Malaya, 1996.

Tanusha A/P Rathakrishnan, "the Discursive of Hudud in Malaysian Blogs", Kuala Lumpur: Faculty of Languages and Linguistics, University Of Malaya, 2016.

ARTIKEL JURNAL

- Abdul Aziz Bari, “Halangan- Halangan Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di dalam Perlembagaan Malaysia”, Jurnal Syariah 10/1, 2002.
- Ahmad bin Muhammad Husni et.al, “Parameter ‘Asas-Asas’ Penentuan Hukuman Bagi Penjenayah Wanita Menurut Undang-Undang Jenayah Islam Dalam Kes Hudud”, isu syariah & undang-undang siri 19, t.t
- Ahmad Ibrahim, “Kedudukan Hukum Islam Dalam Masyarakat Melayu”. Dalam Islam Dan Kebudayaan Melayu, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Malaysia, 1977.
- Ahmad Ibrahim, “Perundangan Islam di Malaysia: Dasar dan Pelaksanaannya”, Kuala Lumpur: Islamic Research Institut, 1981.
- Ashgar Ali Ali Mohamed, “Implementation of Hudud (or limits ordained by Allah for serious crimes) in Malaysia”, International Journal of Humanities and Social Science Vol. 2 No. 3; February 2012
- Azizan Abdul Razak, “the Laws in Malacca before and After Islam”, In Tamadun Islam di Malaysia. Khoo Kay Mim (Chief Ed.) Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Azzah Nasiha, Jani Ayub Khan, Syaripah Ruzaini Syed Aris, “Acceptance of Multicultural Society on the Hudud Bill Implementation in Malaysia”, Journal of Media and Information Warfare Vol. 9, June 2017, 2017:63-100.
- Dr. Etim E. Okon, “Hudud Punishments in Islamic Criminal Law”, European Scientific Journal May 2014 edition vol.10, No.14 ISSN: 1857 – 7881 (Print) e - ISSN 1857- 7431, 2014: 227-238
- Helwa Mohammad Zainal Dan Jasri Jamal, “Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran”, Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat, bil 17, 2013.
- Ismail, F. B. H., & Sulong, J. Bin., “The Development and Obstacles in Applying the Islamic Criminal Law in the State of Kelantan”, Malaysia, International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 8(4), 2018: 912-922.
- Koentjaraningrat, “Beberapa Asas Metodologi Ilmiah, Redaksi Koentjaraningrat, Metod-Metod Penelitian Masyarakat”. Jakarta: PT Gramedia, 1983.
- Malik Imtiaz Sarwar And Surendra Ananth, “Confronting The Constitutionality Of Hudud”, Malayan Law Journal, Vol.4, 2016.
- Mansor Bin Sulaiman, “Konsep ‘Maslahah’ Dalam Undang-Undang Jenayah Islam Dan Pembentukan Masyarakat Yang Baik: Tinjauan Khusus Terhadap Hukuman Hudud”, UMP, t.t.

Mohamad Azam Mohamad Adli, “Undang-Undang Murtad: Suatu Penilaian dari Perspektif Fiqh dan Undang-Undang di Malaysia” dalam Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia, Mac 1997, 9 Kaun (1), 1997.

Mohammad Hashim Kamali, “the Middle Path of Moderation in Islam the Quranic Principle of Wasatiyah”, United States of America: Oxford University Press, 2015

Mohd Munzil bin Muhamad et. al, “Qarinah: Admissibility of Circumstantial Evidence in Hudud and Qisas Cases”, Mediterranean Journal of Social Sciences, vol. 6, march 2015:141-150.

Mohd Ridhuan Tee Abdullah, “Persepsi Orang Cina terhadap Islam Hadhari”, Jurnal Hadhari Bil.1 (2009).

Mohd. Badrol Awang & Mohd. Lotpi Mohd. Yusob, “Penggubalan dan Pelaksanaan Undang-Undang Islam oleh Pemerintah: Satu Pandangan”, Makalah Kanun, Jun 2012.

Muhamad Zuhaili Saiman, Dahlan Ahmad Salleh, “Hikmah Hukuman Bunuh ke atas Murtad: Konteks Kebebasan beragama dan Paksaan dalam Agama”, t.t. (www.ukmsyariah.org/terbitan/.../13-Muhamad-Zuhaili-Saiman.pdf)

Muhammad Fathi Yusof & Ahmad Nazri Mansur, “Perlaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Kelantan dan Brunei”, in: (Editor, Azhar Yahya) Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah: Teori dan Realiti, KUIZM Publication. 2014:133-150.

Muhammad Fathi Yusof dan Dr Nazri Mansur, “Perlaksanaan Undang Undang Jenayah Islam di Kelantan dan Brunei”. In: (Editor, Azhar Yahya) Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah: Teori & Realiti, KUIZM Publication, 2014.

Musa Awang, “Dimanakah Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah?” 27 KANUN (1) [Januari 2015]

Noraini, N. “Hudud Laws and Its Implications on Women”, 2012.

Paizah Haji Ismail, “Kedudukan Mazhab Syaffi’i dalam Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia”, Jurnal Fiqh: no. 4, 2007.

R. Sivaperegasam P. Rajanthiran, “Hudud Controversy in Contemporary Malaysia: A Study of Its Proposed Implementation in Kelantan and Terengganu”, Proc. of the Third Intl. Conf. On Advances in Economics, Social Science and Human Behaviour Study - ESSHBS 2015, 2014: pp. 78-82

Rahimin Affandi Abd.Rahim et al., “Konsep Fiqah Malaysia dalam Perundangan Islam: satu pengenalan”, kajian Malaysia, vol.28, no.2, 2010.

Ruzman Md. Noor (2008), “Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarinah dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia”, Jurnal Syariah, Jil. 16, Bil. 2, pp.345-366

Sayed Sikandar Shah Haneef, “Discourse on Hudud in Malaysia: Addressing the Missing Dimension,” Journal of Islamic Law and Culture, vol. 12, no. 2, 2010.

Siti Zaleha Ibrahim, Nur Sarah Tajul Urus & Dr. Mohd Faisal Mohamed, “Pertukaran Agama dan Kesannya terhadap Komuniti: Satu Sorotan terhadap Kes-Kes Murtad dan Masuk Islam di Malaysia”, Journal of Social Sciences and Humanities, Special Issue 3 (November 2016), 2016: 204-213

Siti Zubaidah Ismail, “Hudud dan Undang-Undang Jenayah Syariah dalam Kerangka Perlembagaan dan Sisitem Perundangan ‘Dualisme’: Komitmen Pelaksanaan Kearah Membendung Jenayah di Malaysia’, Jurnal Syariah, Jil.22, 2014.

Siti Zubaidah Ismail, “Pemerkasaan Mahkamah Syariah dalam Pengurusan Kes Jenayah Syariah,” Jurnal Hukum, vol. 38, no. 1 (Februari), 2014.

Siti Zubaidah Ismail, “At the Foot of the Sultan: The Dynamic Application of Shariah in Malaysia”, Electronic Journal of Islamic and Middle Eastern Law, vol.3, 2015: 69-81.

Zainah Anwar, “Islamisation and its Impact on Laws and the Law Making Process in Malaysia”, WLUML Publications, December 2004

Zulfakar bin Haji Ramlee, “Kesaksian Wanita antara Kebolehtenerimaan & Kebolehpaksaan”, Jurnal Hukum, Vol. 26, 5-26, 2012.

Zulkifli Hasan & Norfadhilah Mohd Ali, “Kedudukan Murtad menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia”, Kertas Kerja dalam Diskusi Syariah dan Undang-undang anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 17 Januari 2007.

Zulkifli Hassan, “Polemik Hudud di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas”.

Zulkifli Mohd et.al, “Pandangan Masyarakat Islam Terengganu terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud Dan Qisas) Terengganu 2002”, Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari jil.1, 2008, 115-123.

KERTAS KERJA PERSIDANGAN

Abdul Aziz Bari, “Islam dalam Perlembagaan Malaysia: cabaran dan Pengukuhan”. Seminar Syariah dan Undang-undang Peringkat Kebangsaan (SYUK) 2-3 November 2010. Anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang (USIM), 2010.

Abdul Hamid Mohamad, ‘Implementation of Islamic Criminal Law in Malaysia’, dibentangkan di Seminar on Implementation of Hudud in Malaysia - History And The Future, pada 1 April 2015, dipetik di laman sesawang <http://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/750-implementation-of-islamic-criminal-law-in-malaysia>.

Abdul Hamid Mohamad, “Pelaksanaan Hudud di Brunei: Perbezaan di antara Brunei dan Malaysia”, Wacana Intelektual Mpm-Yadim, 7 January 2014, dirujuk di laman sesawang https://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/download/1091_f1309730fa0db39dd10a07351a2d42d2+&cd=2&hl=en&ct=clnk&gl=my

Abdul Hamid Mohamad, “Penggubalan Undang-Undang Hudud di Brunei dan

Malaysia: Masalah yang Berlainan”, dibentangkan di Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan pada 29 Mei 2014, dipetik di laman sesawang <http://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/715-penggubalan-undang-undang-di-malaysia-dan-brunei-masalah-yang-berlainan>

Aznan Hasan (2012), “Penyelidikan dalam Muamalat Semasa”, Wacana Muamalat. Anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bilik Seminar Siswazah 1, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 26 Disember.

Helen Ting Mu Heng, “The Politics of Law Implementation in Malaysia”, Working Papers, Issue: 2016, no.4

Mohd Mustaffa Bin Jusoh @ Yusoff, “Perundangan Jenayah Islam; Cabaran dan Realiti”, Kuala Lumpur: Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015

Mohd Nasran Mohamad et al., “Perkembangan dan Cabaran Pelaksanaan Undang-Undang Hudud di Malaysia”, (Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam 2015, Batam Indonesia 19 Disember 2015), 2015.

Mohd. Nasran Mohamad et al., “Pelaksanaan Hukum Hudud menurut Kerangka Perundangan di Malaysia”, (Isu Syariah & Undang-Undang: Pembudayaan Penulisan Isu Syariah dan Undang-Undang Pemangkin Dinamisme Kesarjanaan Islam, Siri 21, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), 2015.

Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli, “Legasi Mazhab Syafi’i di Malaysia: antara Kekangan Tradisionalisme dan Tuntutan Liberalisme”, 1st International Islamic Heritage Conference (Ishec 2015).

Nor Saadah Musa, “Impak Negatif Islam Liberal terhadap Pengkajian Hukum”, E-Prosiding Muzakarah Fiqh & international Fiqh conference, kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), kajang, 2014.

Nor-Ina Kanyo. “Tinjauan Dasar Pengurangan Jenayah di Malaysia”, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII). PROSIDING PERKEM VIII, Jilid 1 (2013), 2013: 224 - 234

Nursolehah Mat Razali dan Siti Zubaidah Ismail, “Islam dan Ketidakadilan Hukuman Hudud terhadap Wanita”, (Proceedings of International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017), 2017.

SENARAI STATUT

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355]

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Kerajaan Negeri Kelantan

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Kerajaan Negeri Kelantan Pindaan 2015

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Terengganu 2002

SUMBER INTERNET

Abdul Hamid Mohamad, Hudud: Hukum dan Pelaksanaan, Utusan Online, 14 September 2015. Dipetik di laman sesawang <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/hudud-hukum-8232-dan-pelaksanaan-1.135671>, diakses pada 1 Oktober 2018.

Astro Awani Online, 23 November 2016, Jangan tentang RUU 355 sebelum faham-TPM, diakses di laman sesawang <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-tentang-ruu-355-sebelum-faham-tpm-123549>, diakses pada 20 Oktober 2018.

Astro Awani, 1 Disember 2016, MCA tetap bertegas tidak sokong RUU 355, diakses di laman sesawang <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mca-tetap-bertegas-tidak-sokong-ruu-355-124406>, diakses pada 1 Oktober 2018.

Astro Awani, 24 Januari 2017, maklumat tidak tepat tentang pindaan akta 355 punca polemic politik: Asyraf, di akses di laman sesawang <http://www.astroawani.com/berita-politik/maklumat-tidak-tepat-tentang-pindaan-akta-355-punca-polemik-politik-asyraf-130113>, diakses pada 1 Oktober 2018.

Astro Awani, Mac 19, 2015, DUN Kelantan lulus sebulat suara Enakmen Hudud, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dun-kelantan-lulus-sebulat-suara-enakmen-hudud-55967>, diakses pada 20 September 2018.

Borneo Post Online, Hukum Hudud Tidak Boleh Dilaksanakan, 1 Oktober 2011, Sabtu. Diakses di laman sesawang <http://www.theborneopost.com/2011/10/01/hukum-hudud-tidak-boleh-dilaksanakan>, diakses pada 1 Oktober 2018.

Dr Zaharuddin Abd Rahman, Diskusi Hukuman Murtad, Di <Http://Www.Zaharuddin.Net/Aqidah-&-Kepercayaan/145-Diskusi-Hukuman-Murtad.html>, diakses pada 1 Oktober 2018.

Harakahdaily, September 22, 2013, “Mahathir patut nasihat Najib Tarik balik surat ugut Kelatan”. Di akses di laman sesawang <http://bm.harakahdaily.net/index/columnist/abdul-shukur-harun/5558-mahathir-patut-nasihat-najib-tarik-balik-surat-ugut-kelantan>, 20 September 2013, diakses pada 25 September 2018.

<Http://Www.Thenugraph.Com/Hukum-Hudud-Mendiskriminasi-Wanita/>, diakses pada 1 Oktober 2018.

Hudud perlu ijтиhad baru: Dr. Asri, Malaysia kini, 20 September 2011, diakses di laman sesawang <https://www.malaysiakini.com/news/176366>, diakses pada 10 Oktober 2018.

Keadilan Daily, September 25, 2011, Hudud: Kenyataan penuh Datuk Seri Anwar Ibrahim. Diakses di laman sesawang, diakses pada 20 September 2018.

Malaysia Kini, Ng Ling Fong, November 9, 2011, Anwar: Hudud tak ada tempat dalam dasar Pakatan, diakses di laman sesawang <https://www.malaysiakini.com/news/180856>, diaksess pada 20 September 2018.

Mohammad Hashim Kamali (2002), Comments on Apostasy, dipetik di dalam laman youtube <https://www.youtube.com/watch?v=JU57-j22whI>, diaksess pada 2 November 2018.

Mohammad Hashim Kamali, Hudud in Islam, interview with mobTV.my on 3 October 2011, <https://www.youtube.com/watch?v=sr0dZbqC2og>, diaksess pada 2 November 2018.

Muhamad Zuhaili Saiman & Dahlan Ahmad Salleh, Hikmah Hukuman Bunuh Ke Atas Murtad: Konteks Kebebasan Beragama Dan Paksaan Dalam Agama, dirujuk di laman <http://ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2015/09/13-Muhamad-Zuhaili-Saiman.pdf>, diaksess pada 1 Oktober 2018.

Najib: No hudud in Malaysia, The Star Online, September 25, 2011 <https://www.thestar.com.my/news/nation/2011/09/25/najib-no-hudud-in-malaysia>, diaksess pada 1 Oktober 2018.

Sinar harian online, 18 oktober 2012, hudud: 1.2 juta akan hilang kerja, kata Soi Lek, diakses di laman <http://www.sinarharian.com.my/politik/hudud-1-2-juta-akan-hilang-kerja-kata-soi-lek-1.95817>, diaksess pada 1 Oktober 2018.

Sinar Harian Online, 21 Mac 2015, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/ahli-parlimen-islam-wajib-sokong-hudud-1.371267>.

Sinar Harian, 1 Jun 2016, <http://www.sinarharian.com.my/wawancara/10-salah-faham-usul-ruu-akta-mahkamah-syariah-1.527384>, diaksess pada 1 Oktober 2018.

Sinar Harian, 7 Februari 2017, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/penjelasan-isu-dan-salah-faham-ruu355-1.624284>, diaksess pada 1 Oktober 2018.

Sisters in Islam. (2012,). Negara Islam, Hudud, Murtad dan Peraturan Kawalan Moral. Dirujuk daripada <http://www.al-ahkam.net/home/content/sister-islam-negara-islam-hudud-murtad-dan-peraturankawalan-moral>, diaksess pada 1 Oktober 2018.

The Malaysian Times, Hukum Hudud Tak Sesuai Dilaksanakan Di Malaysia- MIC, NGO India, 5 Julai 2012. <http://www.themalaysiantimes.com.my/hukum-hudud-tak-sesuai-dilaksanakan-di-malaysia-mic-ngo-india/> diaksess pada 1 Oktober 2018.

The Star Online, Januari 15, 2009, DAP against hudud laws, di akses di laman <https://www.thestar.com.my/news/nation/2009/01/15/dap-against-hudud-laws/> diaksess pada 1 Oktober 2018.

Yow Hong Chieh. (2011, 4 Disember). Soi Lek: Hudud Akan Musnah Ekonomi Malaysia, Bawa Binasa Diri, Malaysian Insider. <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/soi-lek-hudud-akan-musnah-ekonomi-malaysia-bawa-binasa-diri/> diaksess pada 2 September 2018.

Zulkifli Hassan, *Polemik Hudud Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas*.
<http://www.zulkiflihasan.com/2012/10/24/hentikan-polemik-hudud-di-malaysia/> diaksess pada 10 Oktober 2018.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri, “Isu Cadangan Pindaan Akta 355: Satu Pendapat”, Bayan Linnas ke-67, <http://muftiwp.gov.my/doc/bayanlinnas/bl67.pdf>, diaksess pada 1 Oktober 2018.

LAMPIRAN

ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH (II) 1993 KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH (II) 1993

SUSUN FASAL-FASAL

PERMULAAN

Fasal

1. *Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa*
2. *Tafsiran*
3. *Jenis-jenis kesalahan*

BAHAGIAN I

Kesalahan-Kesalahan Hudud

4. *Jenis-jenis kesalahan hudud*
5. *Sariqah*
6. *Hukuman kerana melakukan sariqah*
7. *Bilakah hukuman hudud tidak boleh dikenakan*
8. *Hirabah*
9. *Hukuman hirabah*
10. *Zina*
11. *Hukuman zina*
12. *Qazaf*
13. *Hukuman qazaf*
14. *Al-li'an*
15. *Akibat al-li'an*

Fasal

16. *Liwat*
17. *Hukuman liwat*
18. *Membuktikan liwat*
19. *Musahaqah*
20. *Ittiyan almaitah*
21. *Ittiyan albahimah*
22. *Syurb*
23. *Irtidad atau riddah*

BAHAGIAN II

Qisos

24. *Qisos dan diyat*
25. *Jenis kesalahan menyebabkan kematian*
26. *Qatl-al'amd*

27. Hukuman qatl-al'amd
28. Pengampunan
29. Ganti kepada hukuman qisos
30. Qatl-syibhi-al-'amd
31. Hukuman qatl-syibhi-al-'amd
32. Qatl-al-khata'
33. Hukuman qatl-al-khata'
34. Menyebakan kecederaan badan
35. Hukuman kerana menyebabkan kecederaan badan
36. Jenis-jenis kecederaan badan

Fasal

35. Hukuman kerana menyebabkan kecederaan badan
36. Jenis-jenis kecederaan badan
37. Bilakan hukuman qisos tidak boleh dikenakan
38. Akibat apabila hukuman qisos tidak dikenakan.

BAHAGIAN III

Keterangan

39. Bagaimana membuktikan kesalahan
40. Bilangan saksi-saksi
41. Syarat-syarat menjadi saksi
42. Keadaan keterangan
43. Menarik balik keterangan
44. Iqrar
45. Menarik balik iqrar
46. Keterangan qar'inah
47. Ta'zir sebagai ganti hukuman hudud apabila keterangan tidak mencukupi untuk membuktikan kesalahan hudud.

BAHAGIAN IV

Bagaimana Hukuman Dilaksanakan

48. Hukuman hudud tidak boleh diubah
49. Pengesahan hukuman sebelum perlaksanaan
50. Pemeriksaan pegawai perubatan sebelum dilaksanakan hukuman.

Fasal

51. Bagaimana hendak melaksanakan beberapa hukuman.
52. Cara memotong tangan dan kaki
53. Cara melaksanakan hukuman sebat
54. Hukuman rejam ditangguhkan bagi perempuan yang hamil dan yang menyusukan anak.
55. Hukuman sebat ke atas perempuan yang hamil.

BAHAGIAN V

Peruntukan Umum

56. Pemakaian enakmen ini.
57. Persaubahan dan komplot
58. Niat bersama
59. Sariqah berkumpulan
60. Mencuba melakukan kesalahan
61. Prosiding di bawah kanun keseksaan tidak boleh diambil.
62. Pemakaian hukum Syarak dalam tafsiran.

BAHAGIAN VI

Mahkamah

63. Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas
64. Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas adalah tambahan kepada Mahkamah Syariah
65. Pemakaian Enakmen Acara Jenayah Syariah 1983
- Fasal*
66. Mahkamah Bicara Syariah Khas
67. Mahkamah Rayuan Syariah Khas
68. Kelayakan menjadi hakim
69. Perlantikan hakim-hakim
70. Kebebasan kehakiman
71. Pemegang jawatan
72. Gaji, elauan dan keistimewaan-keistimewaan lain hakim-hakim

JADUAL I

JADUAL II

JADUAL III

JADUAL IV

JADUAL V

RANG UNDANG-UNDANG

bersama

Suatu Enakmen untuk melaksanakan Undang-Undang Jenayah Syariah.

ADALAH DENGANINI DIPERBUAT UNDANG-UNDANG OLEH Badan Perundangan negeri Kelantan seperti berikut:

PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melalui pemberitahuan dalam Warta.
2. Dalam Enakmen ini melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain; "anak" termasuklah cucu dan keturunan di bawahnya stau selepasnya;

"diyat" maknanya suatu jumlah wang atau harta yang dikenakan bayarannya sebagai pampasan kerana kematian atau kehilangan akal atau kecederaan anggota yang sempurna atau kecederaan anggota yang berpasangan atau kehilangan fungsi anggota-anggota tersebut yang telah dilakukan ke atas seorang mangsa jenayah. Jumlah satut diyat ialah bersamaan dengan harga emas semasa seberat 4,450 gram atau suatu jumlah yang akan ditetapkan oleh Ke bawad Duli Yang Maha Mulai Al-Sultan dari semasa ke semasa mengikut hukum Syarak;

"hakim" maknanya hakim yang dilantik di bawah Bahagian VI;

"irsy" maknanya suatu jumlah wang atau harta atau sebahagian daripada diyat yang dikenakan bayarannya sebagai pampasan kerana kecederaan (jurh) yang dilakukan ke atas seorang mangsa jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual II, III dan IV;

"Jumaah Ulama" maknanya Jumaah Ulama yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966;

"Mahkamah" maknanya Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian VI;

"Penjara" termasuklah perintah menghadkan seseorang pesalah tinggal dalam satu kawasan atau daerah dalam negeri;

"mohsan" dan "ghairu mohsan" maknanya adalah sama seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 10(2);

"mukallaf" maknanya seseorang yang sudah mencapai umur 18 tahun dan sempurna akalnya;

"nisab" maknanya suatu jumlah wang yang bersamaan dengan harga emas semasa seberat 4.45 gram atau suatu jumlah wang yang akan ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dari semasa ke semasa mengikut hukum Syarak;

"qisos" maknanya hukuman balas balik dan persamaan yang digunakan untuk mengkukum kesalahan melakukan kematian dan cedera jasmani ke atas seseorang;

"Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri" maknanya Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri yang ditubuhkan di bawah Perkara LXI Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Pertama);

"wali" maknanya waris mangsa jenayah yang berhak memaafkan pesalah yang melakukan kesalahan ke atas mangsa jenayah itu;

(2) Bagi mengelakkan keraguan tentang indentiti perkataan atau perbahasaan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual I, rujukan bolehlah dibuat kepada skrip Bahasa Arab perkataan-perkataan dan perbahasan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

(3) Semua perkataan, perbahasan, tafsiran dan rangkaikata yang digunakan dalam Enakmen ini tetapi tidak ditakrifkan didalamnya, hendaklah disifatkan mempunyai makna yang diberi terhadapnya dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 jika tidak bertentangan dengan hukum Syarak.

3. Semua kesalahan di bawah Enakmen ini adalah dibahagikan kepada tiga jenis iaitu:

- (a) Kesalahan-kesalahan yang mana hukumannya telah ditetapkan oleh Al-Quran Al-Karim dan Sunnah. Kesalahan-kesalahan itu dipanggil dengan nama kesalahan-kesalahan hudud dan hukumannya dinamakan hukuman hudud;
- (b) Kesalahan-kesalahan yang tertakluk kepada qisos yang jika ditetapkan oleh Al-Quran Al Karim dan Sunnah; kesalahan-kesalahan itu dinamakan kesalahan-kesalahan qisos dan hukumannya dinamakan hukuman qisos; dan
- (c) Jadual tertentu adalah rujukan mengenai sesuatu Bahagian atau seksyen atau subsekyen atau Jadual tertentu dalam Enakmen ini.

(4) Melainkan jika kangungan syaratnya menghendaki makna yang lain apa-apa rujukan dalam Enakmen ini mengenai sesuatu Bahagian atau seksyen atau subseksyen atau

Kesalahan-kesalahan yang lain daripada kesalahan-kesalahan hudud dan kesalahan-kesalahan qisos, tetapi hukumannya diserahkan kepada budi bicara badan perundungan atau mengikut Enakmen ini hukumannya diserahkan kepada budi bicara Mahkamah. Kesalahan-kesalahan itu dinamakan kesalahan-kesalahan ta'zir dan hukumannya dinamakan hukuman ta'zir: Dengan syarat bahawa apabila sesuatu kesalahan hudud atau qisos tidak boleh dihukum dengan hukuman hudud atau hukuman qisos kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki bagi hukuman-hukuman itu, maka kesalahan itu adalah menjadi suatu kesalahan ta'zir dan hendaklah ia dihukumkan demikian.

BAHAGIAN I

Kesalahan-Kesalahan Hudud

4. Kesalahan-kesalahan hudud adalah seperti berikut:

- a) sariqah (memcuri);
- b) hirabah (merompak);
- c) Zina (melakukan persetubuhan haram);
- d) qazaf (membuat tuduhan bahawa seseorang itu melakukan zina yang mana tuduhan itu tidak dapat dibuktikan dengan empat orang saksi);
- e) syurd (meminum arak atau minuman yang memabukkan); and

f) irtidad atau riddah (*keluar daripada agama Islam*).

5. Sariqah adalah perbuatan memindah dengan cara bersembunyi harta alih daripada jagaan atau milikan tuannya tanpa persetujuan tuannya yang mana perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menghilangkan harta itu daripada jagaan atau milikan tuannya.

6. Sesiapa melakukan sariqah, melainkan dalam keadaan yang dinyatakan dalam seksyen 7, hendaklah dihukum dengan hukuman hudud seperti berikut:

- a) bagi kesalahan pertama dengan dipotongkan tangan kanannya;
- b) bagi kesalahan yang kedua dengan dipotongkan kaki kirinya; dan
- c) bagi kesalaahan-kesalahan yang ketiga dan berikutnya dengan dipenjarakan selama tempoh yang difikirkan patut oleh Mahkamah untuk menjadikan pesalah itu sedar dan sesaal.

7. Hukuman dudud kerana kesalahan sariqah tidak boleh dikenakan dalam keadaan yang berikut:

- a) apabila nilai harta yang dicuri itu kurang apabila kesalahan itu tidak dapat dibuktikan dengan keretangan yang dikehendaki di bawah peruntukan-peruntukan Bahagian III;
- b) apabila pesalah itu bukan mukallaf;
- c) apabila tuan punya harta yang dicuri itu tidak mengambil langkah yang cukup untuk menjaga harta itu daripada kena curi, memandangkan kepada keadaan harta itu dan tempat ia disimpan atau ditinggalkan;
- d) apabila pesalah itu belum lagi mendapat milik yang sepenuhnya terhadap harta yang dicuri itu, walaupun tuan punya tidak lagi mempunyai jagaan dan milikan ke atas harta tersebut;
- e) apabila harta yang dicuri adalah daripada jenis harta yang tidak bernilai dan boleh didapati dengan banyaknya di merata-rata tempat ataupun daripada jenis harta yang mudah musnaah;
- f) apabila harta yang dicuri tidak mempunyai apa-apa nilai mengikut hukum Syarak seperti minumaan yang memabukkan atau alat-alat hiburan;
- g) apabila kesalahan mencuri itu dilakukan oleh pemberi hutang ke atas harta orang yang berhutang dengan yang enggan membayar hutang itu;
Dengan syarat bahawa nilai harta yang dicuti itu tidak melebihi jumlah hutang atau nilai harta yang dicuri itu melebihi jumlah hutang tetapi tidak melebihi nisab.
- h) apabila kesalahan itu dilakukan dalam keadaan yang amat mendesak, seperti perang, kelaparan, penyakit dan bencana alam;
- i) apabila kesalahan itu berlaku dalam keluarga seperti isteri mencuri daripada suaminya dan sebaliknya atau anak mencuri daripada bapanya dan sebaliknya;
- j) apabila kesalahan itu dilakukan oleh sekumpulan orang yang mana bahagian yang diperolehi oleh tiap-tiap seorang daripada pesalah itu setelah dibahagikan harta yang dicuri datau hasilnya sesama mereka adalah kurang daripada nisab;
- k) apabila pesalah itu mengembalikan harta yang dicuri itu sebelum hukuman hudud

dilaksanakan;

- l) apabila tuan punya harta yang dicuri itu tidak mengaku bahawa hartanya telah dicuri, walaupun pesalah itu telah membuat iqrar mencurinya;
- m) apabila pesalah itu membuat bantahan yang boleh diterima oleh hukum syarak terhadap saksi-sakri; dan
- n) apabila harta yang dicuri itu atau keadaan dalam mana kesalahan itu dilakukan mengikut hukum Syarak tidak ada hukuman hudud yang boleh dikenakan ke atasnya.

8. Hirabah adalah perbuatan merampas harta orang lain dengan kekerasan atau dengan ugutan hendak menggunakan kekerasan yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang-orang yang bersenjatakan apa-apa senjata atau alat yang boleh digunakan sebagai senjata.

9. Sesiapa melakukan hirabah hendaklah dihukum dengan hukuman hudud seperti berikut:

- a) dihukum bunuh dan selepas itu disalibkan, jika mangsa kesalahan itu dibunuh dan hartanya atau harta orang lain diambil;
- b) dihukum bunuh sahaja, jika mangsa kesalahan itu dibunuh dengan tidak ada apa-apa harta yang telah diambil;
- c) dihukum potong tangan kanan dan kaki kirinya, jika harta sahaja yang diambil dengan tidak menyebabkan kematian mangsa atau mencederakannya; tetapi sekiranya harta-harta diambil dan kecederaan dilakukan ke atas mangsanya, maka diyat atau irsy hendaklah dibayar sebagai tambahan kepada hukuman potong tangan dan kaki yang mana jumlah diyat atau irsy itu hendaklah tertakluk kepada apa yang munasabah memandangkan kepada jenis dan keadaan kecederaan yang dilakukan itu sebagaimana yang ditentukan dalam Jadual II, III dan Iv; dan
- d) dipenjarakan selama tempoh yang difikirkan patut oleh Mahkamah yang akan membawa pesalah itu kepada kesedaran dan kesalan, sekiranya ugutan sahaja digunakan dengan tidak mengambil apa-apa harta atau tidak menyebaabkan apa-apa kecederaan.

10. (1) Zina ialah suatu kesalahan yang merupakan persetubuhan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan pasangan suami isteri dan persetubuhan itu tidak termasuk dalam takrif "wati syubhah" sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (3).

(2) Jika pesalah itu sudah berkahwin dengan sah dan telah menikmati persetubuhan dalam perkahwinan itu, maka pesalah itu dinamakan "mohsan" tetapi apabila pesalah itu belum berkahwin atau sudah berkahwin belum merasaai nikmat persetubuhan dalam perkahwinan itu maka pesalah itu dinamakan "ghairu mohsan".

(3) Wati syubhah ialah pesetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seorang perempuan bukan isterinya dan persetubuhan itu dilakukan.

- a) dalam keadaan yang meragukan dalam mana dia menyangka bahawa perempuan

yang disetubuhinya itu ialah isterinya, sedangkan perempuan itu bukan isterinya; atau b) dalam keadaan yang meragukan dalam mana dia menyangka bahawa perkahwinannya dengan perempuan yang disetubuhinya olehnya itu adalah sah mengikut hukum Syarak, sedangkan pada hakikatnya perkahwinannya itu adalah tidak sah.

11. (1) Jika pesalah yang melakukan zina itu mohsan, maka pesalah itu hendaklah dihukum dengan hukuman rejam, iaitu dilontar dengan batu yang sederhana besarnya sehingga mati.

(2) Jika pesalah yang melakukan zina itu ghairu mohsan, maka pesalah itu hendaklah dihukum dengan hukuman sebat sebanyak serratus sebanyak seratus kali sebatan dan sebagai tambahan hendaklah dipenjara selama satu tahun.

12. (1) Qazaf ialah sesuatu kesalahan membuat tuduhan zina yang tidak dibuktikan oleh empat orang saksi, terhadap seseorang Islam yang akil baligh dan dikenali sebagai seorang yang bersih diri daripada kelakuan zina.

(2) Qazaf juga boleh dilakukan dengan membuat suatu pernyataan dengan cara yang nyata seperti menyatakan bahawa seseorang itu telah melakukan zina atau dengan cara tersirat seperti menyatakan bahawa seseorang itu bukannya bapa ataupun bukannya anak kepada seseorang yang tertentu.

(3) Pernyataan di bawah subseksyen (2) adalah dianggapkan sebagai qazaf melainkan ia dibuktikan dengan empat orang saksi lelaki, dan jika pernyataan itu tidak boleh dibuktikan sedemikian maka orang yang membuat tuduhan itu adalah melakukan kesalahan qazaf; tetapi sekiranya pernyataan itu dibuktikan, maka orang yang terhadapnya kenyataan itu dibuat adalah melakukan kesalahan zina.

(4) Suatu pernyataan di bawah subseksyen (2) adalah dianggap tidak terbukti, sekiranya seseorang atau beberapa orang saksi yang berempat yang dipanggil untuk memberi keterangan menyokong pernyataan itu dengan memberi keterangan atau jika keterangan itu diberi, keterangan itu bercanggah dengan pernyataan itu; dan dalam hal yang seperti itu maka tiap-tiap orang saksi yang memberi keterangan yang menyokong pernyataan itu hendaklah dianggapkan telah melakukan kesalahan qazaf.

13. Sesiapa yang melakukan kesalahan qazaf hendaklah dihukum dengan hukuman sebat sebanyak lapan puluh kali sebatan dan keterangannya sebagai saksi tidak boleh diterima lagi sehingga dia bertaubat atas perbuatannya itu.

14. (1) Al-li'an ialah sesuatu tuduhan zina secara bersumpah yang dibuat oleh seorang suami terhadap isterinya manakala isterinya pula dengan secara bersumpah menolak tuduhan itu, yang mana tuduhan itu dan penolakkannya adalah dibuat dihadapan seorang hakim dengan menyebutkan kata-kata yang menurut hukum Syarak cukup untuk membuktikan al-li'an; dan kata-kata itu hendaklah seperti yang terkandung dalam subseksyen (2).

(2) Suami yang membuat tuduhan itu hendaklah melafazkan empat kali berturut-turut lafaz berikut:

"Aku bersaksi dengan Allah bahawa aku bercakap benar bahawa aku menuduh isteriku berzina."

(3) Apabila genap empat kali dia mengulang-ulangkan lafaz yang terkandung dalam subseksyen (2), maka dia hendaklah menyebut lafaz yang kelima dengan berkata:

"La'nat Allah akan jatuh ke atasku sekiranya aku bercakap bohong".

(4) Bagi menolak tuduhan itu, maka isterinya hendaklah pula melafazkan empat kali berturut-turut lafaz yang berikut:

"Aku bersaksi dengan Allah bahawa suami adalah bohong membuat tuduhan zina ke atasku".

(5) Apabila genap empat kali dia mengulang-ulang lafaz yang dinyatakan dalam subseksyen (4), maka dia hendaklah menyebut lafaz yang kelima dengan berkata:

"Kemurkaan Allah akan jatuh ke atasku sekiranya suamiku bercakap benar".

(6) Jika isteri itu telah melahirkan anak atau sedang hamil yang dianggap sebagai hasil daripada zina yang dituduh oleh suaminya, maka suami itu hendaklah menafikan menjadi bapa kepada anak yang sudah dilahirkan itu atau yang masih dikandung itu dengan menambah kepada lafaz di bawah subseksyen (2) yang mesti diulang empat kali sebutannya, lafaz yang berikut:

"Bahawa anak ini/apa yang dikandung oleh isteri aku bukanlah daripada aku".

15. Apabila suatu pasangan suami isteri malakukan al-li'an untuk menyelesaikan tuduhan zina di antara mereka berdua, maka suaminya tidaklah bersalah melakukan qazaf dan isterinya tidaklah pula bersalah melakukan zina; dan kedua-duanya terlepas daripada hukuman bagi kesalahan tersebut; tetapi perkahwinan mereka dengan secara sendirinya dan dengan serta merta menjadi bubar, dan hakim hendaklah menceraikan mereka, dan pasangan itu selama-lamanya tidak lagi boleh berkahwin semula dan jika selepas itu mereka melakukan persetubuhan, maka perbuatan itu adalah haram dan persetubuhan itu adalah zina.

16. Liwat ialah suatu kesalahan yang merupakan persetubuhan di antara seorang lelaki dengan seorang lelaki yang lain atau di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan selain daripada isterinya yang dilaakukan di luar tabii iaaitu melalui dubur.

17. Sesiapa melakukan kesalahan liwat hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama seperti yang ditetapkan bagi zina.

18. Kesalahan liwat hendaklah dibuktikan dengan cara yang sama dengan cara yang diokehendaki untuk membuktikan zina.

19. (1) musahaqah adalah suatu kesalahan ta'zir yang merupakan suatu perbuatan memuaskan nafsu seks di antara perempuan dengan perempuan dengan menggeselkan faraj dengan faraj mereka bedua dan hukumannya adalah terletak kepada budi bicara Mahkamah.

(2) Kesalahan itu bolehlah dibuktikaan dengan cara yang sama dengan cara yang

dikehendaki untuk membuktikan kesalahan ta'zir.

20. *Ittiyan almmaitah* ialah suatu kesalahan kerana melakukan persetubuhan dengan mayat, sama ada mayat itu mayat lelaki atau mayat perempuan, daan jika mayat itu mayat perempuan sama ada mayat itu mayat isteri pesalah itu atau mayat perempuan yang lain; dan

sesiapa yang melakukan kesalahan ini bolehlah dihukum dengaan hukuman ta'zir dengan dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

21. *Ittiyan albahimah* ialah suatu kesalahan kerana melakukan persetubuhan dengan binatang; dan sesiapa yang melakukan kesalahan ini,bolehlah dihukum dengan hukuman ta'zir dengan dipenjarakan tidak melebihi daripada lima tahun.

22. (1) *Syurb* adalah kesalahan meminum arak atau sebarang minuman yang memabukkan; dan sesiapa yang melakukan kesalahan ini, sama ada dia mabuk atau tidak, dan tanpa mengira kuantiti yang diminumnya hendaklah dikenakan hukuman sebat yang tidak lebih daripada lapan puluh kali sebatan dan tidak kurang daripada empat puluh kali sebatan.

(2) Kesalahan itu bolehlah dibuktikan dengan keterangan lisan yang diberi oleh dua orang saksi atau dengan iqrar yang dibuat oleh tertuduh itu sendiri sebagaimana yang diperuntukan dalam Bahagian III.

23. (1) *Irtidad* ialah apa-apa perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan oleh seorang Islam yang mukallaf yang mana perbuatan atau perkataan itu mengikut hukum Syarak adalah menjelaskan atau berlawanan dengan 'aqidah ugama Islam:

Dengan syarat bahawa perbuatan itu dilakukan atau perkataan itu sisebutkan dengan niat, dengan sukarela dan dengan pengetahuan, dan tanpa apa-apa paksaan oleh sesiapa atau oleh keadaan.

(2) Perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkataan yang menjelaskan 'aqidah itu ialah perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkataan asas yang dianggapkan mesti diketahui dan

dipercuryai oleh tiap-tiap orang Islam sebagai pengetahuan umumnya kerana dia orang Islam seperti perkara-perkara mengenai Rukun Islam, Rukun Iman dan perkara-perkara halal dan haram.

(3) Sesiapa yang disabitkan melakukan kesalahan irtidad, hendaklah sebelum dijatuhkan hukuman ke atasnya dikehendaki oleh Mahkamah supaya bertaubat dalam tempoh yang

tidak kurang daripada tiga hari setelah dia didapati salah.

(4) Sekiranya dia enggan bertaubat dan masih lagi berterusan dengan pendiriannya terhadap perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan itu, maka mahmakah hendaklah menistiharkan hukuman bubuh ke atasnya dan memerintahkan supaya hartanya sama ada diperolehi sebelum atau selepas dia melakukan kesalahan itu dirampas untuk dipegang bagi keperluan Baitul-ma:

Dengan syarat bahawa sekiranya dia bertaubat sama asa sebelum dijatuhan hukuman bunuh ke atasnya atau selepas sijatuhkan hukuman itu ke atasnya tetapi belum dijalankan lagi hukuman itu, maka hendaklah dia terlepas daripada hukuman bunuh, dan hartanya yang dihukum rampas itu hendaklah dipulangkan kepadanya:
Dengan syarat selanjutnya bahawa dia hendaklah dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

BAHAGIAN 11

Qisos

24. Qisos dan diyat kedua-duanya hendaklah dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan menyebabkan kematian manusia dan menyebabkan kecederaan badan.

25. Mematikan manusia adalah terbahagi kepada tiga jenis:

- a) qatl-al-'amd (menyebabkan kematian dengan sengaja hendak membunuh);*
- b) qatl-syibli-al-'amd (menyebabkan kematian menyerupai qatl-al-'amd);*
dan
- c) qatl-al-khata' (menyebabkan kematian dengan tidak sengaja).*

26. (1) Sesiapa menyebabkan kematian seseorang dengan melakukan suatu perbuatan dengan niat untuk menyebabkan kematian atau kecederaan badan yang pada kebiasaan memadai atau mungkin akan menyebabkan kematian; atau dengan melakukan suatu perbuatan dengan pengetahuan bahawa perbuatannya itu adalah sebegitu sekali berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian, adalah melakukan qatl-ai-'amd.

(2) Sesiapa melakukan suatu perbuatan dengan niat atau dengan pengetahuan bahawa perbuatannya mungkin akan menyebabkan kematian, telah menyebabkan kematian mana-mana orang yang kematianya dia tidak berniat untuk menyebabkan atau tidak tahu mungkin akan menyebabkan, adalah juga melakukan qatl-al-'amd.

27. (1) Kecuali seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2), sesiapa melakukan qatl-al-'amd hendaklah dihukum bunuh sebagai hukuman qisos.

(2) Hukuman bunuh di bawah subseksyen tidak akan dikenakan apabila:

- a) Kesalahan itu tidak dibuktikan dengan keterangan yang dikehendaki di bawah Bahagian III; atau*
- b) Walaupun ada bukti itu, tetapi wali telah meremit hukuman qisos itu.*

28. Seseorang wali itu boleh pada bila-bila masa sebelum hukuman bunuh sebagai hukuman qisos dijalankan, mengampunkan pesalah itu sama ada dengan membayar diyat atau tidak; dan sekiranya pengampunan itu diberi dengan bayaran diyat, maka diyat itu hendaklah dibayar dengan sekali gus sahaja atau dengan beransur-ansur dalam tempoh tiga thuan mulai daripada tarikh keputusan yang terakhir dan sekiranya dalam tempoh itu pesalah itu mati, maka diyat itu hendaklah dibayar daripada pesaka

pesalah itu.

29. Apabila hukuman bunuh sebagai hukuman qisoos tidak boleh ikenakan, maka pesalah itu bolehlah dikenakan hukuman ta'zir dengan dipenjarakan seumur hidup atau tertakluk kepada hal keadaan kes, seberapa lama yang difikirkan oleh Mahkamah akan membawa pesalah itu kepada kesedaran dan penyesalan.

30. Sesiapa dengan niat hendak melakukan kecederaan kepada tubuh badan akan akal fikiran seseorang telah menyebabkan orang itu atau orang lain mati dengan melakukan suatu perbuatan sama ada dengan menggunakan senjata atau tidak dan perbuatan itu pada kebiasaanya tidak mungkin menyebabkan kematian, adalah melakukan qatl-syibli-al-'amd.

31. Sesiapa melakukan qatl-syibli-al-'amd hendaklah membayar diyat kepada wali mangsanya dan sebagai tambahan bolehlah dikenakan hukuman ta'zir dengan dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi empat belas tahun.

32. Sesiapa tanpa nilat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan telah menyebabkan kematian seseorang dengan melakukan sesuatu perbuatan yang tidak disangka boleh menyebabkan orang itu, adalah melakukan qatl-al-khata'.

33. Sesiapa melakukan qatl-al-khata' hendaklah membayar diyat kepada wali mangsa kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman ta'zir dengan dipenjarakan selama satu tempoh yang tidak melebihi sepeluh tahun.

34. Sesiapa menyebabkan kesakitan, mudarat, penyakit, kelemahan atau kecederaan kepada seseorang, atau melemahkan atau merosakkan atau menghilangkan fungsi semua anggota tubuh badan seseorang atau sebahagian daripadanya dengan tidak menyebabkan kematian orang itu, hendaklah dikatakan telah menyebabkan kecederaan badan.

35. (1) Sesiapa menyebabkan badan kepada seseorang maka dia hendaklah dihukum dengan hukuman qisos oao tu dengan dikenakan kecederaan yang sama seperti kecederaan yang telah dilakukannya kepada mangsanya dan sekiranya hukuman qisos itu tidaak dapat dikenakan atau tidak dapat dilaksanakan dengan syarat-syaarat yang dikehendaki oleh hukum Syarak tidak dipenuhi maka pesalah itu hendaklah membayar irsy kepada mangsanya dan bolehlah dikenakan hukuman taa'zir dengan dipenjarakan.
(2) Banyaknya irsy yang mesti dibayar dan tempoh hukuman penjara yang akan dikenakan hendaklah mengikut apa yang ditetapkan oleh hukum Syarak, dan hendaklah berbeza-beza
mengikut keadaan dan keparahan dan jenis kecederaan yang dilakukan kepada mangsanya dan juga keadaan dalam mana kesalahan itu dilakukan.

36. Bagi tujuan menjatuhkan hukuman, kecederaan badan hendaklah dibahagikan seperti berikut:

- a) *itlaf-as-udhw* (*menyebabkan putus mana-mana anggota badan atau kecederaan sesuatu bahagian atau anggota tubuh badan*).
- b) *itlaf-solahayyatu-al-udhw* (*menyebabkan kebinasaan atau kelemahan selama-lamanya fungsi atau kegunaan sesuatu anggota badan atau merosakkan rupa anggota itu selama-lamanya*);
- c) *Syajjah* (*menyebabkan kecederaan di kepala atau muka yang mana kecederaan itu tidak termasuk dalam takrif atlaf-al-udhw atau itlaf solahiyyatu-al-udhw*);
- d) *jurh* (*menyebabkan luka kepada mana-mana bahagian badan selain daripada kepada dan muka yang mana luka itu meninggalkan sesuatu tanda atau parut sama ada sementara atau kekal*); and
- e) *kesemua kecederaan badan yang lain*.

37. *Hukuman qisos tidak boleh dikenakan dalam kes-kes yang berikut:*

- a) *apabila pesalah yang melakukan kesalahan qisos itu mati*;
- b) *apabila anggota yang hendak dikenakan hukuman qisos itu sudah tidak berfungsi atau tidak berupaya lagi*;
- c) *apabila kemaafan diberi oleh mangsa pesalah itu atau oleh walinya; atau*
- d) *apabila penyelesaian (solh) atau persetujuan di antara mangsa dan pesalah telah dibuat.*

38. *Apabila hukuman qisos tidak dikenakan maka*

- a) *tempoh hukuman penjara sebagai hukuman ta'zir kerana melakukan itlaf-al-udhw dan itlaf-solahiyyatu-al-udhw adalah sepuluh tahun; dan irsy yang akan dikenakan bayarannya kerana melakukan kecederaaan itu hendaklah sebegaimana yang ditentukan dalam Jadual II*;
- b) *Tempoh hukuman penjara sebagai hukuman taa'zir dan irsy yang akan dikenakan bayarannya kerana melakukan syajjah hendaklah sebegaimana yang ditentukan dalam Jadual III; dan*
- c) *tempoh hukuman penjara sebagai hukuman taa'zir dan irsy yang akan dikenakan bayarannya kerana melakukan jurh hendaklah seeperti yang ditentukan dalam Jadual IV.*

BAHAGIAN III

Keterangan

39. (1) *Kecuali jika ada percanggahan dengan peruntukan yang ada dalam Enakmen ini, maka Enakmen keterangan Mahkamah Syariah 1991 hendaklah dipakai untuk membuktikan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini.*

(2) *Semua kesalahan di bawah Enakmen ini sama ada kesalahan hudud atau kesalahan qisos, atau kesalahan ta'zir, hendaklah dibuktikan dengan keterangan lisan atau iqrar yang dibuat oleh tertuduh.*

40. (1) *Bilangan saksi-saksi yang dikehendaki untuk membuktikan semua kesalahan di bawah Enakmen ini melainkan zina, hendaklah sekurang-kurangnya dua orang.*

(2) *Bilangan saksi-saksi yang dikehendaki untuk membuktikan lesalahan zira hendaklah tidak kurang daripada empat orang.*

41. (1) *Tiap-tiap orang saksi hendaklah terdiri daripada seorang lelaki Islam yang akil baligh dan hendaklah seorang yang adil.*
(2) *Seseorang itu adalah dianggap adil jika ia menunaikan apa-apa yang disuruh oleh Islam dan menjauhi daripada dosa-dosa besar serta tidak mengekalkan dosa-dosa kecil dan juga mempunyai isti'mal al-muru'ah, (perasaan dan pendirian menghormati diri).*
(3) *Seseorang itu adalah dianggap adil, sehingga sebaliknya dibuktikan.*
42. (1) *Untuk membuktikan tuduhan terhadap tertuduh dan menyebabkan dia boleh dihukum dengan hukuman hudud atau qisos, keterangan yang diberi hendaklah benar-benar terang dan tidak ada apa-apa kesamaran dan keraguan.*
(2) *Tiap-tiap saksi hendaklah dengan terang menyatakan bahawa dia benar-benar melihat perbuatan yang didakwakan itu dan dalam kes zina pula keempat-empat orang saksi itu hendaklah menyatakan bahawa mereka benar-benar melihat kemasukan zakar lelaki ke dalam faraj perempuan pasangan yang bersetubuh itu dan juga hendaklah jangan ada perselisihan dan pertelingkahan di antara saksi-saksi di dalam keterangan itu.*
43. (1) *Untuk menyebabkan hukuman hudud dikenakan kepada tertuduh setiap saksi itu hendaklah berdiri teguh di atas keterangan terhadap tertuduh itu, bukan sahaja dalam masa perbicaraan dan selepasnya, tetapi [I] juga pada ketika hukuman itu dilaksanakan, kerana jika keterangan itu ditarikh balik sebelum hukuman itu dilaksanakan, maka tertuduh itu tidak lagi boleh dikenakan hukuman hudud, dan jika keterangan itu ditarikh balik ketika tertuduh sedang menjalani hukuman, maka hukuman itu hendaklah dengan serta merta diberhentikan.*
(2) *Dalam kes zina jika seseorang saksi itu enggan memberi keterangan, atau memberi keterangan yang berlawanan dengan tuduhan, atau memberi keterangan menyokong tuduhan itu tetapi kemudiannya menarik balik keterangan itu, yang mana dengan sebab itu bilangan saksi yang menyokong tuduhan itu menjadi kurang daripada empat orang, maka tuduhan zina terhadap tertuduh itu tidaklah terbukti, dan yang demikian tertuduh itu tidaklah terbukti, dan yang demikian tertuduh itu adalah terlepas daripada dikenakan hukuman hudud; tetapi saksi-saksi yang telah memberi keterangan menyokong tuduhan itu adalah bersalah kerana melakukan kesalahan qazaf.*
44. (1) *Sebaik-baik keterangan untuk menyabitkan tertuduh dan menyebabkan dia boleh dihukum dengan hukuman hudud ialah iqrarnya sendiri.*
(2) *Iqrar itu hendaklah dibuat dengan sukarela dan tanpa apa-apa paksaan di hadapan seorang pegawai kehakiman dan kemudiannya diulangi di hadapan hakim pada masa perbicaraan dijalankan; dan jika perbicaraan itu mengenai kes zina maka iqrar itu hendaklah diulangi sebanyak empat kali di hadapan hakim pada masa perbicaraan dijalankan:*
Dengan syarat bahawa iqrar itu hendaklah dibuat dan diulangi dengan tidak ada apa-apa ugutan, janji atau dorongan; dan hendaklah dengan nyatanya membuktikan secara terperinci bahawa tertuduh itu benar-benar telah melakukan kesalahan yang

dengannya dia telah dituduh, dan dia faham bahawa dia akan dihukum kerana membuat iqrar itu.

(3) Iqrar itu hanyalah boleh diterima sebagai keterangan terhadap tertuduh yang membuat iqrar itu sahaja, dan tidak boleh digunakan terhadap orang lain; dan untuk menjadikannya sah maka iqrar itu hendaklah bukan satu iqrar yang ditarik balik.

45. (1) Sesuatu iqrar itu boleh ditarikh balik oleh tertuduh yang membuatnya pada bila-bila masa sahaja; meskipun pada ketika dia sedang menjalani hukuman.

(2) Jika sesuatu iqrar itu ditarik balik sebelum dilaksanakan hukuman ke atasnya maka tertuduh itu tidaklah lagi boleh dikenakan hukuman itu, dan jika dia menarik balik iqrar itu

pada ketika dia sedang menjalani hukuman, maka hukuman itu hendaklah dengan serta merta diberhentikan.

(3) Jika pada bila-bila sebelum atau pada ketika hukuman dilaksanakan, tertuduh itu dapat melarikan diri daripada pihak yang berkuasa, maka dia hendaklah dianggapkan sebagai telah menarik balik iqrar itu; dan yang demikian peruntukan sebseysyen (2) hendaklah terpakai.

46. (1) Kecuali seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3) keterangan garinah walaupun berkaitan hendaklah tidak boleh dijadikan satu cara yang sah untuk membuktikan kesalahan hudud.

(2) Dalam perkara zina, kehamilan atau kelahiran anak oleh seseorang perempuan yang tidak mempunyai suami hendaklah menjadi keterangan yang boleh mendapatinya bersalah

melakukan zina dan yang demikian hukuman hudud ke atasnya hendaklah dikenakan melainkan jika dia dapat membuktikan sebaliknya.

(3) Dalam perkara minum arak atau sebarang minuman yang memabukkan, bau minuman yang didapati dalam nafas tertuduh itu atau muntahnya yang mengeluarkan arak atau sebarang minuman yang memabukkan atau apa-apa kesan darinya, atau pemerhatian Mahkamah kepada keadaan tertuduh itu bahawa dia sedang berada di dalam keadaan mabuk, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan untuk membuktikan bahawa dia telah melakukan kesalahan syurb, melainkan jika ia dapat membuktikan sebaliknya.

47. Apabila seseorang tertuduh itu tidak boleh dihukum dengan hukuman hudud kerana saksi-saksi telah menarik balik keterangan mereka sebagaimana yang diperuntukan di bawah seksyen 45 atau kerana keterangan yang ada tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki

untuk membuktikan kesalahan hudud, maka tertuduh bolehlah dihukum dengan hukuman ta'zir dan Mahkamah hendaklah mengambil tindakan untuk menjatuhkan hukuman itu sekiranya ada keterangan yang cukup bagi maksud itu.

BAHAGIAN IV

Bagaimana Hukuman Dilaksanakan

48. Hukuman hudud yang dikenakan di bawah Enakmen ini tidak boleh digantung, atau diganti dengan hukuman lain, atau dikurangkan atau diampunkan; atau dengan apa-apa cara lain diubah atau dipinda.

49. Tiap-tiap hukuman yang mengenakan hukuman hudud dan tiap-tiap hukuman bunuh yang dikenakan sebagai hukuman qisos atau hukuman ta'zir di bawah Enakmen ini hendaklah dirujukkan oleh Mahkamah Bicara Syariah Khas yang menjatuhkan hukuman itu kepada

Mahkamah Rayuan Syariah Khas untuk mendapat pengesahan, dan hukuman yang dijatuhkan itu tidak boleh dilaksanakan sebelum pengesahan itu diperolehi.

50. Sesuatu hukuman hudud yang dijatuhkan, selain daripada hukuman bunuh dan rejam, tidak boleh dilaksanakan melainkan pesalah telah diperiksa oleh seorang pegawai perubatan yang beragama Islam dan diakui oleh pegawai itu bahawa pesalah itu adalah sihat.

51. Jika seseorang pesalah itu bersalah kerana melakukan beberapa kesalahan, maka hukuman yang akan dilaksanakan ke atasnya adalah seperti berikut:

- a) jika hukuman-hukuman itu adalah daripada jenis dan keparahan yang sama, maka hanya satu hukuman sahaja hendaklah dijalankan;
- b) jika hukuman-hukuman itu adalah daripada jenis yang sama, tetapi keparahannya tidak sama maka hukuman yang lebih berat sahaja hendaklah dijalankan;
- c) jika hukuman-k\hukuman itu adalah daripada jenis yang berlainan, maka semua hukuman itu hendaklah dijalankan; dan
- d) jika salah satu daripada hukuman-hukuman itu adalah hukuman bunuh, maka semua hukuman yang lain itu hendaklah diketepikan.

52. (1) Hukuman potong tangan bermakna memotong tangan dipergelangan tangan; iaitu di sendi yang menyambungkan tapak tangandengan lengan.

(2) Hukuman potong kaki bermakna memotong di bahagian tengah kaki itu supaya tumit kaki itu boleh lagi digunakan untuk berjalan atau berdiri.

53. Hukuman sebat hendaklah dilaksanakan dengan mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam Jadual V.

54. Hukuman rejam tidak boleh dilaksanakan ke atas pesalah perempuan yang sedang hamil sehinggalah dia melahirkan anaknya, dan selepas dia menjadi suci daripada darah nifas dan kembali sihat semula untuk menjalani hukuman itu; dan jika sekiranya dia menyusukan anaknya, maka hukuman rejam tidak boleh dijalankan sehingga genap dua tahun penyusuan anaknya, melainkan ada seseorang ibu susu yang sanggup menyusukan anak itu dalam tempoh tersebut.

55. Hukuman sebat tidak boleh dilaksanakan ke atas pesalah perempuan yang hamil sehingga dia melahirkan anaknya, dan selepas dia menjadi suci daripada darah nifas dan kembali sihat semula untuk menjalani hukuman itu dengan tidak ada bahaya.

BAHAGIAN V
Peruntukan Umum

56. (1) Tertaluk kepada subseksyen (2), Enakmen ini hendaklah terpakai ke atas tiap-tiap orang Islam yang mukallaf mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya dalam Negeri Kelantan.

(2) Tidak ada apa-apa dalam Enakmen ini yang menghalang seseorang yang bukan Islam daripada membuat pilihan supaya Enakmen ini terpakai ke atasnya mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya dalam Negeri Kelantan dan sekiranya seseorang bukan Islam itu membuat pilihan sedemikian, maka peruntukan Enakmen ini, hendaklah, mutatis mutandis terpakai ke atasnya seperti juga peruntukan-peruntukan tersebut terpakai ke atas seorang Islam.

57. Jika sesuatu kesalahan itu dilakukan sebagai hasil daripada atau kerana menurut persubahatan, pertolongan, komplot atau rancangan jahat, maka tiap-tiap orang yang bersubahat, menolong, mengambil bahagian dalam komplot atau rancangan jahat untuk melakukan kesalahan itu adalah bersalah melakukan kesalahan itu dan hendaklah dihukum dengan hukuman penjara sebagai hukuman ta'zir selama tempoh yang tidak lebih daripada sepuluh tahun.

58. Apabila suatu kesalahan itu dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semuanya, tiap-tiap seorang daripada mereka adalah bertanggungjawab atas kesalahan itu sama seperti seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan olehnya seorang dan boleh dihukum dengan hukuman penjara sebagai hukuman ta'zir selama tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun.

59. Jika beberapa orang mengambil bahagian melakukan kesalahan sariqah, tiap-tiap seorang daripada mereka hendaklah dihukum dengan hukuman hudud, seolah-olah tiap-tiap seorang daripada mereka itu melakukan kesalahan itu seorang sahaja: Dengan syarat bahawa bahagian yang diperolehi daripada harta curi oleh tiap-tiap seorang daripada mereka apabila dibahagikan sama rata di antara mereka, adalah sama dengan atau melebihi nilai nisab.

60. Sesiapa yang mencuba melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini hendaklah dihukum dengan hukuman penjara sebagai hukuman ta'zir selama tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun.

61. Apabila seseorang itu telah dibicarakan atau menghadapi apa-apa prosiding kerana melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini, maka dia tidaklah boleh dibicarakan dan tiada apa-apa prosiding boleh diambil terhadapnya di bawah Kahun

Keseksaan mengenai kesalahan yang sama atau serupa yang diperuntukkan di bawah kanun itu.

62. (1) Semua kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini dan peruntukan-peruntukan mengenainya hendaklah ditafsirkan mengikut hukum Syarak dan duluan-duluan yang didapati dalam huku itu; dan rujukan kepada hukum itu hendaklah dibuat mengenai apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dalam Enakmen ini.

(2) Jika timbul sebarang persoalan atau pertikaian dalam memberi erti sesuatu perkataan, perbahasan atau rangkaikata mengenai hukum Syarak, Mahkamah yang membicarakan

kes itu hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membuat tafsiran kepada perkataan, perbahasaan atau rangkaikata sedemikian itu.

BAHAGIAN VI

Mahkamah

63. (1) Hendaklah ditubuhkan Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas.

(2) Mahkamah Bicara Syariah Khas hendaklah mempunyai bidang kuasa membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini.

(3) Mahkamah Rayuan Syariah Khas hendaklah mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan mengenai apa-apa keputusan Mahkamah Bicara Syariah Khas.

64. Mahkamah-Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 63 adalah tambahan kepada Mahkamah-Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982, dan peruntukan-peruntukan Enakmen yang tersebut dalam perkara-perkara yang berkaitan hendaklah terpakai kepada kepada perkara-perkara mengenai Mahkamah-Mahkamah di bawah Enakmen ini, melainkan peruntukan-peruntukan itu bercanggah dengan Enakmen ini, atau tidak dimaksudkan oleh peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

65. Enakmen Acara Jenayah Syariah 1983 hendaklah terpakai kepada semua prosiding Mahkamah-Mahkamah sama ada dengan atau tanpa apa-apa pengubahsuaian yang difikirkan patut oleh Mahkamah-Mahkamah memandangkan kepada kepentingan keadilan.

66. Apabila bersidang untuk membicarakan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini, Mahkamah Bicara Syariah Khas hendaklah dianggotai oleh tiga orang hakim yang mana dua orang daripada mereka hendaklah terdiri daripada ulamak; dan perbicaraan itu hendaklah dipengerusikan oleh salah seorang daripada hakim-hakim tersebut.

67. Apabila Mahkamah Rayuan Syariah Khas bersidang untuk mendengar sesuatu rayuan yang dibuat ke atas keputusan atau hukuman Mahkamah Bicara Syariah Khas, maka Mahkamah Rayuan Syariah Khas hendaklah dianggotai oleh lima orang hakim

yang mana tiga orang daripada mereka hendaklah terdiri daripada ulamak dan persidangan itu hendaklah dipengerurikan oleh salah seorang daripada hakim-hakim tersebut.

68. *Seseorang yang sedang atau pernah memegang jawatan hakim Mahkamah Tinggi Malaya atau Borneo atau Mahkamah Agung Malaysia atau sesiapa juga yang mempunyai kelayakan untuk dilantik menjadi hakim mana-mana Mahkamah tersebut adalah layak untuk dilantik menjadi hakim; manakala ulamak yang layak dilantik menjadi hakim ialah seorang yang sedang atau pernah memegang jawatan Qadhi Besar atau Mufti Kerajaan atau sesiapa juga yang mempunyai kelayakan untuk memenang jawatan tersebut dan dikenali mashyrrnya mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang hukum Syarak.*

69. (1) *Hakim-hakim hendaklah dilantik oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulai Al-Sultan dengan Surat Tauliah Perlantikan yang ditandatangani dan dimeteri dengan Mohornya selepas berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri dan Jumaah Ulama dan sebagai tambahan Baginda boleh berunding dengan mana-mana pihak berkuasa, badan atau sesiapa juga yang difikirkan patut dan munasabah; dan perlantikan itu hendaklah disiarkan dalam warta.*

(2) *Dalam membuat perlantikan di bawah subseksyen (1), Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan hendaklah menentukan sama ada yang dilantik itu ialah Ketua Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Khas, Hakim Besar Mahkamah Bicara Syariah Khas, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Khas atau Hakim mahkamah Bicara Syariah Khas.*

70. *Prinsip kebebasan kehakim adalah berkuatkuasa kepada Mahkamah-Mahkamah ini dan tiap-tiap orang hakim yang dilantik di bawah Enakmen ini adalah bebas daripada hangguan oleh mana-mana pihak atau sesiapa.*

71. (1) *Tiap-tiap orang hakim berhak memegang jawatan sehingga dia sendiri meletakkan jawatan itu; melainkan sebelumnya dia terpaksa berhentik kerana tak sempurna akal atau kerana sakit yang hendaklah diakui oleh tidak kurang daripada tiga orang pakar perubatan, atau kerana didapati oleh suatu Suruhanjaya Kehakiman, melakukan suatu kesalahan yang menjadikan dia tidak layak menjadi hakim.*

(2) *Pakar-pakar perubatan dan Suruhanjaya Kehakiman itu hendaklah diolantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan selepas berunding dengan mana-mana pihak yang berkuasa, atau badan atau sesiapa juga yang difikirkan patut dan munasabah.*

(3) *Kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah suatu kesalahan di sisi undang-undang sekular atau hukum Syarak dan bukti terhadapnya hendaklah terang dan jelas.*

72. (1) *Gaji, elaun dan keistimewaan-keistimewaan lain hakim-hakim hendaklah dibayar sebagai satu tanggungan kepada kepada Kumpulan Wang Negeri Yang*

Disatukan dan hendaklah tidak kurang daripada gaji, elaun dan keistimewaan-keistimewaan lain hakim-hakim Mahkamah Tinggi Malaya, Borneo atau Mahkamah Agung Malaysia.

(2) Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang untuk menentukan gaji, elaun dan keistimewaan-keistimewaan lain hakim-hakim Mahkamah-Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini.

***JADUAL I
SEKSYEN 2
SENARAI PERKATAAN-PERKATAAN ARAB***

*Al-Il'an
Badhi'ah
Baitulmal
Damiyah
Diyat
Dubur
Faraj
Ghairu Jairah
Ghairu Mohsan
Halal
Haram
Hashimah
Hirabah
Hudud
Iqrar
Iman
Irsy
Irtidad
Istimal; Al Muruah
Ilaf Solihayat-al-udhw
Allaf-al-udhw
Ittiyan al bahimah
Ittiyan al maitah
Jaifah
Jenayan
Jurh
Lafaz
Laknat
Liwat
Mohsan
Mudhiah
Mukallaf
Munaqqilah
Musahaqah*

Mutalahimah
Nisab
Qaghi
Qarinan
Qatl-al-'amd
Qatl-syibhi-al-'amd
Qazaf
Qisoos
Rejam
Sariqah
Solh
Sunnah
Syajjah Damighah
Syajjah Hashimah
Syajjah Ma'mumah
Syajjah Mudhinah
Syajjah Munaqqilan
Syarak
Syariah
Syurb
Ta'zir
Wali
Wati Shubhah
Zina
Adla
Aqidah
Aqil Baligh
Aurat

**JADUAL II
SEKSYEN 38 (a)**

Jumlah irsy yang dikenakan bayarannya kerana melakukan iflaf-al-udhw dan itlaf-solahiyatu-al-udhw adalah seperti berikut:-

- Jenis Cedera*
Jumlah Irsy
1. *Kehilangan anggota yang tunggal, seperti hidung atau lidah - satu diyat*
 2. *Kehilangan anggota yang berpasang seperti tangan, kaki, mata, bibir, buah dada dan telinga -*
satu diyat jika satu pasang yang cedera, tetapi 1/2 diyat jika satu sahaja yang cedera.
 3. *Kehilangan anggota yang berempat seperti bulu mata atau kelopak mata -*

*1/4 diyat jika satu pasang yang cedera, tetapi 1/2 diyat jika satu sahaja yang cedera.
3/4 diyat jika tiga anggota yang cedera, dan satu diyat jika kesemua empat-empat anggota itu cedera.*

*4. Sebatang jari tangan atau jari kaki -
1/10 diyat*

*5. Satu sendi jari -
1/30 diyat*

*6. Satu sendi ibu jari -
1/20 diyat*

*7. Sebatang gigi yang bukan gigi palsu -
1/20 diyat*

*8. Dua puluh batang gigi -
satu diyat*

9. Sebatang gigi susu irsynya sebanyak mana yang ditentukan oleh Mahkamah.

10. Mencabut kesemua rambut di kepala, janggut, misai, bulu keping, bulu mata dan dimana-mana sahaja di badan satu diyat

JADUAL III SEKSYEN 38 (b)

Jumlah irsy dan lama tempoh penjara yang dihukumkan kerana melakukan syajjah (cedera di kepala atau muka).

Jenis Cedera

Jumlah Irsy Tempoh Penjara

1. Syajjah khafifah (cedera yang tidak mendedahkan tulang) sebanyak mana yang ditentukan oleh Mahkamah yang tidak melebihi dua tahun.

*2. Syajjah mudhiahah (cedera yang mendedahkan tulang tetapi tidak ada patah) -
1/20 diyat tidak melebihi lima tahun*

*3. Syajjah mudhiahah (cedera yang melibatkan patah tetapi tidak tergelincah sendi) -
1/10 diyat tidak melebihi lima tahun*

4. Syajjah munaqqilah (cedera yang melibatkan patah dan tergelincah sendi) -

3/20 diyat tidak melebih sepuluh tahun

5. *Syajjah ma'mumah* (cedera yang melibatkan pecah tempurong kepala tetapi lukanya hanyalah menyentuh kulit otak sahaja dengan tidak mencarikannya) -

3/10 diyat tidak melebihi sepuluh tahun

6. *Syajjah damighah* (cedera yang melibatkan pecah tempurong kepala dan lukanya mencarikkan kulit otak) -

1/2 diyat tidak melebihi empat belas tahun

JADUAL III

SEKSYEN 38 (c)

Jumlah irsy dan lama tempoh penjara kerana melakukan jurh (luka di bahagian badan yang lain daripada kepala dan muka dan luka itu ada meninggalkan parut).

Jenis Cedera

Jumlah Irsy Tempoh Penjara

1. Jaifah

(luka yang menembusi bahagian dalam kepala batang tubuh) -

1/3 diyat tidak melebihi sepuluh tahun.

2. Ghair jaifah

(luka yang lain daripada jaifah) iaitu:-

a) damiyah

(carik kulit dan berdarah)

b) badhi'ah

(luka yang tidak mendedahkan tulang)

c) mutalahimah

(luka yang sampai kedaging)

d) mudhiyah

(luka yang mendedahkan tulang)

e) hasmimah

(patah yang tidak menggelincangkan sendi)

f) munaggilah

(patah yang menggelincangkan sendi)

sebanyak mana yang ditentukan oleh Mahkamah - tidak melebihi tujuh tahun

JADUAL V
SEKSYEN 53

1. *Kaedah-kaedah dalam jadual ini hendaklah dipakai untuk melaksanakan hukuman sebat di bawah Seksyen 53 Enakmen ini.*
2. *Hukuman sebat yang akan dijalankan ke atas seorang pesalah hendaklah dijalankan oleh seorang pegawai yang ditugaskan khas oleh pihak berkuasa penjara di tempat dan pada masa yang diarahkan oleh Mahkamah dan hendaklah dihadiri dan disaksikan oleh seorang pegawai perubatan Islam dan sekurang-kurangnya empat orang Islam sebagai saksi; dengan syarat bahawa sebelum hukuman itu dijalankan pesalah itu hendaklah diperiksa oleh pegawai perubatan itu dan disahkan sebagai sihat dan berupaya menjalani hukuman sebat itu.*
3. *Tiada hukuman sebat boleh dijalankan ke atas seseorang pesalah melainkan setelah tamat tempoh 14 hari selepas daripada tarikh hukuman itu dijatuhkan; dan jika ada rayuan, hukuman itu hendaklah dijalankan dalam tempoh yang seberapa segera selepas daripada hukuman itu disahkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Khas.*
4. *Hukuman sebat itu hendaklah dijalankan dengan cara pegawai tersebut memukul pesalah itu dengan rotan yang mana ukurannya (kecuali dalam kes yang disebut dalam Kaedah 8(2) (ii)) ialah satu meter panjang dan satu sentimeter garis pusat (diameter).*
5. *Hukuman sebat itu hendaklah dijalankan dengan cara membahagikan pukulan di merata-rata tubuh badan kecuali muka, kepala, dada dan kemaluan.*
6. *Hukuman sebat itu hendaklah dijalankan dengan cara pukulan yang sederhana yang mana pegawai yang menjalankan hukuman itu tidaklah boleh mengangkat rotan penyebat itu tinggi hingga ke paras kepalanya; dan pukulan itu hendaklah diberi berturut-turut dan tidak melebihi bilangan yang diperintahkan oleh Mahkamah.*
7. *Ketika menerima sebatan, pesalah itu hendaklah berdiri dan memakai pakaian nipis yang menutup auratnya mengikut hukum Syarak.*
8. (1) *Jika dalam masa sebatan itu dijalankan, pesalah itu didapati tidak mampu atau tidak berupaya lagi menerima sebatan itu, maka atas pengesahan pegawai perubatan itu, sebatan itu hendaklah diberhentikan dengan serta merta dan ditangguhkan sehingga Mahkamah memberi satu arahan baru untuk menyambung semula hukuman sebat itu; dan buat sementara waktu pesalah itu hendaklah ditahan dalam penjara atau dibebaskan dengan jaminan.*
(2) *Arahan itu hendaklah dibuat dengan berpandukan kepada laporan pegawai perubatan seperti berikut:*

- i) sekiranya mengikut laporan itu pesalah itu ada harapan sembah daripada sakitnya, maka hukuman sebat itu hendaklah disambung semula dengan seberapa segera apabila ia pulih daripada sakitnya; dan
- ii) sekiranya mengikut laporan itu pesalah itu tidak ada harapan sembah daripada sakitnya, walauapapun sakitnya itu, maka hukuman sebat itu hendaklah diteruskan juga di suatu masa yang sesuai tetapi rotan yang akan digunakan untuk menyambung hukuman sebat itu hendaklah terlebih ringan dan terlebih kecil daripada ukuran yang ditetapkan di bawah Kaedah 4.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk melaksanakan Undang-Undang Jenayah Syariah.

PERMULAAN

- 2. Fasal 1 adalah mengenai tajuk ringkas.
- 3. Fasal 2 adalah mengenai tafsirar.
- 4. Fasal 3 memperkatakan tentang pembahagian kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini kepada kesalahan-kesalahan hudud, qisos dan ta'zir.

BAHAGIAN I

Kesalahan-Kesalahan Hudud

- 5. Fasal 4 memperkatakan tentang jenis-jenis kesalahan hudud.
- 6. Fasal-Fasal 5, 6 dan 7 memperkatakan tentang kesalahan sariqah dan hukuman baginya.
- 7. Fasal-Fasal 8 dan 9 memperkatakan tentang kesalahan hirabah dan hukuman baginya.
- 8. Fasal-Fasal 10 dan 11 memperkatakan tentang kesalahan kesalahan zina dan hukuman baginya.
- 9. Fasal-Fasal 12 dan 13 memperkatakan tentang kesalahan qazaf dan hukuman baginya.
- 10. Fasal-Fasal 14 dan 15 memperkatakan tentang al-li'an dan akibatnya.
- 11. Fasal-Fasal 16 , 17 dan 18 memperkatakan tentang kesalahan liwat dan hukuman baginya.
- 12. Fasal 19 memperkatakan tentang kesalahan musahaqah dan hukuman baginya.
- 13. Fasal 20 memperkatakan tentang ittiyan al-maitah dan hukuman baginya.
- 14. Fasal 21 memperkatakan tentang kesalahan ittiyan al-bahimah dan hukuman baginya.
- 15. Fasal 22 memperkatakan tentang kesalahan syurb dan hukuman baginya.
- 16. Fasal 23 memperkatakan tentang kesalahan irtidad atau riddah.

BAHAGIAN II

Qisos

- 17. Fasal 24 bertujuan untuk memperuntukkan tentang applikasi qisos dan siyat bagi

- kes yang menyebabkan kematian manusia dan kecederaan badan.*
18. *Fasal 25 memperkatakan tentang jenis-jenis kesalahan menyebabkan kematian.*
19. *Fasal-Fasal 26 dan 27 memperkatakan tentang kesalahan qatl-al-'amd dan hukuman baginya.*
20. *Fasal 28 bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai pengampuan bagi hukuman qisos.*
21. *Fasal 29 bertujuan untuk memperuntukkan hukuman ta'zir sebagai ganti kepada hukuman qisos.*
22. *Fasal-Fasal 30 dan 31 memperkatakan tentang kesalahan qatl-syibhi-al-'amd dan hukuman baginya.*
23. *Fasal-Fasal 32 dan 33 memperkatakan tentang qalt-al-khata' dan hukuman baginya.*
24. *Fasal-Fasal 34 dan 35 memperkatakan tentang kesalahan menyebabkan kecederaan badan dan hukuman baginya.*
25. *Fasal 36 bertujuan untuk memperuntukkan jenis-jenis kecederaan badan bagi tujuan menghukum.*
26. *Fasal 37 bertujuan untuk memperuntukkan tentang akibat apabila hukuman-hukuman qisos tidak dikenakan.*
27. *Fasal 38 bertujuan untuk memperuntukan tentang akibat apabila hukuman-hukuman qisos tidak dikenakan.*

BAHAGIAN III

28. *Fasal 39 bertujuan membuat peruntukan tentang bagaimana membuktikan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini.*
29. *Fasal 40 memperkatakan tentang bilangan saksi-saksi untuk membuktikan semua kesalahan di bawah Enakmen ini.*
30. *Fasal 41 memperkatakan tentang syarat-syarat menjadi saksi.*
31. *Fasal-Fasal 42 dan 43 memperkatakan tentang keterangan.*
32. *Fasal-Fasal 44 dan 45 memperkatakan tentang iqrar.*
33. *Fasal 46 memperkatakan tentang keterangan qarinah.*
34. *Fasal 47 bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai hukuman ta'zir sebagai ganti hukuman hudud apabila keterangan tidak memenuhi syarat-syarat untuk membuktikan kesalahan hudud.*

BAHAGIAN IV

Bagaimana Hukuman Dijalankan

35. *Fasal 48 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa hukuman hudud tidak boleh dibuat.*
36. *Fasal 49 memperkatakan tentang pengesahan hukuman hudud dan hukuman mati oleh Mahkamah Rayuan Syariah Khas sebelum hukuman tersebut dilaksanakan.*
37. *Fasal 50 memperkatakan tentang pemeriksaan perubatan sebelum hukuman dilaksanakan.*
38. *Fasal 51 bertujuan untuk membuat peruntukan tentang bagaimana hendak*

melaksanakan beberapa hukuman.

39. *Fasal 52 memperkatakan tentang cara melaksanakan hukuman sebat.*
40. *Fasal 53 memperkatakan tentang cara melaksanakan hukuman sebat.*
41. *Fasal 54 bertujuan untuk memperuntukkan penangguhan hukuman rejam bagi perempuan yang hamil dan yang menyusukan anak.*
42. *Fasal 55 memperkatakan tentang hukuman sebat ke atas perempuan hamil.*

BAHAGIAN V

Peruntukan Umum

43. *Fasal 56 memperkatakan tentang pemakaian Enakmen ini ke atas tiap-tiap orang Islam yang mukallaf.*
44. *Fasal-Fasal 57 dan 58 memperkatakan tentang bersubahat dan komplot melakukan kesalahan serta niat yang bersama.*
45. *Fasal 59 memperkatakan tentang kesalahan sariqah berkumpulan.*
46. *Fasal 60 memperkatakan tentang mencuba melakukan kesalahan.*
47. *Fasal 61 memperkatakan tentang keadaan dalam mana prosiding di bawah kanun Keseksaan tidak boleh diambil.*
48. *Fasal 62 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini hendaklah ditafsirkan mengikut hukum Syarak.*

BAHAGIAN VI

Mahkamah

49. *Fasal-Fasal di bawah Bahagian ini memperkatakan tentang Mahkamah Bicara Syariah Khas, Mahkamah Rayuan Syariah Khas dan perlantikan hakim-hakim serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.*

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amannya belum dapat ditentukan sekarang.

KERAJAAN NEGERI KELANTAN